

**Volume III
No. 37**



**Tuesday
21st February, 1967**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)**

OFFICIAL REPORT

**THIRD SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 5065]

BILL:

The Supply (1967) Bill—

Committee (Fourteenth Allotted Day)—

Head S. 61 [Col. 5071]

Head S. 62 [Col. 5102]

Head S. 63 to S. 69 [Col. 5117]

Head S. 70 [Col. 5133]

Head S. 71 to S. 75 [Col. 5163]

EXEMPTED BUSINESS (Motion) [Col. 5117]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Third Session of the Second Dewan Ra'ayat

Tuesday, 21st February, 1967

The House met at

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Finance, TUAN TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, TAN SRI V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Transport, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Minister of Lands and Mines, TUAN ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development, TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Health, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).

The Honourable WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI (Pasir Mas Hulu).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH, S.M.K. (Kelantan Hilir).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN (Sarawak).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, J.P. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN IKHWAN ZAINI (Sarawak).

The Honourable TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).

- .. TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).
- .. PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN THOMAS KANA (Sarawak).
- .. TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- .. TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- .. TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- .. DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- .. DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- .. DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- .. TUAN T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- .. TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- .. TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- .. TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- .. TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).
- .. TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).
- .. TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- .. WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- .. TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- .. TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR,
A.B.S. (Sarawak).
- .. DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S.,
A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- .. TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- .. TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- .. TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).
- .. TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).
- .. TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- .. TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- .. TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).
- .. TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- .. TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau-Tampin).
- .. RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- .. TUAN SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- .. TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- .. TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- .. TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).

The Honourable TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).

- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

The Honourable the Prime Minister and Minister of Foreign Affairs,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).

- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice,
TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,
S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Education, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN,
J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Local Government and Housing,
TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Labour, TUAN V. MANICKAVASAGAM,
J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting and Minister of
Culture, Youth and Sports, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN
(Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister for Sabah Affairs, TUN DATU MUSTAPHA BIN
DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).
- „ the Assistant Minister without Portfolio, TUAN HAJI ABDUL
KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Education, TUAN LEE SIOK YEW,
A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ the Assistant Minister of Finance, DR NG KAM POH, J.P.
(Telok Anson).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour,
TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATO' TUANKU BUJANG, A.B.S.
(Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).

- The Honourable DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- .. TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- .. O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- .. DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- .. TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- .. DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- .. TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- .. TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- .. TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- .. TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitawan).
- .. TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- .. TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- .. TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
- .. TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- .. DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- .. ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- .. TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungei Patani).
- .. TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- .. TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- .. DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- .. PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- .. TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- .. TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- .. TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).

PRAYERS

(Mr Speaker in the Chair)

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

AMOUNT OF INVESTMENTS BY THE E.P.F. IN DOMESTIC LOANS FROM 1952 TILL 1966

1. Dr Tan Chee Khoon (Batu) asks the Minister of Finance the amount invested by the E.P.F. in our domestic loans since its inception till the end of 1966 giving the figures year by year since 1952 and the total up to the end of 1966.

Year	Amount
1952	\$ 16,877,481
1953	50,888,968
1954	49,877,371
1955	30,250,946
1956	73,100,619
1957	76,669,244
1958	71,460,428
1959	90,651,876
1960	126,246,483
1961	74,692,245

The Minister of Finance (Tuan Tan Siew Sin): Mr Speaker, Sir, the Employees Provident Fund has invested the following amounts in domestic loans since 1952:

Year	Amount
1962	\$ 72,978,600
1963	150,186,638
1964	130,692,390
1965	209,970,856
1966	101,367,623

The total amount invested in these domestic loans since the inception of the Fund up to the end of 1966 is, therefore, \$1,325,911,768.

Dr Tan Chee Khoon: Sir, is the Honourable Minister aware that since 1952 the domestic borrowing of the then British Malayan Government and since then the Alliance Government has been in the region of about \$2,000 million—as it stands, the domestic debt is in the region of \$2,500 million? Consequently, is the Honourable Minister aware that the investments of the E.P.F. towards the domestic loans is in the region of about 60 plus per cent? Since 1952, according to the Honourable Minister's own figures, the investments of the E.P.F. in the domestic loans have been increasing, hitting a peak of nearly \$209 million in 1965. Consequently, Mr Speaker, Sir, is the Honourable Minister aware that this country, and in particular the Alliance Government, owes a great debt to the workers of the country, because if it were not for the contributions of the E.P.F., which comes out of the savings of the poor workers of the country, the Government would be in very serious trouble *vis-a-vis* our domestic borrowings?

Tuan Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I agree that the Employees Provident Fund does contribute a substantial proportion towards the total domestic loans of the Government, but I do not think that that proves anything either way. I think the Honourable Member for Batu must also bear in mind that the employers' contributions to the E.P.F. are equal to that from the employees.

Dr Tan Chee Khoon: Here I am not taking up cudgels on behalf of the employers. They have other people better qualified than me to speak on their behalf in this House. Out of this

sum of \$1,326 million, we know that half of it is contributed by the workers of this country. Is the Government aware that if there should be any agonising re-appraisal in terms of salaries of its staff, whether by way of massive retrenchment or of cuts both at the top and at the bottom, then in view of their contributions, which is admitted by the Minister of Finance, made towards domestic borrowings and the financial wellbeing of this country, then the agonising re-appraisal must come from the Government rather than from the workers of this country?

Tuan Tan Siew Sin: If there were to be a general pay cut in the case of the Public Service, then the expenditure of the Government would be that much less and I think it is debatable as to whether the amount saved would be lesser or greater than the amount received from the E.P.F. on that account.

Dr Tan Chee Khoon: Continuing from where the Minister of Finance has left off, if there is going to be a pay cut particularly in the lower ranks, because the upper ranks are in the minority, is the Honourable Minister aware that if he cuts the pay of the lower ranks of the people, consequently their contributions and the employers' contributions to the E.P.F. will be less and consequently there will be less to call upon the E.P.F. for domestic borrowings? Consequently, if such a policy were implemented, that is if there is a pay cut on the lower echelons of the Government Service, the Minister is trying to cut his nose to spite his face.

Tuan Tan Siew Sin: I do not know what the Honourable Member for Batu is trying to drive at. I suggest that we cease to speculate about the future and that we cross the bridge when we come to it.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi keterangan berapa-kah hutang yang telah habis tempoh-nya yang di-bayar balek, ia-itu

dalam domestic loans ini, dan berapakah pula faedah atau interest yang telah dapat.

Mr Speaker: Itu menjadi soalan yang lain sedikit daripada yang lain.

LAGU² MELAYU KELASIK

2. Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji [*under S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berapa bilangan dan apa nama lagu² Melayu klasik yang patut diperkenalkan ka-negeri² asing.

Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sukan (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Tuan Speaker, saya tidak berapa faham apa-kah maksud Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu dengan perkataan klasik dalam pertanyaan-nya. Jika maksud Yang Berhormat itu lagu² Melayu lama dan yang mempunyai rentak² Melayu asli, maka ini telah pun di-perkenalkan. Lagu² seperti Lanchang Kuning, Bunga Tanjung, Pasir Roboh, Serampang Laut, Sembawa Balek, Masri Kayangan, Seri Mersing, Ma' Inang, Dondang Sayang, Selara dan lain² lagi, telah pun dirakamkan di-piring hitam oleh Radio Malaysia dan di-hantar ka-luar negeri melalui Kedutaan Malaysia. Lagu² ini bukan sahaja di-persembahkan sa-chara bunyian² sahaja, tetapi juga di-gubah untuk di-permainkan oleh pancharagam yang besar² seperti yang di-perbuat didalam pertunjukkan Malam Irama Malaysia.

LUAS TANAH YANG TELAH DIPERSATUKAN ATAU DI-BAIKI

3. Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji [*under S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian berapa luas tanah yang telah di-persatukan dan di-baiki hingga tanah² itu boleh-lah di-sifatkan "berekonomi" hingga tahun 1966, dan sebutkan negeri dan tempat letak-nya tanah² tersebut.

Menteri Tanah dan Galian (Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1966 tidak ada tanah sama ada telah di-persatukan mahu pun di-perbaiki oleh kerana Lembaga yang berkenaan, ya'ani yang

di-tubuhkan di-bawah Undang² Pemulehan dan Penyatuan Tanah mulai bertugas pada 1-10-66. Tetapi, dalam tahun 1967 ini Lembaga berchadang untuk mengadakan ranchangan perchubaaan atau pun *pilot project* di-kawasan² yang akan saya terangkan di-sini ia-itu:

Kawasan	luas-nya
Ayer Hitam (Negeri Sembilan)	1,187 ekar
Bayai (Negeri Sembilan) ...	1,306 ..
Slim River (Perak) ...	583 ..
Gong (Pahang)	976 ..

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pembahagian Penyatuan dan Pemulehan sa-mula tanah ini ada-kah berdasarkan kepada tiap² ranchangan itu atau pun tiap² negeri itu meminta supaya di-adakan ranchangan itu di-negeri-nya? Dan saya ingin mengetahui ada-kah negeri Trengganu telah membuat permohonan untuk hendak menyatukan dan membuat pemulehan sa-mula di atas tanah pinggiran yang sudah tidak mendapat kejayaan yang sa-penoh-nya.

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, dasar-nya seperti yang tersebut dalam Undang² Penyatuan dan Pemulehan Tanah. Ketika kita membincangkan Rang Undang² itu didalam Dewan ini, dasar ini telah saya terangkan dengan jelas-nya. Jadi, tidaklah perlu lagi hendak saya sebutkan di-sini.

Negeri Trengganu belum lagi menghantar permohonan, sa-takat ini chuma dua negeri sahaja yang telah menghantar permohonan sa-lain daripada yang telah saya sebutkan tadi, ya'ani jikalau Ahli Yang Berhormat itu membacha muka 184, 25 haribulan Januari ini jawapan kepada Soalan² Bertulis, dia akan dapat penjelasan yang jelas di-situ.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Yang di-Pertua, dengan kebenaran Tuan, saya tarek balek Soalan No. 4.

BILL

THE SUPPLY (1967) BILL

Committee

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Fourteenth Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Head S. 61—

Debate resumed.

Mr Chairman: Sa-belum perbathan di-sambong, saya suka hendak mengingatkan kepada Ahli² Yang Berhormat, hari ini ia-lah hari penghabisan di-atas perbathathan perbekalan ini. Jadi kalau dapat kita pendek²kan sedikit ucapan dapat-lah kita menyesuaikan dengan masa-nya yang akan habis pada hari ini. Kalau tidak, haruslah kita kena duduk sampai pukul 11 hingga 12 malam ini.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, menyambong ucapan saya petang sa-malam, saya suka-lah berchakap, muka surat 517, Lembaga Kemajuan Tanah.

Tuan Pengerusi, saya suka mengulang sa-mula ucapan saya dalam tahun yang lalu. Saya berharap pada Menteri yang berkenaan apa yang telah di-berikan bantuan kepada peserta² Rancangan Tanah umpama-nya, di-kawasan saya di-Lenggong dan di-kawasan Selandar sana, Kemendor, getah² telah di-potong dan mendapatkan hasil yang banyak yang memuaskan hati kepada peserta². Tetapi rasa saya belum-lah chukup bantuan daripada Kerajaan kerana getah² yang di-potong ini tidak di-bekukan sendiri oleh peserta² itu. Jadi saya menegaskan sa-mula patutlah Kerajaan membangunkan factory dalam tiap² kawasan tanah ranchangan sa-mula ini kerana dengan jalan ini terselamat banyak dan dapat pekerja² menjalankan sendiri harta² atau pun hasil² yang ada di-dalam kawasan itu. Sa-tahu saya pada masa ini umpama-

nya di-Kemendor dan di-Lenggong itu, getah²-nya itu di-konterek kapada satu company, Kota Trading Company. Mengapa Kerajaan tidak boleh membangunkan factory sendiri?

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu, saya berharap juga peserta² dalam kawasan tanah yang sa-rupa ini hendaklah Menteri yang berkenaan mengambil pandangan yang berat di-atas nasib peserta² pada masa hadapan. Saya perhatikan tidak ada bangunan² kedai dalam kawasan² itu yang di-bangunkan oleh Kerajaan bagi memimpin penduduk² dalam kawasan itu berniaga bersendiri.

Sa-lain daripada itu, saya ada menerima sa-puchok surat daripada penduduk di-kawasan Ayer Kangkong, merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya membangunkan sa-buah sekolah kebangsaan di-Ayer Kangkong dengan sa-berapa segera yang boleh kerana jawapan daripada Pejabat Pelajaran Melaka sudah pun di-kemukakan kepada Menteri yang berkenaan hanya menunggu jawapan sahaja. Keadaan penduduk dari kampung, kanak² disana sangat-lah jauh hendak pergi belajar di-sekolah yang berhampiran.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu, saya suka-lah berchakap, muka 521, Perbelanjaan Khas Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran. Pada Pechahan-kepala 31—Perkumpulan Perempuan—telah di-estimatekan \$70,000 perbelanjaan. Rasa saya ini kurang. Di-harapkan mendapat tambahan kerana sangat-lah mustahak kaum² ibu dalam negeri ini di-beri latihan dan pemimpin supaya masyarakat kita bertambah² baik pada masa hadapan. Dan pada kaum ibu-lah kita hendak beri pelajaran yang sempurna dan terotor kerana disini-lah tumbuh-nya ra'ayat yang berguna pada masa depan.

Sa-lain daripada itu, Pechahan-kepala 32, Peraduan Antara Kemajuan Kampung. Di-negeri saya di-Melaka sana, Peraduan Kemajuan Kampung ini dibuat pada tiap² tiga bulan sa-kali. Jadi Pegawai² Kerajaan banyak menghilangkan masa bagi menguruskan hal kerana Peraduan kemajuan kampung sahaja. Jadi saya harap kalau-lah

datang arahan ini daripada Kementerian biar-lah kita buat Peraduan Kemajuan Kampung ini sa-tahun sa-kali pun, rasa saya, sangat-lah chepat. Dalam Peraduan Kemajuan Kampung ini tentu-lah menchurahkan perbelanjaan yang banyak daripada Kerajaan. Bukan sahaja pegawai² Kerajaan yang susah tetapi orang² kampung yang mengambil bahagian dalam Peraduan Kampung ini juga, terutama sa-kali Jawatan-kuasa Kemajuan Kampung ashek hendak mengirakan hendak beradu Kemajuan Kampung sahaja. Jadi ini harapan saya dapat pandangan daripada Menteri yang berkenaan.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya berchakap sedikit berhubung dengan Pechahan-kepala 33—Bantuan kepada Perbadanan Wang Simpanan Bakal Haji. Perbelanjaan yang di-untokkan \$174,000 sangat-lah banyak rasa saya kerana kalau di-semak ucapan Yang Berhormat Menteri masa mengemukakan Anggaran Perbelanjaan ini, chuma 900 orang sahaja bakal haji yang melalui Perbadanan ini. Mengapa daripada beribu² orang bakal haji di-seluruh Malaysia ini tidak mesti memasokkan wang-nya ka-dalam Perbadanan ini. Jadi saya dapat tahu ada juga shor² supaya, walau pun sa-chara paksa kita kena membuat undang², tiap² sa-orang bakal haji yang hendak pergi menunai-kan fardhu haji ini mesti-lah dia menyimpan wang di-Tabong Haji, kalau tidak tak usah di-benarkan dia pergi haji (*Ketawa*). Kerana ini menyelamatkan ekonomi orang kampung kerana sa-tahu saya-lah ada sa-tengah² bakal haji yang pergi itu sampai satu kereta, satu motokar perkakas² yang hendak di-bawa-nya.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, untuk penjelasan, saya minta Yang Berhormat itu terangkan yang dia sendiri sudah berapa banyak simpan dalam Tabong Haji? (*Ketawa*).

Tuan Abdul Karim bin Abu: Lebeh kurang, kalau tidak silap saya, baru \$30 (*Ketawa*). Ada simpanan, kerana tidak chukup, jadi, saya ansor-lah sedikit². Jadi ini-lah rayuan saya kepada Menteri yang berkenaan. Terima kaseh.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, pertama sa-kali saya hendak berchakap menyentoh Pechahan-kepala 33 tentang Tabong Haji dan saya merasa hairan bahawa sahabat saya wakil daripada Melaka Selatan menyatakan peruntokan yang di-beri sa-banyak \$174,000 ini terlalu banyak kepada Tabong Haji. Saya maseh ingat lagi pada tahun lepas sahabat saya itu juga berchakap tentang Kepala ini juga dan peruntokan sa-banyak ini di-katakan-nya tidak chukup. Tidak tahu-lah saya mana hendak di-pegang. Perchakapan tahun ini atau pun perchakapan tahun lepas.

Tetapi, Tuan Pengerusi, saya merasa kalau peruntokan tahun lepas \$174,000 bagi Tabong Haji ini, dan peruntokan tahun ini sama juga \$174,000 ada-lah satu peruntokan yang tidak patut. Kerana, perjalanan Tabong Haji ini telah bertambah luas dan pada tahun 1966 ini sampai tahun 1967 ini telah di-luluskan sampai ka-Sabah dan ka-Sarawak dan penyimpan² yang menyimpan wang dalam Tabong Haji ini bertambah banyak bahkan bertambah daripada anggaran mula, barangkali lebeh empat kali ganda daripada di-anggarkan mula oleh jawatan-kuasa yang merangkakan ranchangan Tabong Haji ini. Jadi, saya merasa hairan jikalau gerakan-nya berjaya, sambutan-nya baik, bahkan luar daripada jang-kaan, tetapi peruntokan yang di-beri untuk perjalanan Tabong Haji ini sama sahaja sa-bagai tahun lepas. Maka bagaimana-kah Tabong Haji ini dapat berjalan dengan baik melaksanakan tugas-nya.

Ini satu perkara yang menjadi tanda tanya dan banyak orang bertanya² atas perkara ini. Saya mendengar khabar bahawa satu sebab kenapa peruntokan Tabong Haji sama sahaja tahun ini dengan tahun lepas, walau pun gerakan-nya berjaya dan gerakan-nya bertambah luas, ia-lah konon-nya Ekonomi Planning Unit tidak memberi rokmen yang kuat supaya di-tambah peruntokan Tabong Haji ini, kerana Tabong Haji ini di-tujukan untuk sa-gulungan ra'ayat dan tidak untuk semua bahagian ra'ayat, erti-nya untuk gulungan orang² Islam sahaja. Jikalau ini-lah alasan dan

hujjah yang di-beri bagi menyekat peruntokan yang patut di-beri, saya kira sa-kali ganda daripada apa yang ada ini untuk Tabong Haji, maka adalah satu perkara yang sangat di-kesalkan dan sangat menyedehkan.

Saya berharap peruntokan Tabong Haji ini akan di-tinjau sa-mula, kerana saya tahu bahawa Tabong Haji dengan kejayaan-nya yang besar yang ada sekarang ini, tidak dapat berjalan dengan sa-mesti-nya dengan peruntokan yang ada. Sa-kurang²-nya Tabong Haji berkehendakkan sa-banyak \$300,000 bagi perjalanan-nya sa-tahun dengan ranchangan yang besar sekarang ini yang meliputi seluroh Malaysia Barat dan Malaysia Timor, dan faedah yang di-datangkan oleh Tabong Haji ini sangat besar kerana sa-panjang masa ini ekonomi orang luar bandar ada-lah kuchar kachir oleh sebab adat orang² luar bandar, orang² Islam di-luar bandar, ia-lah mengerjakan haji dengan menjualkan tanah dan harta benda mereka untuk naik haji. Maka faedah ekonomi yang di-timbulkan oleh Perbadanan Tabong Haji ini sangat-lah besar.

Saya suka menarek perhatian atas pujian tinggi yang telah di-berikan sa-chara terbuka oleh sa-orang pemimpin daripada Republik Arab Bersatu ia-itu Ketua Rombongan-nya yang sedang melawat di-sini sekarang, Tuan Taufik Awibah, yang telah memberi pujian yang sangat tinggi di-atas ranchangan ekonomi yang besar ini yang di-jalankan oleh Malaysia dalam menyelamatkan orang² yang bakal pergi ka-Mekah dengan ranchangan Tabong Haji ini.

Jadi, segala peruntokan yang lebeh, yang patut di-terima oleh Tabong Haji ini, bukan di-tujukan untuk sa-golongan ra'ayat sahaja, tetapi di-tujukan untuk membaiki ekonomi ra'ayat luar bandar dan ini-lah yang menjadi pokok yang saya rasa pendirian di-ambil, kalau betul-lah itu pendirian daripada E.P.U., maka ada-lah pendirian yang patut di-ubah.

Tuan Pengerusi, pada masa ini perbelanjaan yang di-keluarkan oleh ra'ayat Malaysia yang naik haji ka-Mekah sa-kurang²-nya sa-tahun sa-banyak \$12

juta atas kiraan dua ribu ringgit pada sa-orang dengan kira² enam ribu orang sa-kurang²-nya orang yang naik haji. Ini suatu perbelanjaan yang besar yang kita belanjakan tiap² tahun yang keluar daripada negeri kita untuk haji. Saya merasa seruan yang berkali² di-buat oleh banyak pihak supaya kita mengadakan kapal haji sendiri itu patut selalu di-timbangkan. Pada masa ini kapal haji yang berjalan sekarang di-punyai oleh sa-buah sharikat yang bernama China Navigation Company. Tetapi bukan sharikat itu yang menjalankan jualan tiket kapal haji ini, kapal haji *Kuala Lumpur* dan kapal haji *Anshun*. Agent bagi menjual tiket di-serahkan kepada sa-buah sharikat lain yang bernama Sharikat Mansfield dengan mendapat commission perchuma 10% atau lebeh. Sedang Mansfield ini tidak menjual tiket sendiri, di-berikan-nya kepada segala agent² dan sub-agent² yang kechil² di-merata tempat. Di-Kuala Lumpur ini ada S.T.A., pun di-jadikan sub-agent bagi Mansfield dan lain² tempat yang ada kira bichara dengan penjualan dan pengembaraan.

Saya rasa, sa-bagai langkah pertama, Tabong Haji yang ada sekarang ini patut di-beri galakan atau di-beri kesempatan mendapat pengalaman dalam perkara ini dengan di-jalankan pengkiraan supaya agent bagi China Navigation Company ini yang menjalankan dua buah kapal haji ini bukan di-serahkan kepada Mansfield telah di-serahkan kepada Tabong Haji. Jadi, dapat pengalaman yang pertama bagi Tabong Haji untuk kita menchapai tujuan yang lebeh jauh ia-itu untuk mengadakan sharikat perkapalan haji sendiri. Pihak Tabong Haji saya mengetahuī Tuan Pengerusi, sudah ada tawaran daripada satu dua sharikat perkapalan untuk meminta Tabong Haji ini mengadakan satu joint venture dengan sharikat itu menjalankan kapal haji. Tetapi barangkali perkara itu tidak dapat di-timbangkan lagi, kerana kapal yang di-tawarkan itu kapal yang burok yang lama juga macham kapal *Kuala Lumpur* juga. Tetapi pihak Tabong Haji memang ada memberi perhatian yang berat dalam soal mengadakan suatu usaha joint venture bagi mengadakan, menjalankan sharikat kapal

haji. Jadi, apa-lah salah-nya bagi langkah pertama buat sementara ini di-galakkan, di-beri jalan, di-beri kesempatan kepada Tabong Haji mendapat pengalaman ini dengan menjadi agent kapada sharikat China Navigation yang sekarang ini menjalankan kapal haji ini. Dan Tabong Haji boleh menyerahkan macham Mansfield buat sekarang kapada orang lain untuk menjualkan tiket dan dengan perchuma dengan berpelok tangan sahaja Tabong Haji mendapat keuntungan 10% sekurang²-nya. Ini jalan yang pertama saya nampak yang patut di-beri pertimbangan, dalam kita menimbangkan perkara ini.

Kemudian sahabat saya wakil daripada Melaka Selatan juga hairan tadi kenapa 900 orang sahaja yang naik haji melalui Tabong Haji ini? Jadi, menunjokkan sahabat saya ini kurang faham kedudukan Tabong Haji. Orang yang naik haji melalui Tabong Haji ini siapa yang telah chukup wang simpanan-nya sa-banyak \$1,600—\$1,700 baharu boleh naik haji. Macham Ahli Yang Berhormat itu baharu simpan \$30.00 barangkali 15 tahun lagi baru Ahli Yang Berhormat itu dapat kesempatan naik haji melalui Tabong Haji.

Jadi, jangan-lah di-hairankan perkara ini kerana bukan semua menyimpan Tabong Haji hari ini besok boleh naik haji dengan serta-merta. Mesti di-chukupkan jumlah wang simpanan dahulu baru-lah dapat naik haji. Chuma saya suka-lah menyokong chadangan supaya tiap² orang yang naik haji ini di-galakkan menyimpan wang dalam Tabong Haji ini. Ini saya sokong dan saya suka juga perkara ini di-ambil perhatian oleh semua gulungan masharakat kita.

Tuan Pengerusi, satu perkara sahaja lagi ia-itu tentang MARA. Saya rasa sa-panjang perubahan chorak MARA sekarang ini MARA telah berjalan dengan baik dan kita rasa berbangga dengan langkah² baru yang di-jalankan oleh MARA sekarang dalam chorak-nya yang baru ini.

Perkara yang sangat menarek perhatian saya, Tuan Pengerusi, ia-lah pada masa ini MARA menumpukan untuk meluaskan ranchangan memberi latehan

kapada anak² bumiputera sa-hingga di-besarkan lagi Kolej Latehan MARA dan segala kesempatan untuk memberi biasiswa bagi anak bumiputera belajar dan mengambil pelajaran tinggi di-dalam dan luar negeri.

Satu perkara yang besar yang kelak akan menjadi ukoran, maju atau mundor-nya atau gagal-nya MARA ini, ia-lah usaha-nya dalam lapangan meng-galakkan bumiputera menjalankan per-niagaan dan perusahaan. Ini ukoran yang akan di-pandang oleh semua orang, sa-takat mana MARA telah berjaya, menarek bumiputera meng-ambil bahagian di-dalam perdagangan dan perusahaan. Saya rasa satu perkara yang sangat di-titek beratkan pada masa ini ia-lah supaya pegawai² MARA ini di-beri latehan yang lebeh lagi supaya dapat mereka itu menjalankan tugas mereka dengan lebeh baik. Pada masa ini pegawai² MARA yang ada di-negeri² dan di-district atau di-mana² tidak mengambil *initiative* sendiri, melihat apa ada perusahaan anak negeri yang patut di-beri panduan, yang patut di-beri pertolongan dan mengambil langkah untuk di-berikan pertolongan kapada perusahaan ini.

Pada masa ini hingga orang² yang hendak mengambil pinjaman pun daripada MARA bukan main susah. Saya boleh buat satu chontoh. Pada masa ini ada satu perusahaan di-Kuala Trengganu yang menjadi kebanggaan kapada MARA atas pertolongan MARA kapada perusahaan itu, ia-itu perusahaan *work shop* atau bengkel. Satu orang anak bumiputera yang bekerja di-Kuala Trengganu yang pada sa-bulan laporan MARA dapat untong \$4,000, sa-telah di-beri bantuan oleh MARA. Berapa lama orang ini berusaha dengan MARA untuk mendapatkan pinjaman, berapa susah dan azab-nya. Dan saya boleh mengatakan saya ada mengambil peranan sedikit pada akhir-nya dengan pehak² Pengarah² MARA yang tertentu di-sini, baru dengan serta-merta mereka beri bantuan. Maka dalam masa empat lima bulan sa-telah di-beri bantuan, dapat nampak kejayaan, tetapi hendak dapat-bantuan, orang ini berusaha pada mula sa-belum berhubung dengan saya

dan orang lain di-Kuala Lumpur, bukan main terok lagi dan susah.

Jadi, ini-lah perkara-nya, pegawai² muda kita dan pegawai² bawah MARA ini harus di-beri latehan dan galakan bagi mengambil berat dan *initiative* bagi hendak menolong perusahaan² bumiputera ini dengan demikian maka akan lebeh lekas-lah kejayaan di-chapai dalam lapangan hendak memajukan bumiputera dalam perusahaan dan perdagangan.

Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang):

Mr Chairman, Sir, under Supply Head 61, I would like to bring to the attention of this House the plight of *bumiputera* settlers living in the Kampong Pandan Settlement; this is the plight of the people living in a no-man's land, being victims of circumstances. As this Kampong, Sir, is an unwanted orphan, so to speak, and since no specific government authority is completely responsible for its welfare, I do not really know where to protest on this strange matter except under the Ministry of National and Rural Development.

Sir, in carrying out my parliamentary duties for this area, I am sick and tired of being referred from one government authority, to another. This merry-go-round of passing the buck has to be stopped. Sir, our Alliance Government with all the good intentions has spent a tremendous amount of money in building a model low-cost housing settlement for the *bumiputeras*. However, to my utter dismay, Sir, I am afraid that in time to come all the money spent on this noble project would contribute to the evolution of a slum area. Sir, while these low-cost houses and buildings are administered and controlled by the Kuala Lumpur Municipality, the Kuala Lumpur Municipality is not able to provide services and facilities which prevail in other Municipality controlled housing estates. I was informed officially in a letter by the Municipality that it is unable to provide facilities such as the provision of a community hall, maternity and health centres etc. Sir, as there are about 10,000 *bumiputera* settlers in the

area, these facilities are essential for their wellbeing. Moreover, Sir, the Municipality also says that it cannot provide essential services such as maintenance of roads, maintenance of drains, street lights, play grounds, etc., just because the area in the Kampong is bordering the Municipality limit. Sir, this is the height of irony. While the Municipality collects rentals from the settlers, decides on who should be given these low-cost houses and exercises the authority of ejecting settlers from their homes, it says that it does not bear the responsibility of providing and maintaining those essential services that I have mentioned. Sir, if the Kuala Lumpur Municipality is stubborn enough to persist that the Kampong is outside the Municipality limit, then I say, as it is outside the Municipality limit, it should not administer and collect rentals. It should not decide upon who should be given low-cost houses and who should be kicked out of such homes. This is only logical if we follow the illogical logic of the Kuala Lumpur Municipality.

Sir, as the Municipality only wishes to exercise its rights and shuns the burdent of responsibilities, I would much prefer that the whole Kampong be run and administered by the Alliance Government of Selangor through its State Development Corporation. Although it is not the responsibility of the State Government of Selangor, yet through the Kuala Lumpur District Office it has helped a lot to ease the situation there. Besides, the Alliance State Government has done an excellent job in other newly low-cost housing settlements—for example, Kampong Selayang, Kampong Lambang Jaya, etc. Sir, unless this situation of no man's land, of unwanted orphan is corrected, I am afraid that this Kampong will definitely become a slum. Once this situation arises, the Municipality has to face the anger of 10,000 *bumiputera* settlers. After all, commenting on Kampong Pandan the Municipal official spokesman said in the "*Straits Times*" dated 18th February, 1967; "The sole purpose of erecting low-cost houses is to re-house squatters who are living in slum conditions". Sir, what is the use

of building a model low-cost housing settlement when it is allowed to be turned into a slum because of the absence of provision for essential services? No right thinking person, Sir, can be pessimistic enough to wait for such an ugly situation to arise. It is imperative that the position should be regularised right now. Therefore, I would like to appeal to the Honourable Deputy Prime Minister and the Assistant Minister of National and Rural Development to use their good offices in setting up a single proper government body to look after the entire Kampong.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Krian Laut): Tuan Pengerusi, dalam perbahathan mengenai Rang Perbekalan bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini, saya sukalah mengambil bahagian terutama sekali menguchapkan sa-tinggi² tahniah dan pujian kepada Kementerian ini di-atas usaha² dan kegiatan-nya yang telah menjadikan Kementerian ini begitu di-kenali dan di-sanjong tinggi oleh penduduk² ra'ayat jelata di-kawasan luar bandar di-dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya juga suka mengambil kesempatan menguchapkan sa-tinggi² tahniah pada seluroh pegawai² yang berkhidmat di-bawah Kementerian ini yang telah menjunjukkan contoh perkhidmatan yang chemerlang kerana mengikut apa yang saya ketahui sa-bahagian besar daripada pegawai² yang berkhidmat di-bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini ada-lah terdiri daripada orang² yang tidak mengenal hari kelepasan, tidak mengenali siang atau malam dalam menjalankan tugas-nya, maka dengan kerana itu-lah pada hari ini keseluruhannya ranchangan yang di-lancarkan di-bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini telah beroleh kejayaan yang chemerlang.

Tuan Pengerusi, berchakap dalam perbahathan mengenai peruntukan Kementerian ini, saya suka menyentoh muka surat 520, Pechahan-kepala 13—Bayaran kepada Penyelia Daerah

Pelajaran Dewasa. Tuan Pengerusi, salah satu daripada pegawai² yang menjalankan perkhidmatan-nya yang chemerlang di-bawah Kementerian ini ia-lah Penyelia² Pelajaran Dewasa ini. Kejayaan Jabatan Pelajaran Dewasa melaksanakan tugas-nya di-kawasan luar bandar dalam membasmi kejahilan dan buta huruf di-kalangan ra'ayat di-luar bandar ada-lah terletak di-atas perkhidmatan yang tidak mengenal penat daripada Penyelia² Pelajaran Dewasa ini, hanya sa-bahagian kechil atau sa-gelintir manusia yang berasa kechiwa di-atas kejayaan Pelajaran Dewasa ini sahaja yang menafikan usaha² yang di-jalankan oleh Penyelia² Pelajaran Dewasa ini.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak sebutkan di-sini ia-lah berhubung dengan kedudukan Penyelia² Pelajaran Dewasa ini. Pada masa ini mereka ini ada-lah di-anggap hanya sa-bagai pegawai² sementara sahaja di-dalam Kementerian ini, tetapi di-dalam menjalankan tugas mereka ini ada-lah di-anggap sama dengan pegawai² yang lain², bahkan lebih berat lagi kalau di-perhatikan tanggong-jawab yang di-letakkan di-atas bahu pegawai² Penyelia² Pelajaran Dewasa ini.

Apa yang saya hendak menarek perhatian, Tuan Pengerusi, ia-lah berhubung dengan elaun yang di-berikan kepada Penyelia² Pelajaran Dewasa ini, pada beberapa tahun yang kebelakang ini boleh di-katakan keseluruhan kakitangan Kerajaan telah mendapat perhatian, telah mendapat perubahan di-dalam gaji masing², tetapi apa yang mendukungitakan kita ia-lah rayuan yang telah di-buat orang pegawai² ini—Penyelia² Pelajaran Dewasa ini, yang saya tahu sa-hingga ini maseh belum mendapat pertimbangan daripada pehak Kementerian dan orang² ini oleh kerana mereka bukan sa-bagai kakitangan tetap Kerajaan kita tahu-lah di-dalam penghidupan mereka, mereka telah tidak mendapat kemudahan² perubatan dan kemudahan² perumahan dan sa-bagai-nya. Tetapi di-dalam menjalankan tugas mereka sering kali ditukar kawasan-nya dan sa-bagai-nya dan juga didalam tanggong-jawab, mereka ini mempunyai kawasan yang

luas bahkan lebih luas daripada kawasan² Ahli Dewan Undangan Negeri. Jadi saya harap-lah segala rayuan yang telah di-buat oleh Penyelia² Pelajaran Dewasa pada beberapa tahun yang lalu berhubung dengan elaun akan mendapat pertimbangan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh muka surat 522 Pechahan-kepala 38—Penyenggaraan Peti Radio ia-itu sa-banyak \$15,000 pada tahun yang lalu dan begitu juga pada tahun ini. Sa-bagai sa-orang yang sedikit sa-banyak mempunyai pengalaman dalam pentadbiran Pelajaran Dewasa ini saya rasa peti² radio yang di-berikan kepada kelas² dewasa ini patut-lah di-tarek balek atau peti² radio itu di-hadihkan sahaja kepada guru² yang telah lama berkhidmat di-bawah Jabatan Pelajaran Dewasa itu. Sebab, Tuan Pengerusi, saya dapati sa-bahagian besar daripada peti² radio yang di-beri kepada guru² pelajaran dewasa itu telah tidak di-gunakan untuk kelas² pelajaran dewasa itu. Ini bukan-lah disebabkan oleh kerana yang guru² pelajaran dewasa itu tidak mahu membawa peti² radio itu ka-kelas² tetapi ada-lah di-sebabkan oleh beberapa hal terutama sa-kali kelas² itu berjalan kerap kali tidak bertentangan dengan masa siaran-nya yang di-berikan melalui radio itu dan juga yang kedua-nya di-sebabkan oleh kerana sa-bahagian besar hari ini kita tahu penduduk² kita di-luar bandar masing² telah mempunyai peti radio di-rumah-nya sendiri dan pelajaran² kelas² dewasa melalui peti² radio ini pun ada di-buat siaran ulangan-nya pada sa-belah malam, maka pelajar² yang mengikuti kelas dewasa boleh mendengar pelajaran² itu di-rumah masing² dengan tidak payah meninggalkan kerja atau pun meninggalkan rumah pergi ka-kelas dengan sa-mata² untuk mendengarkan siaran radio di-kelas² mereka itu. Jadi saya rasa patut sangat-lah Pechahan-kepala 38 ini dan yang sa-baik²-nya di-tarek balek dan di-tukarkan dengan Kepala baharu ia-itu Pelajaran Lanjutan untuk pelajar² dewasa patut di-adakan.

Tuan Pengerusi, saya suka-lah menarek perhatian Jabatan Pelajaran Dewasa khas-nya dan juga Kementerian ini 'am-nya agar memberikan perhatian tentang pelajar² kelas dewasa ini ia-itu sa-jauh mana-kah pelajaran yang hendak di-berikan oleh Kementerian ini kepada penduduk² di-luar bandar yang dahulu-nya ketinggalan di-waktu mereka kecil. Kalau-lah sa-takat itu sahaja langkah masa yang di-jalankan oleh Kementerian ini kita bimbang boleh jadi dalam masa tempoh tiga empat tahun kemudian-nya orang² ini akan balek sa-mula menjadi buta huruf. Yang penting, Tuan Pengerusi, ia-lah pelajaran lanjutan itu di-adakan. Saya tidak menafikan hari ini memang ada usaha yang di-jalankan oleh Kementerian ini memberikan pelajaran² lanjutan kepada pelajar² ini ia-itu dengan memasukkan sa-bahagian kecil daripada orang² ini memasuki Pusat² Latihan Pertanian yang ada di-beberapa buah negeri itu. Tetapi pelajaran lanjutan untuk memasukkan bekas pelajar² yang tamat di-beberapa tempat tersebut tidak-lah memadai, lebih² lagi pula untuk mengikuti kursus di-pusat² latihan pertanian yang seperti itu menghendaki tempoh waktu yang lama ia-itu sa-kurang²-nya 2 atau 3 minggu. Kita tahu, Tuan Pengerusi, sa-bahagian besar daripada pelajar² ini ada-lah terdiri daripada orang² dewasa yang mempunyai tanggung-jawab masing² di-rumah tangga yang susah hendak meninggalkan rumah masing² untuk mengikuti kursus² itu. Jadi, peluang² yang dapat di-ikuti dalam kursus² itu hanya-lah kepada pemuda² atau pun gadis² yang tidak begitu mustahak pelajaran itu kepada orang² ini, tetapi ada lebih baik kalau kursus lanjutan ini di-adakan di-tiap daerah atau pun di-tiap² mukim dengan melalui jangka waktu yang pendek, tetapi kerap atau pun selalu di-adakan. Saya harap perkara itu akan dapat dipertimbangkan oleh Kementerian yang berkenaan.

Akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh muka surat 522, Pechahan-kepala 31 ia-itu Bantuan kepada Perkumpulan Kebangsaan Perempuan Malaysia. Tuan Pengerusi, mengikut dalam Pechahan-kepala ini

pada tahun ini sa-jumlah wang sa-banyak \$70,000 di-untukkan kerana bantuan kepada Perkumpulan Kebangsaan Perempuan ini dan pada tahun yang lalu sa-jumlah wang sa-banyak \$75,000 juga telah di-berikan bantuan kepada Perkumpulan Kebangsaan Perempuan ini. Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya nampak-nya bertentangan-lah dengan sahabat saya Yang Berhormat wakil dari Melaka Selatan tadi, ia-itu pada anggapan saya, Tuan Pengerusi, bantuan kepada Perkumpulan Perempuan sa-banyak \$75,000 ini patut-lah di-rentikan. Tuan Pengerusi, saya tidak nampak apa-kah mustahak-nya yang Kementerian ini memberikan bantuan yang sa-bagini besar pada Perkumpulan Kebangsaan Perempuan ini, sedangkan kegiatan pergerakan Perkumpulan Perempuan ini, kalau kita perhatikan, ada-lah sangat sedikit memberi kesan terhadap pembangunan yang di-laksanakan oleh Kementerian ini pada hari ini.

Tuan Pengerusi, saya dengar apa yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar waktu membentangkan Rang Perbekalan ini sa-malam ia-itu oleh kerana Perkumpulan Perempuan ini di-dapati menjalankan tugas-nya sesuai dengan pelajaran yang di-beri melalui pelajaran dewasa itu, maka itu-lah sa-jumlah wang \$70,000 di-untukkan kepada Perkumpulan Perempuan ini, tetapi ada-kah Kementerian ini berpuas hati dengan kegiatan² yang di-jalankan oleh Perkumpulan Perempuan yang ada pada hari ini? Yang saya dapati di-kampong² banyak tumbuh persatuan² perkumpulan perempuan ini dan kegiatan² yang di-jalankan oleh perkumpulan perempuan ini hanya-lah sa-takat mengajar membuat kueh, memasak,—itu sahaja, dan kalau di-bandar² sedikit, membuat kueh, memasak, menggubah bunga, tari-menari dan lain² lagi, yang sedikit pun tidak memberikan sumbangan ka-arrah untuk pembangunan yang sa-benar²-nya yang kita kehendaki. Jadi, Tuan Pengerusi, saya berharap-lah kalau-lah bantuan yang seperti ini hendak di-teruskan, maka patut-lah Kementerian ini mengkaji perjalanan Perkumpulan Perempuan

ini supaya dapat di-sesuaikan dengan kehendak pembangunan yang sa-benar-nya, dan kalau perjalanan Perkumpulan Perempuan ini sa-takat yang ada pada hari ini, maka hendak-lah bantuan ini di-tahan dahulu.

Tuan Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara) (*bangun*).

Mr Chairman: Saya suka hendak mengingatkan lagi masa-nya bila pukul 11.30 kita patut habis perkara S. 61 ini. Jadi kalau dapat pendek²kan sedikit ucapan itu supaya dapat banyak lagi Ahli memberi pandangan.

Tuan Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Auggaran Perbelanjaan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi tahun 1967. Di-samping itu saya hendak berchakap atas satu dua perkara yang mana pertama sa-kali saya bangun hendak berchakap ia-lah berkenaan dengan Majlis Amanah Ra'ayat. Salama ada-nya Majlis Amanah Ra'ayat atau MARA ini maka bagi pehak bumiputra di-dalam negara kita ini sangat²-lah berbesar hati, maka berharap sangat-lah mereka dengan ada-nya MARA ini dapat-lah mereka belajar menjalankan berbagai perniagaan dan perusahaan yang kecil.

Jadi, Tuan Pengerusi, di-sini saya perchaya tentu-lah banyak Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini yang telah tahu berkenaan dengan chara² perjalanan MARA yang di-jalankan tempoh hari sa-belum di-adakan MARA—di-namakan RIDA tempoh hari. Jadi, Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak chakap di-sini ia-itu supaya MARA ini dapat menjalankan atau memberi pinjaman kepada bumiputra supaya dapat di-segerakan, kerana, Tuan Pengerusi, peluang² perniagaan ini tidak-lah dapat di-nanti berbulan² atau pun sampai begitu lama. Kalau sa-kira-nya satu² perniagaan yang hendak di-jalankan oleh bumiputra maka terpaksa-lah meminta, membuat rayuan kepada MARA ini dan bermacham² chara yang di-siasat dan di-pereksa sa-telah dapat halusi patut di-beri pinjaman kepada peminjam²

hendak menjalankan perniagaan² ini, maka menunggu pula sa-hingga 2-3 bulan. Maka kalau bagini-lah Tuan Pengerusi, saya ingat tentu-lah tidak dapat memberi faedah kepada ra'ayat bumiputra dalam negeri kita ini.

Saya suka memberi satu chontoh, Tuan Pengerusi, yang mana dalam kawasan saya ada sa-orang pemborong yang telah mendapat kemenangan dalam tender-nya hendak menjalankan kontraktor ia-itu yang di-minta pinjam lebih kurang \$10,000—\$15,000 sahaja, dan di-minta oleh Pegawai MARA di-tempat saya supaya menghantarkan indents atau kebenaran yang di-dapati daripada pemborong itu. Maka sa-telah di-hantar tidak dapat jawapan apa² sa-hingga terpaksa-lah pemborong ini meminjam hutang wang² daripada orang² yang lain² dan meminjam berhutang berbagai kelengkapan untuk menjalankan pemborongan-nya, tetapi, Tuan Pengerusi, dengan meminjam atau berhutang di-lain² tempat, maka saya perchaya tidak dapat begitu baik keuntungan kepada pemborong² bagi pehak bumiputra ini. Maka itu-lah harapan saya dengan ada pegawai² daripada Jabatan MARA ini yang kita dapat memberi latehan yang chukup yang dapat menyiasat dan bekerja dengan sa-berapa segera mudah²an dapat memberi bantuan dengan segera kepada pemborong kita bumiputra ini. Maka saya perchaya itu-lah pemborong² kita bagi pehak bumiputra dan juga ahli² perniagaan kita dapat menjalankan usaha² dengan mendapat keuntungan yang baik.

Dato' Pengerusi, lagi satu saya berchakap ia-lah berkenaan pembangunan masyarakat, Dato' Pengerusi, di-sini saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang telah menjalankan satu chara, ia-itu pembangunan masyarakat yang mana telah mengadakan kursus² di-tiap² daerah, bahkan di-tiap² kampung yang mana saya dapat tahu dalam kawasan saya sendiri telah dua tiga kali di-adakan. Maka dengan ada-nya kursus² kemajuan masyarakat ini, maka saya perchaya kesedaran ra'ayat² di-kampung² atau pun di-luar² bandar, maka kita dapati telah ada

memberi bekas. Lebih² lagi yang dikehendaki di-dalam kursus² kemajuan pembangunan masyarakat kita ini yang sa-baik²-nya, saya berseru kepada Kementerian ini, supaya dapat menghantar pegawai² daripada Kementerian ini memberi cheramah² kepada penduduk² kampung, atau pun ahli² Jawatan-kuasa Kampung yang di-kampung², atau pun di-daerah² yang mana saya perchaya sangat² memberi bekas dengan cheramah, atau pun ucapan² yang di-berikan oleh pegawai² Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini, dan saya tahu dalam dua tiga bulan yang lepas dalam kawasan saya telah di-adakan satu kursus kemajuan pembangunan masyarakat ini yang di-hadhiri dua tiga puluh ahli² Jawatan-kuasa Kampung yang mana di-dapati pehak Kementerian ini telah menghantar salah sa-orang pegawai² daripada Kementerian ini yang dapat memberi cheramah yang dapat mengulas memberi kesedaran dengan sa-baik²-nya kepada Ketua² Kampung dan pegawai² kampung serta juga Penghulu² Mukim. Maka sangat² memberi faedah dan sangat² berjaya yang saya dapati sa-hingga sekarang ini kita dapat banyak ada perubahan, tidak-lah saperti mana yang lepas² yang kita nampak di-pehak ra'ayat di-kampung dan ahli² Jawatan-kuasa Kampung juga yang menjalankan tugas²-nya dengan tidak ada panduan yang begitu baik, yang begitu terang dan tidak mendapat nasihat² yang baik maka sa-olah² mereka itu menjalankan kerja²-nya dengan tidak bertanggung-jawab kepada ra'ayat dan masyarakat negara kita ini, sa-hingga kerap kali timbul-nya daripada ahli² Jawatan-kuasa Kampung ini yang meminta dan memohon kepada Kerajaan sa-hingga barang² yang tidak berfaedah dan yang merosakkan wang Kerajaan sahaja.

Maka ini-lah saya harap supaya pehak Kerajaan ini dapat mengadakan kursus pembangunan masyarakat ini dan dapat menghantar pegawai² yang mana dapat memberi penerangan dan keterangan dan dapat memasukkan semangat yang bertanggung-jawab kepada Jawatan-kuasa² Kampung ini supaya dapat menjalankan kerja²-nya dengan baik.

Dato' Pengerusi, yang akhir-nya sekali, saya juga ingin berchakap ia-itu dalam perkara muka 520 ia-itu berkenaan dengan pembangunan masha-rakat Kerajaan, Pelajaran Dewasa ia-itu Pechahan-kepala 13—Bayaran kepada Penyelia². Dato' Pengerusi, penyelia² ini, Dato' Pengerusi, seperti mana yang di-terangkan oleh wakil daripada Krian Laut tadi, kalau ta' salah saya, maka saya tidak-lah menapikan ia-itu kerja²-nya sangat-lah banyak dan juga sangat bertanggung-jawab kepada masyarakat kita di-kampung² dan sa-lain daripada itu mereka itu juga terpaksa mempunyai kenderaan sa-kurang²-nya motosikal dan ada sa-tengah²-nya terpaksa ada juga memakai kereta² tetapi, kereta² yang lama. Jadi, kalau di-bandingkan dengan gaji² yang di-bayar kepada mereka itu dengan perjalanan² mereka yang jauh², saya perchaya tentu-lah menjadi kesusahan dan keberatan bagi penyelia² yang mana saya tahu sangat² luas kawasan²-nya. Maka saya berharap-lah mudah²an Kementerian ini dapat memberi tim-bangan bagaimana-kah chara, atau pun supaya dapat kita mengkaji balek, ada-kah berpadanan, atau pun menchukupi gaji² yang di-berikan kepada mereka itu. Sekian, terima kaseh.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kaseh terlebih dahulu kepada Tuan Pengerusi. Saya memberi sokongan kepada peruntukan yang di-berikan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini, suka-lah saya berchakap dalam perkara Sub-head 31, muka 522 ia-itu Bantuan kepada Kumpulan Kebangsaan Perempuan Malaysia.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kaseh kepada Menteri yang bertanggung-jawab dalam perkara ini kerana pada tahun ini telah juga dapat mengadakan peruntukan bantuan kepada Kumpulan Perempuan Kebangsaan ini. Juga saya ucapkan ribuan terima kaseh kepada sahabat saya yang dahulu tadi telah berchakap dalam perkara ini, dan antara kedua² (Krian Laut) mendesak supaya peruntukan ini tidak di-mesti-

kan di-beri pada kali ini dan di-potong terus.

Berhubung dengan perkara ini, suka-lah saya mengambil bahagian, bagi saya ada-lah adil bagi Kerajaan menga-dakan peruntukan seperti yang di-adakan, kerana berdasarkan sa-bagai-mana keterangan² yang di-beri dalam mengadakan peruntukan ini, patut dan mustahak di-adakan, kerana kita hendak memberi didekan kepada kaum² wanita yang telah di-ketahui menjadi sa-bahagian daripada ra'ayat negeri ini maka melalui persatuan ini mereka berlainan kaum dengan sebab ke-turunan, dan berlainan keperchayaan, dan faham ugama itu dapat dudok bersama dan berbinchang memikirkan bagaimana-kah mereka patut memberi tanggung-jawab-nya bersama terhadap membena negara kita yang sedang meningkat maju ini.

Tuan Pengerusi, mudah²an dengan ada-nya peruntukan ini, dengan chara ta' langsung juga, Kerajaan akan mem-beri galakan dan pimpinan kepada mereka ka-araf ini, dan kita telah ketahui dan Kementerian ini sendiri telah ketahui dengan ada-nya per-untukan di-beri daripada sa-tahun ka-satahun oleh Kerajaan maka kita dapati perkumpulan perempuan ini sekarang telah di-minta di-araf meng-ubah chara kerja-nya dan di-kehendaki oleh Kementerian ini sendiri supaya kumpulan ini bekerja bersama Kerajaan terutama dalam kerja² melateh kaum² wanita kita chara jimat-chermat dalam ekonomi rumah-tangga dan negara melalui kelas² dewasa, juga kelas² urusan² rumah tangga yang di-anjorkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini.

Tetapi, Tuan Pengerusi, oleh sebab peruntukan ini di-beri oleh Kerajaan dan masukkan di-dalam Kementerian ini, saya kata amat munasabah per-untukan di-adakan di-dalam Kement-erian ini dengan itu bererti-lah Kementerian ini bertanggung-jawab terhadap baik ta' baik-nya perjalanan pentadbiran kumpulan wanita ini, dengan itu saya suka-lah mengambil peluang dalam Majlis ini mengem-ukakan beberapa pendapat saya dengan ikhlas terhadap Kementerian

ini. Tuan Pengerusi, bagaimana saya ketahui, dan apa yang saya hendak beri tahu kepada Kementerian ini, ia-itu ada sa-tengah² tempat Per-kumpulan ini telah tidak menjalankan pentadbiran-nya mengikut peratoran-nya yang sa-benar. Saperti, kalau ada Pengerusi-nya atau ketua-nya yang memimpin di-daerah² itu telah bertukar mengikut suami-nya ka-tempat lain, maka kita dapati jawatan-kuasa² di-situ tidak menjalankan mengikut peratoran² atau undang² tuboh-nya dengan tidak mengadakan meshuarat jawatan-kuasa khas-nya, atau meshuarat agong-nya untuk melantek sa-mula ketua-nya yang baharu. Bahkan menjalankan, kalau datang sa-orang lain yang di-dapati nampak-nya ada pengaruh-nya sedikit tetapi kebolehan dan kesang-gupan kurang, maka dengan sendiri-nya di-lantek orang itu menjadi ketua-nya yang baharu. Konon-nya oleh sebab isteri D.O. ini ada-lah tidak mengikut peratoran atau undang² tuboh perkumpulan tersebut.

Saya harap jangan-lah di-amalkan kerja saperti itu, ini ada-lah merugikan bukan sahaja merugikan kepada masyarakat dan ahli bahkan merugikan kepada jenis saya kaum wanita. Mereka itu telah menjadi ahli dan bekerja bertahun² memegang jawatan-kuasa atau ketua atau sa-bagai-nya tetapi kebolehan-nya saperti biasa. Sambil kita membimbing masyarakat-nya hendak-lah membimbing jenis-nya dan bekerja sambil-lah membimbing atau mendidik diri-nya daripada satu tahun ka-sa-tahun, dalam masaalah mengerti bagaimana-kah kerja meng-adakan meshuarat, dan mentadbir meshuarat dan bagaimana-kah bekerja sa-bagai setia-usaha, sa-bagai benda-hari atau jawatan-kuasa menjalankan kerja yang di-tugaskan atau di-amanah-kan oleh ahli²-nya atas jawatan² yang di-sandang-nya. Maka di-sini di-nyatakan bahawa saya bimbang nanti-kekuatan kumpulan ini akan merosot dengan tidak menjalankan mengikut peratoran atau kehendak undang² tuboh-nya.

Dan juga saya pernah dengar yang mengatakan jika wanita² di-masyarakat itu telah menjadi pehak kaum ibu

UMNO, mithal-nya, atau menjadi ahli PAS mithal-nya, atau Parti Ra'ayat, maka mereka itu konon-nya jangan-lah di-panggil menghadhiri meshuarat atau pun mereka itu tidak di-beri menjadi ahli perkumpulan ini. Ini pun ada-lah merugikan. Kita semua ketahui bahawa kumpulan ini ia-lah kumpulan sukarela membuat kerja² kebajikan, dengan itu mereka dapat menimbangkan sa-masa berada di-lapangan politik, maka berpolitik-lah mereka dan sa-masa perkumpulan dalam pertubohan ini bekerja-lah sunggoh² dalam kumpulan ini. Maka di-sini saya harap-lah akan menjadi kesedaran hendak-nya bagi Kementerian ini akan dapat memberikan pertunjuk dan arahan kepada mereka supaya menjalankan mengikut peratoran² yang sa-benar-nya.

Dan ada juga sa-tengah²-nya saya dapati pula, saperti apa telah berlaku di-kampong² yang terpenchil—perkumpulan ini yang di-kenal kumpulan W.I.—nama-nya sahaja ada W.I., di-kampong² tersebut, tetapi tidak dapat bergerak dengan betul. Dan ada juga nama perkumpulan ini di-gunakan oleh ketua-nya yang menjadi ketua kum-pulan ini dengan mengadakan kelas² memasak, tetapi hasil pendapat tidak dapat bagi perkumpulan ini, bahkan bagi faedah diri-nya yang menjadi ketua atau pun yang menjadi guru kelas² urusan rumah-tangga saperti ini. Ini amat-lah mengechewakan, amat-lah merugikan kepada masyarakat khas-nya bagi jenis saya yang telah di-beri tersalah didek saperti yang saya sebut-kan tadi. Dengan itu saya merayu-lah bagi pehak Kementerian yang bertanggung-jawab di-atas perkara² ini, apa yang saya sebutkan dari hati ka-hati di-sini, mudah²an dapat di-perbaiki bagi kebaikan kita bersama.

Juga melalui Majlis ini saya suka-lah pula merayu kepada Kementerian ini dalam peruntukan yang di-peruntukkan sa-banyak \$70,000 ini saya harap di-tahun hadapan dapat di-perlebehkan. Dan peruntukan itu tidak-lah hendak-nya di-berikan kepada satu kumpulan sahaja, bahkan akan di-bahagi²kan. Kerana, tiga tahun dahulu, kami bagi kaum² wanita di-Malaysia ini telah

dapat menubuhkan Majlis Kebangsaan Pertubohan² Wanita Malaysia, yang mana sekarang sedang giat bekerja, yang mana Pertubohan Kebangsaan Wanita Malaysia ini amat-lah besar, yang mana ahli²-nya bergabung terdiri daripada pertubohan² politik, kesatuan² sukarela kesatuan guru dan sa-bagai-nya bergabung dudok di-bawah Majlis Kebangsaan Pertubohan² Wanita ini yang perjuangan-nya tidak berbau politik, ia-lah mengamalkan kerja kebajikan dan memberi sokongan kepada Kerajaan dalam membena negara kita ka-arrah kemajuan, ke'adilan, dan kema'amoran dan hidup saling mengerti dan sa-bagai-nya itu, maka saya harap Kementerian ini akan mengalehkan pandangan sedikit di-tahun hadapan dapat menambah peruntukan ini, dan daripada-nya itu dapat di-bahagikan juga peruntukan kepada pertubohan yang saya sebutkan tadi. Kerana, sa-lama tiga tahun ini, sa-lain daripada itu, kami juga telah di-katakan menjadi agen Kerajaan hari ini. Jika ada wanita² luar negeri yang terkemuka datang ka-Malaysia ini sa-lepas berjumpa dengan Menteri² atau pehak² yang berkenaan, maka mereka itu pula telah di-beri kepada kami oleh Kementerian Luar negeri kepada kami mengadakan supaya kami pula mengambil tetamu² kita ini untuk berkenalan², bertukar² fikiran, mendengar pula cerita² apa-kah yang kami kaum wanita negeri ini telah mengambil bahagian bersama terhadap pembangunan negara ini. Maka kami adakan-lah perjumpaan² jamuan teh, makan tengah hari, makan malam dan sa-bagai-nya itu, tetapi kami tidak mendapat peruntukan bantuan wang daripada pehak Kerajaan sa-takat hari ini. Mudah²an dengan ada-nya rayuan dan pandangan yang saya rayukan ini, maka di-tahun hadapan hendak-nya pehak Kerajaan akan dapat memberikan peruntukan kepada pehak kami. Bahkan sambil ini, boleh-lah saya memberi tahu kepada Kementerian ini, kami berjalan ia-lah mendapatkan peruntukan daripada *Asia Foundation* tiap² tahun untuk menjalankan kerja² kami yang saya sebutkan tadi itu, dan sa-lebeh-nya itu kami bersukarela bekerja dan bersukarela memberikan masa kami,

dan wang kami, kami bersukarela menderma untuk mengadakan keramaian² atau pun perjumpaan² saperti yang saya sebutkan tadi itu. Demikian, terima kaseh.

Mr Speaker: Persidangan ini ditempohkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 11.28 a.m.

Sitting resumed at 11.45 a.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

The House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Sulaiman bin Bulon): Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu suka hendak mengucapkan ribuan terima kaseh kepada ahli² yang telah berchakap dan menyokong peruntukan yang di-minta di-Dewan ini.

Saya terlebih dahulu suka hendak menjawab hujjah² daripada ahli² sa-kalian dan yang pada 'am-nya suka-lah saya hendak menyentuh satu perkara, ia-itu satu jawatan baharu yang telah beberapa banyak ahli mengemukakan pertanyaan mereka terhadap jawatan itu. Maka suka-lah saya menerangkan bahawa sa-bagai permulaan Bahagian Penyelidikan ini akan menjalankan penyelidikan dan penilaian atas tajok² yang mempunyai perkaitan yang rapat dengan pelaksanaan ranchangan pembangunan terutama sa-kali ranchangan pembangunan luar bandar kita ini. Juga ia akan membuat perhubungan dengan badan² Kerajaan dan di-luar Kerajaan yang menjalankan penyelidikan mengenai pembangunan negeri² ini supaya dapat mengumpulkan pengalaman² yang boleh di-gunakan atas mendapatkan kesan² dan bukti² yang nyata yang boleh memberikan faedah kepada perlaksanaan ranchangan pembangunan negara kita ini. Jadi, itu-lah tujuan-nya kita mengatakan Pegawai Penyelidik yang menjadi satu perkara besar yang di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat dari sa-malam lagi.

Menyentuh atas hujjah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Krian Darat atas perkara Pelajaran Dewasa dan Pembangunan masyarakat maka mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tadi dari sa-malam, atas tanggong-jawab menjaga kemudahan²

Tuan Pengerusi: Tidak chukup koram.

(Division bell rung. House counted; 26 Members present).

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Pengerusi, maka tanggong-jawab bagi menjaga kemudah²an yang telah diberikan ka-kampong² bukan-lah terletak-nya di-Kementerian ini sahaja tetapi juga kepada Wakil Ra'ayat sendiri, kerana apa sahaja yang diminta, apa sahaja perojek² yang dikehendaki oleh Wakil Ra'ayat ada-lah di-beri oleh Kementerian ini mengikut kemahuan Wakil² Ra'ayat. Jadi, apalah di-mana salah-nya kalau Wakil Ra'ayat seperti mana yang di-katakan Wakil daripada Krian Darat tadi menyatakan pada kepada siapa-kah tanggong-jawab balairaya itu di-beri apakala balairaya itu telah siap dan siapa-kah yang menjalankan-nya.

Maka soal ini tidak-lah patut dibangkitkan kerana saya katakan tadi ia-lah tanggong-jawab Wakil Ra'ayat itu sendiri juga dan Jawatan-kuasa Kampong yang telah di-tubuhkan di-merata² kampong itu, maka ia-itu-lah yang menjadi tanggong-jawab kepada mereka.

Dan juga berhubung dengan latehan kepada pelajar² dewasa seperti yang telah di-sebutkan oleh wakil Krian Darat itu ia-itu supaya pelajar² dewasa ini dapat di-berikan latehan dalam ilmu pertanian, maka ini satu perkara yang telah juga di-jalankan oleh Kementerian ini yang mana bukan sahaja kita telah berikan mereka itu latehan di-Pusat Latehan Pertanian tetapi juga dalam perkara memberikan semangat supaya mereka itu bertanggung-jawab dan mengambil bahagian dalam gerakan maju. Jadi, ini-lah yang telah kita jalankan semenjak mula kita adakan bahagian pelajaran dewasa ini

supaya tiap² pelajar itu dapat berdiri dan dudok di-atas kaki mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang telah di-sentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah perkara berhubung dengan Persatuan Peladang. Maka ini saya rasa tentu-lah perkara ini Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama sedang menjalankan tugas itu untuk hendak mengambil bahagian yang sa-hebat²-nya menjalankan kerja dan usaha mereka terhadap kerja yang boleh memberikan kesan kepada sakalian petani² di-tanah ayer kita ini supaya dapat menjalankan kerja² mereka lebeh berkesan dengan menjalankan usaha mereka itu menggunakan alat² moden seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dan sekarang ini saya bawa kepada Ahli Yang Berhormat dari Johor Baharu Barat yang telah mengemukakan kepada Dewan ini supaya Dewan ini memandang berat kepada tanah, satu ranchangan tanah di-Teberau sana. Maka perkara ini tidak-lah kita boleh mengambil tindakan yang bersendirian, kerana ranchangan tanah yang di-sebutkan itu ia-lah dalam jagaan Kerajaan Negeri sendiri, tetapi walau bagaimana pun Kementerian saya akan berunding dan menyiasat perkara ini dengan Kerajaan Negeri supaya mengambil tindakan atas apa yang di-sebutkan dalam mana ranchangan ini yang tanah sentiasa tenggelam dan merosakkan tanaman.

Sekarang ini saya pergi kepada Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan ia-itu menyentuh perkara² sa-orang Pegawai MARA yang kurang tertib atau pun kurang sopan atau pun berlaku kasar terhadap orang ramai tatkala menjalankan tugas-nya. Saya mempunyai kepercayaan yang penoh bahawa bukan-lah semua sa-kali pegawai² MARA yang bersikap seperti itu dan bukan-lah semua sa-kali Pegawai² MARA yang telah mengelakkan tugas-nya daripada berusaha lebeh giat, lebeh berazam, lebeh jujur, tetapi hanya-lah sa-bahagian kecil yang kita dapat. Jadi soalan yang di-kemukakan ini sudah barang sa-patut-nya-lah Ahli Yang Berhormat itu mengemukakan

perkara itu dengan chara bersurat kapada Kementerian saya, kemudian Kementerian ini boleh-lah menjalankan siasatan yang lebeh halus dan mengambil tindakan yang sewajar-nya terhadap kelakuan pegawai yang samumpama itu.

Satu perkara lagi yang di-kemukakan oleh Ahli Berhormat ini ia-itu di-dalam kawasan-nya di-mana ada Ranchangan FLDA pada masa ini yang getah² dalam ranchangan tanah itu sedang di-toreh, di-potong, tetapi getah itu tidak di-bekukan atau pun tidak di-kerjakan oleh penduduk² itu sendiri bahkan di-jual kapada company² lain. Ini ada-lah sudah di-siasat ia-itu hendak memberikan kemudahan yang chukup dan hendak memberi keuntungan yang lebeh kapada peserta² ini, maka tidak ada-lah jalan yang lebeh baik daripada memberikan chara yang demikian itu di-jalankan untuk memberikan kemudahan hidup yang lebeh baik kapada mereka itu.

Juga satu perkara lain yang di-sentoh oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah tentang peruntokan yang di-berikan kapada Perkumpulan Perempuan. Chadangan Yang Berhormat itu saperti mana di-katakan tidak memuaskan dan tidak menchukupi, maka Kementerian saya akan mengambil timbangan dan membuat langkah baharu untuk menyesuaikan keadaan dan kerja yang di-jalankan oleh pertubohan itu dan bagitu juga di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu gerakan pertandingan di-kampong² yang sedang maju sedang di-selenggarakan dengan rapi dan pesat-nya sekarang ini dan berkehendakkan satu peruntokan yang lebeh maka ini juga akan di-timbangkan oleh Kementerian saya pada masa akan datang ini.

Peruntokan sa-banyak \$174,000 bagi Tabong Haji saperti mana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu juga—peruntokan ini satu peruntokan apa yang boleh kita sebutkan tetapi ia-lah sa-mata² satu peruntokan untuk menjalankan pentadbiran badan ini. Kita tahu dan berkali² kita sebutkan di-dalam Dewan ini ada pun tujuan kita mengadakan Tabong Haji ini ia-lah supaya dapat kita menjimatkan atau

dapat kita mentadbirkan berkenaan dengan perhubungan orang² kita ini yang hendak pergi haji dan juga menchari ikhtiar bagaimana kita dapat mengumpulkan wang mereka yang hendak pergi haji ini dan dari wang kumpulan itu dapat kita simpan dan menjadikan tanaman modal dan dengan itu dapat kita gunakan wang itu untuk kemudahan² mereka masa depan. Jadi itu-lah yang kita jalankan buat sa-takat ini dan kita harapkan pada jangka yang pendek bahawa Tabong Haji ini akan dapat berdiri dengan sendiri-nya dan tidak-lah mereka itu berharap nanti akan wang peruntokan yang di-berikan oleh Kementerian ini sa-mata².

Saya pergi kapada Ahli Yang Berhormat yang lain ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Trengganu Utara yang menyentoh ia-itu Economic Planning Unit tidak memberikan peruntokan yang lebeh. Jadi ini tidak-lah benar. Peruntokan ini di-asaskan kapada keperluan Tabong Haji dan keadaan kewangan dan juga di-asaskan atas chadangan Jawatan-kuasa yang mengkaji perbentokan Tabong Haji itu ia-itu Tabong Haji itu akan berdiri atas kakinya sendiri sa-lepas beberapa tahun dalam perjalanan-nya nanti.

Bagitu juga Ahli Yang Berhormat itu telah mengemukakan satu chadangan supaya di-adakan kapal haji sendiri bagi memudahkan perjalanan orang² kita Islam di-negara kita ini hendak pergi haji atau mengadakan satu urusan company yang boleh menjalankan kapal haji dengan sa-chara bersendirian atau pun juga dengan sa-chara joint venture sa-bagai permulaan. Chadangan ini sangat-lah baik dan ini sedang di-kaji dan di-timbangkan oleh Badan Haji ini sekarang dan sekarang ini perkara itu sedang di-uruskan dan satu Jawatan-kuasa yang telah pun mengkaji perkara² yang saperti mana di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Juga Yang Berhormat itu menyelar kapada perkara² Pegawai MARA yang katakan mesti-lah Pegawai MARA kita ini mendapat latehan yang sa-chukup-nya. Suka-lah saya hendak menerangkan kapada Dewan ini ia-itu sekarang ini beberapa kursus telah pun di-adakan di-dalam dan di-luar negeri untuk

melateh semua pegawai² ini dan juga untok mengambil lebeh banyak lagi pegawai² yang berkelulusan universiti dan perkara ini sedang di-jalankan, diharapkan dalam masa yang tidak berapa lama lagi yang kita semua berpuas hati dengan apa yang telah kita jalankan untok hendak memberikan MARA ini sa-bagai satu daya usaha kita untok membaiki taraf hidup ra'ayat jelata di-dalam negeri kita ini.

Kemudian Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menyentoh soal² atau merayukan perkara² yang berlaku di-Kampung Pandan. Dalam ucapan-nya itu kita berasa sangat-lah terharu kerana keadaan mereka dalam Kampung Pandan itu telah tidak bagitu di-ambil perhatian yang berat. Jadi saya tidak-lah dapat hendak menyatakan apa² sa-suatu pada ketika ini melainkan memberikan perhatian kepada Ahli Yang Berhormat ia-itu Kementerian saya dan juga Kementerian Local Government and Housing dan Kerajaan Negeri akan mengadakan rundingan untok mengatasi segala kesulitan yang di-hadapi oleh penduduk² Kampung Pandan sana.

Menjawab tentang soalan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Krian Laut tentang bayaran elaun kepada Penyelia² Kelas Dewasa, Peti² Radio, Pelajaran Lanjutan juga Perkumpulan Perempuan di-sentoh juga—ada pun perkara membayar elaun yang saperti mana di-kehendaki oleh Yang Berhormat itu maka Kementerian saya sedang mengkaji-nya pada ketika ini dan belum lagi di-buat apa² keputusan.

Tentang peti radio di-kelas² pelajaran dewasa, maka tidak-lah benar saperti mana yang di-katakan oleh Yang Berhormat itu, yang peti radio itu tidak sama sa-kali berguna di-letakkan di-kelas² dewasa, tetapi kita perchaya ada sa-bilangan kecil kelas² itu sahaja tidak menggunakan radio itu mengikut sa-bagaimana yang kita kehendaki dan sekarang kita chuba hendak mengalehkan peti radio itu pada kelas² yang baharu yang bersesuaian dengan masa dan waktu yang radio itu boleh dapat di-dengar oleh pelajar² sakalian.

Tentang mengadakan pelajaran lanjutan kepada pelajar² dewasa ini saperti mana yang saya telah sebutkan tatkala menjawab hujah Yang Berhormat dari Krian Darat, maka bagitu-lah juga saperti mana yang saya katakan sekarang kepada Yang Berhormat ini ia-itu kita ada menjalankan kelas² lanjutan dan menempatkan pelajar² yang telah lulus darjah tinggi atau kelas tinggi daripada kelas² dewasa ini untok belajar di-pusat² latehan dan juga kita beri peluang untok menduduki kursus² di-mana juga Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat mengadakan kursus tata ra'ayat dan sa-bagai-nya, maka saya rasa sudah kena-lah pada tempat-nya yang mereka itu dapat kursus itu daripada mereka yang bertanggungjawab dalam soal² itu sendiri daripada kita sendiri menjalankan kursus yang bersendirian.

Soal perkumpulan perempuan ia-itu satu badan sukarela. Ini ada-lah saperti satu badan sukarela yang lain² yang mengambil peranan yang penting bagi membangunkan atau menjalankan pembangunan negara kita itu. Jadi sudah tentu-lah bantuan yang sa-umpama itu patut sangat kita berikan kepada badan ini supaya kerjasama yang rapat dapat kita jalankan dengan badan itu masakan pula ada-lah tujuan badan itu sama sahaja dengan apa langkah yang kita jalankan sendiri oleh Kementerian kita ini.

Jadi, sekarang saya bawa kepada hujah yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat dari Kulim Utara atas soal bantuan pinjaman selalu sangat lambat di-berikan oleh pegawai² MARA. Saya tidak pula hendak menafikan perkara kelambatan ini, tetapi kita semua tentu-lah mengetahui bahawa satu² pinjaman yang hendak di-berikan itu mesti-lah di-tentukan lebeh dahulu atas apa pinjaman yang hendak di-buatkan dan hendak di-lakukan oleh si-peminta itu sendiri. Jadi, kalau pegawai itu tidak puas hati dalam siasatan-nya sudah tentu-lah perkara itu menjadi lambat, lebeh² lagi barangkali takut tidak mengikut syarat² yang di-kehendaki oleh pegawai² itu saperti mana yang di-letakkan oleh MARA sendiri. Soal hendak memberi pinjaman ini tidak-lah

bagitu susah sa-kira-nya tiap² sa-orang yang meminta pinjaman itu memberikan sharat yang sa-penoh-nya untuk kegunaan bagi pinjaman-nya itu. Jadi, ini juga ada-lah untuk keselamatan wang negara kita supaya tidak membazir dengan bagitu sahaja. Walau bagaimana pun, saya harap Yang Berhormat itu dapat bekerja dengan pegawai MARA di-dalam daerah-nya memberikan bantuan kepada pegawai itu sa-barang ma'lumat yang di-kehendaki untuk memudahkan soal² ini pada masa yang akan datang. Dan kemudian Yang Berhormat itu menyentoh soal pegawai² Kementerian ini patut-lah memberi cheramah-nya. Jadi ini juga tidak ketinggalan ia-itu tiap² kali diadakan kursus di-mana² juga tempat apabila Pegawai² Daerah itu berkehendakkan pegawai dari Kementerian memang-lah kita hantar pegawai itu untuk memberikan pedoman kepada mereka itu atas jalan apa yang kita jalankan di-Kementerian ini untuk melaksanakan ranchangan² pembangunan negara kita dengan baik dan sempurna.

Bagitu juga Yang Berhormat itu ada menyentoh tentang elauan pelajaran dewasa. Saya rasa Yang Berhormat itu berpuas hati dengan apa yang saya telah menjawab soal² yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat dari Krian Darat tadi.

Pada ahkir-nya sa-kali ta' lain dan tidak bukan ia-lah Yang Berhormat kita dari Jitra-Padang Terap salah sa-orang kaum wanita dalam Dewan ini tentang menyatakan sokongan-nya kepada Pertubohan Perkumpulan Perempuan dan ada beberapa alasan dan perhatian yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat itu. Maka di-sini saya memberi sokongan di-atas apa yang telah di-huraikan oleh beliau di-dalam Dewan ini tadi ia-itu untuk bekerjasama dengan lebih rapat dengan Perkumpulan Perempuan dan memberi pertolongan dan berbagai yang patut di-berikan kepada perkumpulan itu, maka memang-lah usaha dan kerja itu sedang di-jalankan oleh Kementerian dengan pertubohan itu. Dan sa-balek-nya ada Yang Berhormat itu menyentoh soal² gerakan pertubohan wanita yang

di-pimpin-nya sendiri, juga Yang Berhormat itu merayu supaya satu peruntukan akan dapat di-berikan juga sama dengan apa yang kita telah berikan kepada perkumpulan perempuan, kata-nya, sa-takat ini hanya-lah Asia Foundation yang telah memberi sumbangan kepada Perkumpulan Wanita ini atau pun badan ini, malah kerja dan usaha-nya sama juga atau pun lebih daripada apa yang telah di-jalankan oleh Perkumpulan Perempuan sendiri maka suka-lah saya hendak memberikan jaminan kepada Yang Berhormat itu perkara ini akan di-timbangkan oleh Kementerian saya dan di-harap Yang Berhormat itu dapat berutus dengan Kementerian ini untuk hendak memudahkan supaya peruntukan yang sama juga akan di-beri kepada badan perkumpulan wanita yang di-bawah pimpinan-nya itu.

Saya fikir tamat-lah sudah atas soal² yang di-beri oleh Ahli² Yang Berhormat dari sa-malam dan pagi ini tadi. Saya perchaya dalam mengemukakan peruntukan Anggaran Pembangunan nanti kita akan berjumpa lagi, dan siapa juga yang tidak dapat hendak berchakap waktu ini kerana hendak melapaskan geram-nya di-atas perkara² pembangunan, saya perchaya tatkala kita membawa perkara² anggaran pembangunan nanti akan dapat kita membahathkan lagi.

Tuan Pengerusi, saya pohon peruntukan sa-banyak yang di-minta itu di-luluskan.

Question put, and agreed to.

The sum of \$10,552,250 for Head S. 61—Ministry of National and Rural Development ordered to stand part of the Schedule.

Head S. 62—

The Minister of Lands and Mines (Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Pengerusi, saya ingin mengemukakan ia-itu perbelanjaan yang di-tunjokkan di-bawah Kepala S. 62—Kementerian Hal Ehwal Sabah dan Pertahanan 'Awam sa-banyak \$1,497,307 di-luluskan dan jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Oleh kerana tamat-nya konfrantasi kerja² Kementerian ini telah di-kurangkan dan sa-terus-nya Anggaran Perbelanjaan bagi tahun ini telah di-kurangkan sa-banyak \$1,917,653 atau pun 56%.

Sungguh pun di-tunjokkan di-bawah Gaji ia-itu bilangan jawatan yang ada telah di-kurangkan daripada 124 pada 79 sahaja, ia-itu pengurangan sa-banyak 36% tetapi peruntukan di-bawah Gaji menunjukkan pengurangan sa-banyak 29% sahaja. Perbezaan ini ia-lah kerana tambahan perbelanjaan untuk kenaikan gaji tahunan pada kakitangan dan bayaran elaun serta sara hidup dan elaun sewa rumah, sebab yang keduanya ia-lah kerana pindaan tangga gaji kapada sa-tengah bahagian pegawai² saperti Jurutaip dan Penyelenggara Setor yang telah di-selenggarakan.

Berkenaan dengan lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun di-bawah Ibu Pejabat jumlah-nya telah bertambah daripada \$17,350 kapada \$19,920. Sabenar-nya peruntukan di-bawah Pechahan-kepala Penyata-nya telah di-kurangkan, kechuali Pechahan-kepala 5—Penyenggaraan Tempat Kediaman Menteri. Pechahan-kepala ini telah ditambah daripada peruntukan \$10 hingga kapada \$7,000 untuk menyelenggarakan tempat kediaman Menteri semenjak sarorang Menteri telah di-lantek untuk Kementerian ini.

Di-bawah lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun, Pechahan-kepala 7 hingga 15, peruntukan di-bawah Pechahan²-kepala ini telah di-kurangkan dengan sa-kurang²-nya. Bagitu juga peruntukan di-bawah perbelanjaan khas telah juga di-kurangkan, kechuali Pechahan-kepala 22—Kereta Motor (Kereta dan Perkakas untuk Perkhidmatan Bomba Tambahan). Jumlah ini di-kehendaki untuk bayarn kereta dan perkakas bagi perkhidmatan bomba tambahan yang telah di-pesan melalui Crown Agent.

Question put, and agreed to.

The sum of \$1,497,307 for Head S. 62 ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 93 to 96—

The Minister of Transport (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan

Pengerusi, dengan keizinan, Tuan Pengerusi, saya mengemukakan Anggaran Peruntukan Belanjawan Biasa tahun 1967 bagi Kementerian Pengangkutan termasuk-lah Jabatan² Persekutuan di-Malaysia Barat dan Timor di-bawah Kepala² peruntukan yang tersebut di-bawah ini:

Kepala S. 63—Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Memeriksa Kapal Malaysia Barat	...	...	\$ 422,219
Kepala S. 64—Jabatan Pembangunan 'Awam Malaysia Barat	...	...	2,755,185
Kepala S. 65—Jabatan Pembangunan 'Awam dan Perkhidmatan Kajichuacha—Malaysia Timor	...	...	3,339,584
Kepala S. 66—Perkhidmatan Kajichuacha Malaysia	...	...	1,641,037
Kepala S. 67—Jabatan Laut Malaysia Barat	...	...	2,831,481
Kepala S. 68—Jabatan Laut Malaysia Timor	...	...	3,331,403
Sarawak	\$2,292,638		
Sabah	...	1,038,765 dan	
Kepala S. 69—Jabatan Pengangkutan Jalan Raya	...	...	3,218,982
Jumlah	...	...	\$17,539,891

Anggaran Belanja tahun ini melebihi daripada Anggaran Belanja tahun 1966 sa-banyak \$1,616,674. Tambahan yang \$1 juta lebih ini ia-lah kerana pejabat yang baharu, Kajichuacha, yang semenjak Singapura telah berpisah dengan Persekutuan Tanah Melayu kita telah mengadakan perkhidmatan yang seluruhan Malaysia, ini telah memakan belanja \$1 juta lebih. Bagitu juga tambahan yang besar berkenaan dengan padang lapangan terbang antara bangsa yang telah memakan belanja yang banyak dengan sebab perkakas² baharu dan tambahan kakitangan dan yang lain² lagi.

Saya suka menerangkan dasar dan kewajipan Kementerian Pengangkutan ia-lah berusaha memajukan berbagai jenis pengangkutan saperti bas, teksi, lori, keretapi, kapal terbang, kapal² laut dan pelabohan² supaya dapat sentiasa memberi perkhidmatan kapada orang 'awam dengan baik, cekap, murah, selamat dan tinggi mutu-nya. Semua ranchangan² pembangunan di-bawah Kementerian ini yang saya akan

terangkan berkenaan dengan banyak bahagian yang bertambah daripada tahun yang lalu di-dalam peruntukan Pembangunan nanti 1967. Saya tidak-lah hendak memakan waktu yang banyak, chuma satu sahaja saya suka terangkan Kementerian Pengangkutan ada-lah sa-buah Kementerian yang hampir² menchapai penyatuan ia-itu bukan sahaja Kementerian ini mengawal, tetapi juga telah mengambil alih perkara kewangan, pentadbiran dan jawatan daripada Jabatan Penerbangan 'Awam Malaysia Barat, Perkhidmatan Kajichuacha dan Pengangkutan Jalan Raya, Malaysia Barat. Dengan jalan ini ia-lah bukan sahaja meringankan kuasa Ketua² Jabatan tersebut menjalankan kerja² biasa terhadap pekerjaan umum-nya, tetapi Kementerian ini dapat mengawasi dengan rapi-nya perkara yang tersebut itu dan dapat di-baiki kecekapan seluroh-nya.

Perkara kewangan dan pentadbiran dan jawatan bagi Jabatan Laut Malaysia Barat dan Jabatan² lain di-Malaysia Timor tidak di-ambil alih oleh kerana Kementerian ini dengan sebab kerana keadaan jabatan itu keadaan antara Malaysia Barat dengan Malaysia Timor itu jauh dan kira-nya di-kelolakan dari Pusat tentu-lah ini akan melengahkan waktu dan tidak melichinkan kerja² jabatan, tetapi walau bagaimana pun kawalan di-adakan di-atas perbelanjaan tahunan, tambahan²-nya dan ubah peruntukan yang semua-nya di-hantar kepada Kementerian ini untuk di-tapis dan di-pereksa sa-telah mendapat persetujuan Kementerian ini, baharu-lah di-kemukakan kepada pehak² yang berkenaan bagi menetapkan kelulusan yang muktamad.

Bagi Jabatan ini tidak-lah ada chadangan Kementerian ini hendak melangsungkan kesatuan dengan kerana jikalau di-kawal daripada Pusat tentu-lah akan berlaku kelambatan dan kurang kecekapan.

Keselamatan Jalan Raya. Ini ia-lah telah di-usahkan oleh sa-buah badan ia-itu Majlis Keselamatan Lalu-Lintas yang saya sendiri menjadi Pengerusi-nya dan Majlis ini telah bekerja keras

dengan menjalankan segala kempen² dan mendapat sokongan yang penoh daripada badan² yang ada di-seluruh Tanah Melayu ini dan juga dengan sokongan yang penoh daripada badan² yang ada di-seluruh Tanah Melayu ini dan juga dengan sokongan Pejabat² Kerajaan yang berkenaan dan bagitu juga daripada pehak press, atau pun pemberita² dari surat khabar dan juga pehak² peniagaan minyak yang mengadakan macham² permainan bagi mengajar budak² macham mana hendak menyeberangi daripada satu² jalan mengelakkan merbahaya jalan raya.

Penerbangan 'Awam. Kemajuan dalam lapangan ini ia-lah memuaskan akibat daripada perubahan politik di-dalam negara di-sabelah sini kerana perpisahan Singapura daripada Malaysia. Kerajaan Malaysia telah mengadakan beberapa perjanjian yang baharu dengan beberapa negeri² luar dan semenjak baharu² ini nama kapal terbang Malaysia Airways telah juga di-tukar dengan Malaysia-Singapura Airlines kerana hendak menunjukkan sa-buah sharikat ini di-kelolakan oleh kedua² buah negara yang bebas dan merdeka dan dengan tujuan yang satu hendak mendapatkan keuntungan yang baik dan menjalankan sharikat ini dengan chara yang teliti di-Tenggara Asia ini.

Sekarang ini telah pun mula—tahun 1966—mengadakan penerbangan ka-Manila. Mula²-nya tidak begitu menggalakkan, tetapi baharu² ini telah mendapat sokongan dan keuntungan yang baik, dan daripada satu haribulan April ini perkhidmatan pergi ka-Manila akan singgah di-Jesselson.

Shairkat Penerbangan MSA ini juga akan mengadakan perkhidmatan-nya ka-Australia dan Formosa, tetapi ka-Perth di-Australia dan Formosa pada 1hb April, 1967, ini pada tingkat yang pertama, dan di-harapkan apabila dapat jentera² yang baharu nanti akan terbang lebeh jauh lagi sampai ka-Tokyo dan di-Sydney di-Australia. Dengan ada-nya perjanjian² baharu ini, di-harapkan banyak lagi kapal² terbang daripada luar negeri akan datang ka-Kuala Lumpur. Bagaimana Ahli² Yang Berhormat sudah pun tahu, semenjak

konfrantasi tamat dan hubungan diadakan, Perkhidmatan Garuda Indonesia telah pun sampai ka-Kuala Lumpur dan perkhidmatan² yang lain² di-Pantai Barat Sumatra ka-Medan sedang di-rundingkan.

Sa-lain daripada itu juga sa-buah penerbangan luar negeri, ia-itu Japan Airlines, saya telah di-bagi tahu, ta' berapa lama lagi akan sampai ka-Kuala Lumpur. Ini menunjukkan Kuala Lumpur akan ta' lama lagi menjadi tumpuan kapal² terbang daripada luar negeri datang ka-Lapangan Antara Bangsa di-Kuala Lumpur yang ada di-Subang itu.

Berkenaan Perkhidmatan Kaji Chuacha, saya telah terangkan tadi, semenjak satu haribulan Oktober tahun 1966 Pejabat Kaji Chuacha ini telah di-tubuhkan di-Kuala Lumpur. Ini jabatan yang pertama di-bawah Kementerian ini, yang boleh di-katakan Jabatan Malaysia kerana pentadbiran Perkhidmatan Kaji Chuacha meliputi seluruh Malaysia mulai pada tahun ini. Ini boleh di-jaminkan perkhidmatan kaji chuacha yang sama dan sa-imbang di-Malaysia Barat dan Timor.

Jabatan Laut Malaysia Barat dan Jabatan Laut di-Sabah juga mengambil peranan yang penting menyusun perkhidmatan²-nya oleh kerana konfrantasi telah habis, tentu-lah kini mula kita bekerja memperbaiki perkhidmatan. Pada waktu yang lampau pejabat ini juga menolong bersama² pasokan pertahanan mengawal pantai² baik pun di-Sabah, Sarawak atau di-Malaysia Barat. Jabatan Pengangkutan Raya—hasil jabatan ini bertambah dengan banyaknya dalam tahun 1966 dan dalam masa 11 bulan dalam tahun yang sudah, jumlah 51,692 kereta² motor atau jentera baharu di-daftarkan di-bandingkan dengan 39,909 buah dalam tahun 1965. Jumlah semua-nya kereta² motor yang di-daftarkan sa-hingga 31hb November, 1966 ia-lah 446,810 buah. Hasil yang di-pungut oleh Pejabat Pengangkutan Jalan Raya bagi tahun 1966 ia-lah \$130,356,240 bertambah sa-banyak 22 juta daripada tahun sudah, atau pun bertambah pungutan hasil oleh Jabatan ini sa-banyak 19%.

Perusahaan orang Melayu di-dalam Pengangkutan Jalan Raya bertambah dengan puas hati, baik pun di-dalam perusahaan orang Melayu sahaja, atau pun chara berkongsi dengan orang lain.

Pelabohan—ada-lah menjadi dasar Kerajaan Perikatan dan Kementerian saya berusaha supaya semua pelabohan² di-Malaysia Barat dan Timor boleh mengendalikan barang² dagangan pada masa sekarang, dan juga pada masa beberapa tahun yang akan datang. Sekarang ini usaha sedang di-jalankan bagi memajukan dagangan di-antara Malaysia Barat dan Malaysia Timor dan juga memperbaiki tambahan perkhidmatan² perkapalan yang pada masa ini ada-lah di-dalam tangan Sharikat² Perkapalan bersendirian. Dengan adanya usaha² yang demikian boleh jadi di-dalam masa tiga tahun lagi kapal² dagangan penyusup pantai dapat menjalankan perkhidmatan membawa barang² dengan sa-chara containerisation atau pun chara dengan berkotak² yang besar—satu² kotak itu boleh di-isi barang² sa-banyak 25 ton. Ini bermakna bahawa dua buah pelabohan besar di-Malaysia Barat dan juga beberapa pelabohan yang besar di-Malaysia Timor kena-lah di-perbesarkan supaya dapat di-gunakan oleh kapal dagangan sa-chara baharu itu. Beberapa perubahan kejuruteraan kena-lah juga di-buat di-pelabohan² yang tersebut apabila kapal dagangan sa-chara baharu itu atau container-ship memulakan perkhidmatan mereka. Tidak memadai jika kita melengkapkan pelabohan Pulau Pinang dan Port Swettenham sahaja bagi mengendali kapal² dagangan sa-chara containerisation ini. Tetapi sa-kira-nya pelabohan di-Kuching dan di-Sandakan tidak di-buat tentu-lah tidak dapat di-samaratakan keadaan kapal² dan punggah-memunggah di-antara pelabohan² di-Malaysia Barat dan Timor. Oleh itu di-dalam Rancangan Pembangunan berkenaan dengan memperbaiki tambahan pelabohan² di-Malaysia Timor dan di-Malaysia Barat bagi maksud ini terpaksa-lah kita mengadakan perhubungan yang rapat di-antara satu pelabohan dengan pelabohan yang lain dan perkara ini ada-lah dalam siasatan dan perhatian Kementerian saya.

Kementerian Pengangkutan telah mengambil berat atas chara² memperbaiki pelabohan² di-negeri Sabah. Sa-orang Pegawai Co-ordinator yang hendak menyamakan bahagian pelabohan daripada dasar²-nya di-Kementerian saya telah pun di-jemput oleh Kerajaan Sabah dan telah pun mengadakan penyiasatan dan telah pun mengadakan recommendation atau pengakuan²-nya. Kemudian daripada itu, pakar berkenaan dengan pelabohan telah pun di-hantar oleh Pertubuhan Bangsa² Bersatu kepada Kementerian Perhubungan dan Kerja-Raya Sabah di-atas permintaan Kementerian Pengangkutan dengan persetujuan Kerajaan negeri Sabah. Beliau terus membuat penyiasatan berkenaan dengan perjalanan pelabohan² di-situ, dan sa-telah berunding, Kementerian telah pun membuat chadangan supaya di-adakan sa-buah Lembaga Pelabohan sa-bagai menyesuaikan semua pelabohan² di-dalam negeri Sabah. Chadangan beliau itu di-jangka akan mendapat sokongan yang penoh daripada Kerajaan Negeri Sabah. Di-negeri Sarawak sudah pun ada satu badan pelabohan sa-bagaimana di-Kuching dan pelabohan² yang lain juga akan di-perbaiki dan di-perbesar lagi.

Pasokan pakar daripada Pertubuhan Bangsa² Bersatu yang akan datang ka-Malaysia dalam pertengahan tahun ini akan membuat kajian di-atas berbagai² jenis pengangkutan di-Malaysia, akan juga membuat penyiasatan membena beberapa pelabohan yang besar di-Pantai Timor dan juga di-Johor. Bagaimana pun, apabila sa-suatu keputusan di-ambil hendak membena pelabohan di-Pantai Timor dan di-Johor, kajian hendak-lah di-buat dengan teliti-nya berkenaan dengan barang² dagangan yang akan di-kendalikan oleh pelabohan² itu pada masa sekarang dan juga pada masa yang ka-hadapan. Kesimpulan-nya, chara² pengangkutan yang baik dan chekap serta alat² kemudahan yang moden dan chekap di-lapangan² terbang antara bangsa dan di-pelabohan², ada-lah faktor² yang penting bagi kemajuan ekonomi yang pesat kepada sa-buah negara yang sedang maju sa-bagai negara kita Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, Kepala 63—tidak-lah saya hendak berchakap banyak, kerana tidak ada banyak tambahan melainkan daripada tambahan² gaji elaun Division IV, dan yang lain² itu telah pun di-tambah mengikut apa juga yang di-belanjakan pada tahun yang lalu, kerana peruntokan tahun yang lalu tidak menchukupi.

Kepala 64, Jabatan Penerbangan 'Awam Malaysia—saya telah terangkan tadi, tambahan yang besar ia-lah sebab anggaran di-bawah Pechahan 8—Menyelenggarakan Kelengkapan² dan Kereta² Mendarat. Tambahan sa-banyak \$283,000 yang dahulu-nya di-bawah jagaan Pejabat Kerja-Raya, tetapi sekarang di-jalankan oleh Pejabat ini sendiri, dan satu daripada-nya ia-lah jentera istimewa yang menyapu berseh landasan kapal terbang ini. Ini satu chara yang menggalakkan banyak kapal terbang, jet, datang ka-mari dengan tidak takut injin-nya rosak kerana masuk sampah sarap sa-bagai-mana di-tempat² negara² yang lain.

Kepala 65, berkenaan dengan Penerbangan 'Awam Malaysia Timor. Ini pun tambahan daripada tambahan gaji dan juga tambahan² kerana belanja elektrik kerana di-lapangan terbang Jesselton dan Kuching pada tahun yang lalu sudah ada lampu², yang mana banyak kali kapal terbang M.S.A. dan military turun dan naik di-sebelah malam sebab itu-lah perbelanjaan telah bertambah.

Berkenaan dengan Perkhidmatan Kaji Chuacha Malaysia yang saya telah terangkan tadi peruntokan sa-banyak \$1,641,037 dalam tahun 1967, di-bandingkan dengan \$777,040 dalam tahun 1966, ia-lah di-sebabkan penu-bohan sa-mula Perkhidmatan Kaji Chuacha Malaysia Barat yang tidak bergantung lagi kepada Singapura. Ibu Pejabat Kaji Chuacha di-Kuala Lumpur mentadbirkan semua perkhidmatan kaji chuacha seluroh Malaysia. Dan ini juga, telah ada juga tambahan kaji chuacha di-pusatkan di-padang kapal terbang antara bangsa di-Subang dan juga untuk pehak Military di-Kuantan yang memakan juga banyak belanja kerana kaki-tangan, dan menubuhkan perkhidmatan² yang baharu ini.

Berkenaan Pechahan, 5 Perkhidmatan Pertubohan Talikom, ini memakan perbelanjaan kenaikan perbelanjaan ia-lah di-sebabkan perkara yang bertambah yang kena di-tanggong oleh Perkhidmatan Kaji Chuacha Malaysia sa-lepas berlaku-nya perpisahan daripada Singapura, ia-itu Perkhidmatan Talikom untuk Kuantan \$27,000, Perkhidmatan Talikom untuk Jesselton \$370,000. Bayaran kepada Singapura bagi siaran dan pengiriman di-antara negara² \$178,780—jumlah \$575,980.

Berkenaan dengan pengangkutan, ada tambahan kerana ada satu jawatan tambahan Timbalan Pesuruhjaya Jalanraya kerana menolong kerja² yang sa-makin bertambah. Begitu juga Pegawai² Kanan yang ditambah kerana banyak hasil di-sebabkan banyak kereta², di-sebabkan banyak kerja dan kerja² kerana menjalankan kuat kuasa ini berkehendakan banyak pegawai². Sa-kira-nya hasil telah bertambah berjuta², patut-lah tambahan di-beri kepada pejabat ini kerana kerja-nya sangat berat kurang pegawai²-nya dan bertambah banyak kereta² tiap² tahun.

Yang akhir sa-kali peruntokan \$403,750 yang telah di-untukkan tahun yang lampau untuk membeli meshen² kerana mengeluarkan reset² pembayaran wang dengan chara yang lekas—boleh di-petek sahaja begitu, electronic system. Tetapi malang-nya oleh kerana tender ini baru sahaja di-tutup dan kita harapkan dengan sa-berapa segera dapat di-pilih mana satu yang patut di-pilih jentera-nya ini dan kita harap sa-belum akhir tahun ini dapat di-gunakan jentera² ini dengan tidak-lah banyak orang lagi tertunggu² hendak membayar chukai² kereta² pertengahan tahun atau pun pada akhir tahun. Maka dengan ini, Tuan Pengerusi, saya chadangkan peruntokan yang saya minta itu di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Chia Chin Shin (Sarawak): Sir, I would like to refer to Head S. 63, Sub-head 10 in which there is an allocation of \$21,000 for the purpose of publicity for the Road Safety Council. Mr Chairman, Sir, I think

that there should be a similar Council in each of the States in Malaysia so that regulations governing road safety should be tightened at all costs. Too many lives are being lost these days owing to carelessness on the part of those involved and perhaps indirectly due to weaknesses in traffic regulations. Sometimes we hear of old men or school children being knocked down by motor vehicles. Some of them were fortunate to escape with little or no injury, while others who are less fortunate were killed. This is a big problem and it, therefore, requires our urgent consideration, firstly, to tighten the regulations and, secondly, to educate the people in road traffic manners. This is not an easy task, for it requires a lot of time and trouble to educate the masses. I would, therefore, suggest that the Honourable Minister of Transport do look into this matter seriously so that the lives of our people can be assured.

Mr Chairman, Sir, I would like to refer to Head S. 65, page 540, in which there is a sum of \$850,000 being voted for the purpose of maintenance of airports and there is also a token vote of \$10 for Ulu Air Services. Mr Chairman, Sir, we the people of Sarawak and Sabah, are one thousand miles away from the Federal Capital. Therefore, air service is the most important means of communication between East and West Malaysia. Furthermore, as you would appreciate, in Sarawak and Sabah, road communication is very scarce because of the thick jungles everywhere.

If one has to hop for travel from one place to another in Sarawak or Sabah itself, it is necessary to go by air. I would, therefore, hope that the Honourable Minister of Transport would pay a little more attention to the development of Ulu Air Services. Consequently, the smaller airports in Sarawak and Sabah should be looked after. I would like to give an example in the case of Bario Air field in the Fourth Division of Sarawak, which has been closed for air traffic.

There was no public announcement about this and this has come as a bitter

disappointment to the people who wish to use the air service. I, therefore, hope that the Honourable Minister would be in a position to clarify on this particularly, the reasons for closing the Airport. I am sure a reply from the Minister will clear the air a little bit. In this connection, I would also like to mention here that there is a request for increase of flights for Ulu Air Service, such as, Kapit, Baram, Mukah and the like.

Mr Chairman, Sir, I would now like to speak on the question of ports and harbours under Head S. 68. With regard to Kuala Baram in Fourth Division, I am given to understand that a survey for the purpose of developing into port area was carried out last year. I am also told that a report has been completed but until now it has remained a mystery. I hope the Honourable Minister would be so kind as to throw some light on this report or at least to publish the recommendations for the development of Kuala Baram as a port. Thank you, Sir.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat):

Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan Kementerian ini dan saya menguchapkan terima kasih kepada Menteri kita ini yang telah dapat melancarkan perjalanan di-negeri kita ini terlalu deras menuju ka-arrah matlamat yang kita chita²kan.

Tuan Pengerusi, saya tak hendak berchakap banyak—pendek sahaja, ia-itu yang pertama saya suka masuk ka-muka 540—Pechahan-kepala 5—Penyenggaraan Lapangan Terbang. Apa yang termushkil di-hati saya, Tuan Pengerusi, ia-lah tentang International Airport kita. Kadang² susah kita hendak melihat kapal terbang turun naik di-International Airport kita di-Subang. Kalau kita bawa orang² berjalan atau melawat sa-chara study tour kita bawa-lah ka-International Airport kita dudok berjam² pun tak ada kapal terbang yang turun naik dan tak ada kapal terbang yang di-parking di-situ—kalau ada pun chuma kapal terbang MSA sahaja dan lapangan terbang kita ini tak ada hangar-nya bagaimana lapangan² terbang yang lain

yang saya lihat. Jadi, apa kelengkapan² saperti International Airport di-negara lain. Jadi, apa yang saya hendak ia-lah supaya International Airport kita di-Subang itu menjadi benar² saperti International Airport yang sibok dengan kapal terbang turun naik. Ini, Tuan Pengerusi, kalau kita hendak pergi ka-luar negeri kebanyakan-nya kita terpaksa pergi ka-Singapura dan ka-Bangkok, baharu-lah kita boleh mendapat kapal terbang international. Jadi saya harap-lah International Airport kita ini menjadi International Airport yang sa-benar² dan tak payah bila kita hendak pergi keluar negeri terpaksa-lah kita pergi ka-tempat lain untuk mendapatkan kapal terbang.

Sekarang, Tuan Pengerusi, saya beraleh sedikit pula ka-muka 556, Perlombongan dan Pelabohan. Dengan tamat-nya konfrantasi, maka saya fikir Kerajaan hendak-lah menubuhkan banyak lagi tempat² pelabohan kecil guna untuk memudahkan lagi pertukaran barang² perdagangan kecil antara kita dengan Indonesia. Jadi, hendak-lah kita timbangkan tempat² pelabohan kecil ini kerana pertukaran barang² yang saya sebutkan ini kebanyakan-nya menggunakan pengangkutan kecil² sahaja. Jadi kalau kita gunakan pelabohan yang ada sekarang saperti di-Port Swettenham dan di-Penang, maka di-situ akan ada traffic jam pula bagi kapal² yang besar. Dengan ada-nya pelabohan² kecil di-serata tepi pantai kita ini maka dapat-lah ra'ayat kita di-serata negeri ini mengechap nikmat kema'amoran sedikit sa-banyak daripada pertukaran barang² itu.

Tuan Pengerusi, satu lagi, di-muka 557, Butiran 7, R.I.M.V. Apa yang saya harap di-sini supaya Pegawai² Pendaftaran ini mengambil tindakan kapada bas² yang melarikan bas terlampau laju dan memuatkan penompang² yang lebeh daripada had muatannya. Perkara yang sa-bagini, Tuan Pengerusi, tidak mendatangkan keselamatan dan juga kesihatan ra'ayat. Maka pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, bas² yang berjalan jauh hendak-lah di-hapuskan had penompang berdiri dan hanya di-benarkan

penompang² duduk sahaja (sitting passengers only). Kerana saya dapati, bas² yang berjalan jauh sungguh pun di-hadkan 35 batu satu jam telah berjalan sampai 50, 60 batu satu jam dan penompang² di-dalam-nya yang berdiri itu terhoyong hayang. Jadi, dengan itu-lah saya fikir penompang² yang berdiri ini bagi bas² jalan jauh di-hapuskan. Tuan Pengerusi, walau pun ada bas² yang melanggar undang² yang menjolok mata ini pun kalau pehak yang berkuasa nampak pun, tidak menjadi apa² pada mereka. Jadi dengan sebab itu-lah mereka ini telah menjadi sangat apabila kemalangan berlaku banyak nyawa ra'ayat dan keselamatan ra'ayat melayang.

Mengenai Pendaftar R.I.M.V. ini juga, Tuan Pengerusi, saya suka menarek perhatian Menteri kita ini mengenai teksi. Pada saya teksi ini-lah yang menjadi raja di-jalan raya. Saya suka mengshorkan apabila di-keluar-kan lesen teksi baharu hendak-lah menggunakan kereta yang baharu dan jangan menggunakan kereta second-hand. Apa yang saya tengok hari ini, Tuan Pengerusi, ada teksi² yang agak tak pernah di-basoh dan rupa-nya pun sangat chomot sangat. Jadi, kalau dengan keadaan bagini teksi itu menakutkan orang yang hendak menaik teksi ini. Saya lagi sa-kali saya suka hendak supaya teksi ini menggunakan warna chat yang sa-rupa sahaja. Shor saya ini, Tuan Pengerusi, supaya jadi senang kita hendak mengecham yang mana teksi, yang mana kereta pakai di-jalan² raya itu. Dengan jalan ini saya fikir bukan sahaja memudahkan orang ramai tetapi juga orang² di-luar negeri supaya dapat kalau chat teksi itu sa-rupa senang-lah mengecham teksi yang di-kehendaki oleh orang² luar negeri.

Ada sedikit sahaja lagi, Tuan Pengerusi, ia-itu saya suka mengshorkan berkenaan dengan teksi ini, Tuan Pengerusi, ia-itu di-adakan satu peratoran ia-itu semua teksi hendak-lah membawa *First Aid Kit* bersama² dalam perjalanan mereka. *First Aid Kit* ini perlu apabila terjadi sa-suatu perkara yang tidak di-ingini.

Yang akhir-nya tentang hal teksi ini, Tuan Pengerusi, saya suka mengshorkan supaya pemandu² teksi ini dikenakan memakai uniform ia-itu pakaian seragam di-buat peratoran serta memakai songkok. Jadi, nampak-lah smart dan kita buat peratoran² di-dalam perkara disiplin membawa teksi itu. Jadi, dalam perkara teksi ini juga saya suka mengingatkan Menteri ini, Tuan Pengerusi, pada hari ini teksi ini menjadi raja di-jalan² raya, dia corner pun sampai 60, 70 batu satu jam dan kadang² dia potong kita dakat corner dan ini ada-lah sangat merbahaya. Sunggoh pun bagitu, di-bandar² atau di-pekan² kesalahan yang di-buat oleh teksi ini ada-lah sangat² menjolok tetapi sunggoh pun bagitu tak ada siapa yang melarang-nya. Dengan tiada siapa yang melarang-nya, jadi, sudah-lah menjadi tabiat mereka saperti di-manja²kan sangat. Saya harap dapat pehak yang berkenaan mengurangkan sedikit kesalahan yang sa-demikian dilakukan oleh teksi itu.

Akhir-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh ia-lah di-muka 557, Butiran (1), Pesurohjaya Pengangkutan Jalan Raya. Apa yang saya harap di-sini, Tuan Pengerusi, ia-lah kenderaan yang laju saperti kenderaan pengangkutan barang², kita hendak-lah mencegah perbuatan yang tak menguntungkan kapada masharakat kehidupan, terutama sa-kali di-dalam lari terlampau laju dengan tak mengindahkan keselamatan orang ramai. Saya menguchapkan ribuan terima kaseh kapada pehak Polis Traffic kerana telah membuat sekatan² jalan atau jerat² dan telah dapat menangkap beberapa kenderaan yang pada hemat mereka ada-lah melanggar undang² dan dalam pada itu juga saya tengok tidak sunyi kenderaan² membuat kesalahan yang berleluasan². Jadi buat masa hadapan ini Tuan Pengerusi, kita adakan "*Fine on the spot*"—denda di-tempat itu juga—dan jangan kita menunggu atau memberi masa bichara di-dalam court. Kerana sambil menunggu hari perbicharaan itu mereka telah mengumpulkan dan menchari jalan untok melepaskan diri daripada kesalahan. Jadi, kalau kita adakan

fine on the spot mereka akan berhati² dalam menjalankan kenderaan itu. Jadi, saya akhir-nya walau macham mana pun, menguchapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan saya menyokong Rang Perbekalan yang di-minta oleh beliau itu. Terima kaseh.

Tuan Pengerusi: Meshuarat ini ditanggohkan hingga pukul 4.00 petang ini.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.00 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

EXEMPTED BUSINESS

(MOTION)

The Minister of Transport (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Mr Speaker, Sir, I beg to move:

That the proceedings on the Supply Bill, 1967, be exempted from the provisions of Standing Order 12 (1) until 8.00 p.m. or the Bill has been read a third time and passed, whichever is the earlier.

The Minister for Welfare Services (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the proceedings on the Supply Bill, 1967, be exempted from the provisions of Standing Order 12 (1) until 8.00 p.m. or the Bill has been read a third time and passed, whichever is the earlier.

THE SUPPLY (1967) BILL

Committee

The House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Heads S. 63-S. 69—

Debate resumed.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya sokong Rang Undang² ini. Saya hendak berchakap

atas satu dua perkara sahaja ia-itu S. 69, muka 557, Pendaftaran dan Pemereksa Kanan.

Saya lihat sa-tiap masa Pejabat Pendaftaran dan Pemereksa Kanan Motokar di-Johor Bahru boleh dikatakan sebok ia-itu banyak kerja. Saya teringat dahulu, sa-belum perang. Pejabat Pendaftaran ini bukan sahaja di-Johor Bahru bahkan di-daerah² lain juga. Pada masa itu saya perchaya tidak lebeh dari lima ribu buah motokar di-negeri Johor, tetapi sekarang sudah sampai had 66,000. Pejabat Pendaftaran Besar atau Pusat di-Johor hanya ada di-Johor Bahru sahaja dan pejabat yang kechil² di-Batu Pahat, Segamat dan di-Endau Mersing telah di-tutup itu-lah sebab-nya pejabat di-Johor Bahru menjadi sebok dan tidak chukup kakitangan-nya.

Dari itu patut-lah peruntokan ini di-tambah sa-kuarang²-nya Penolong Pendaftar itu di-tambah dua atau tiga orang lagi, kerana terkadang² Pegawai² Pendaftaran Negeri Johor tidak ada, maka terpaksa juga kerani² yang tidak bertanggung-jawab menjalankan kerja² itu. Ini sangat kita takuti kerana satu pegawai yang tidak bertanggung-jawab menyain surat² yang patut di-tanggung oleh pegawai yang berkenaan. Saya takut perkara² yang tidak di-ingini akan terjadi.

Jadi, saya harap supaya Pejabat Pendaftaran ini patut di-adakan di-tiap² daerah sa-bagaimana sa-belum perang dahulu. Ini akan menyenangkan ra'ayat jelata yang mempunyai kenderaan ia-itu lori², bas² motokar² teksi, dan private. Jikalau tidak, mereka ini terpaksa membawa bas-nya ka-Johor Bahru untok di-pereksa injin² dan lain². Ini sangat banyak menggunakan belanja-nya kapada ra'ayat. Terpaksa pula mereka itu, apabila sampai di-sana, tidak dapat kenderaan di-pereksa dengan serta merta, di-tanggoh satu dua hari. Maka ini akan menambahkan belanja lagi. Dari itu saya harap-lah pehak Kementerian ini akan menambah lagi peruntokan itu dan juga Pejabat² yang kechil di-buka di-daerah².

Berkenaan dengan pemeriksaan kenderaan, saya lihat banyak kenderaan di-pereksa tidak dengan teliti. Saya shorkan sa-belum kenderaan itu di-pereksa hendak-lah mempunyai certificate of fitness yang di-akuī oleh workshop² yang di-akuī oleh Kerajaan. Ini akan menyenangkan kapada Pemereksa² Kenderaan dan tidak payah di-pereksa, lagi sebab apa, kerana kereta sudah di-akuī oleh workshop² yang berkenaan yang telah di-akuī oleh Kerajaan. Kalau di-fikirkan di-Johor ini sahaja tidak kurang daripada 1,000 lori atau lebih dan bas² yang hendak di-pereksa dan juga termasuk kereta teksi, ini mengambil masa yang panjang kalau hanya memereksa brake dengan tidak sa-chara langsung. Ini sangat merbahaya kapada jiwa orang² yang naik kenderaan dan juga orang² yang berjalan kaki di-jalan raya. Tetapi kalau kereta² ini telah dapat satu akuan daripada workshop² yang berkenaan yang di-akuī oleh Kerajaan, kalau ada kemalangan maka tanggungjawabnya ada-lah pada workshop² itu. Tatkala itu baharu-lah kita adakan pepereksaan di-mana salah-nya, saya perchaya juga pegawai² yang memereksa kenderaan itu tidak mempunyai sijil (diploma) yang sa-benar-nya bahkan hanya di-akuī oleh Kerajaan sahaja.

Yang kedua, saya minta-lah Pejabat Pendaftaran ini supaya memaksa tiap² teksi meletakkan satu tanda, umpamanya, tulisan "TEKSI" di-atas yang berlampu pada malam hari. Ini akan menyenangkan kapada ra'ayat jelata sebab satu masa saya datang daripada Johor Bahru hendak ka-Kuala Lumpur, kereta saya di-tahan di-Kajang di-suruh masuk dalam Balai Polis. Jadi saya bertanya pada pegawai Polis itu, "Kerana apa kereta saya hendak masuk dalam Balai Polis ini?" Kata-nya, "Saya hendak memereksa kereta² yang kena churi, sebab teksi² banyak kena churi."

Saya kata, "Awak tengok-lah di-depan itu tanda, "Batch" teksi-kah? Apa-kah?" Maka apabila dia tengok di-depan kereta saya, dia pun meminta ma'af. Dia kata, "Tuan, saya minta ma'af, saya tidak tahu kereta tuan ini

kereta Ahli Parlimen." "Awak tengok tanda itu macham mana." "Saya fikir tanda Member Parlimen itu tanda motor teksi, tanda teksi pun sama juga biru, sa-kali imbas saya tengok macham teksi tanda batch.

Jadi saya berharap-lah kapada pehak Kementerian ini supaya satu tanda teksi di-atas dan di-taroh lampu pada malam hari supaya senang ra'ayat jelata mengetahui-nya. Patut juga driver² teksi yang dudok di-dalam bandar² besar, di-Kuala Lumpur ini, di-beri kursus bagaimana chara² menjadi pembawa teksi. Sebab ini sangat mustahak terutama dalam bandar² besar saperti—Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang—banyak pelanchong² luar negeri dan pelajaran-nya sa-kurang²-nya tahu bahasa Inggeris dan tahu tempat² yang patut pelanchong² hendak melihat—umpama-nya, macham di-Klang Gate atau di-mana² juga, Muzium Negara, sana sini. Sebab apa, satu masa saya ada naik teksi, saya kata, "Awak tahu tak Muzium Negara?" Dia terchengang, dia tidak tahu. Pada hal Muzium Negara dekat di-situ dan banyak lagi yang dia tidak tahu. Jadi kalau driver teksi sa-macham ini, ini akan merendahkan mutu negara kita. Kalau sa-kira-nya Pejabat ini, Kementerian ini, mengadakan kursus kapada driver² teksi bagaimana chara²-nya sa-kurang²-nya dia tahu tiap² jalan di-dalam tempat itu—itu sudah chukup-lah. Tetapi kebanyakan driver² teksi, tak usah katakan dia tahu, pakaian-nya pun kalau kita masuk dalam, umpamanya, teksi orang India, bau minyak alba dia punya teksi itu bau alba—minyak rambut-nya itu. Dan mengikut-lah kalau orang itu Melayu ada macham bau Melayu, kalau orang China—bau China, kalau orang India—bau India. Jadi kita naik teksi sangat² mendukachitakan. Patut-lah di-beri kursus tentang kebersehan-nya dengan keadaan teksi-nya supaya dapat menambahkan nama baik negara kita.

Sampai di-sini-lah sahaja. Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya suka berchakap sedikit

dalam soal Kementerian Pengangkutan ini. Tuan Pengerusi, Kementerian Pengangkutan ini ada-lah satu²-nya Kementerian yang ada jaminan di-dalam Perlembagaan dan ini ada-lah satu²-nya harapan orang Melayu di-dalam soal keistimewaan bagi orang² Melayu di-dalam teksi, lori dan sa-bagai-nya.

Tuan Pengerusi, yang menduka-chitakan kita, permohonan orang² Melayu pada permulaan-nya untuk mendapatkan permit "C" bagi lori itu pun payah hendak dapat. Sa-sudah mereka dapat permit "C" itu apa per-niagaan mereka itu bertambah baik dan barang² yang hendak di-angkut-nya itu memang ada hendak di-sewa-kan kepada lori-nya itu, maka mereka pun membuat permohonan untuk di-ubah permit "C" kepada permit "B".

Tuan Pengerusi, sa-kali lagi malang pernah berlaku, Tuan Pengerusi, satu permohonan bertahun² bukan sahaja hendak lulus tetapi hendak dapat jawapan pun tidak ada. Tuan Pengerusi, saya suka membachakan satu permohonan daripada sa-orang yang telah mendapat permit "C" dan hendak ubahkan kepada "B". Saya bachakan sedikit sahaja—

"Lesen membawa Jenis "C"—
Act Permit No. CL. 8331, Reference
No. 112668—Lori No. T.A. 1172".

Surat ini bertarikh pada 22hb Februari, 1966—senyap beberapa bulan kemu-dian di-ulangi pula dengan satu surat yang bertarikh pada 15hb Ogos, 1966.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Untuk penjelasan, Tuan Pengerusi, saya suka menerangkan boleh jadi surat itu sesat di-tengah jalan.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad:

Surat itu, Tuan Pengerusi, tidak sesat, fasal ini ada dia punya receipt register-nya. Saya berterima kaseh kepada Menteri ini.

Tuan Pengerusi, tidak sesat—sam-pai!—dan orang yang berkenaan itu telah pun pergi berjumpa pula dengan Pemeriksa Pendaftar Kereta² Motor di-Kuala Trengganu untuk mendapat pengesahan sama ada surat-nya itu

sudah di-edarkan ka-Kuala Lumpur atau pun bagaimana yang diam begitu lama. Jawapan-nya surat itu kata-nya "Sudah di-hantar ka-Kuala Lumpur." Maka nyata-lah, Tuan Pengerusi, di-Kuala Lumpur ini-lah tempat beku-nya permohonan itu dan saya suka mengi-ngatkan pada Menteri Pengangkutan ini kalau ini di-chuaikan bahawa ini ada-lah satu perkara yang memainkan²kan apa yang telah terchatet di-dalam Per-lembagaan ini.

Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya suka mengingatkan pehak Menteri Pengangkutan ini, walau pun saya per-chaya beliau sa-orang loyar dan memang tahu chukup masak dan mahir berhubung dengan Perlembagaan ini, tetapi saya yakin, Tuan Pengerusi, boleh jadi ada orang² atau pun pegawai² di-dalam Kementerian-nya yang tidak bertanggung-jawab mem-bekukan permohonan yang saperti itu.

Tuan Pengerusi, di-dalam Per-lembagaan ini terang dan nyata telah di-sebutkan menurut Undang² Perseku-tuan,—

"Tiada boleh apa² perniagaan atau perda-gangan di-jalankan kechuali dengan permit atau lesen. Maka Baginda boleh, tetapi terta'alok kepada Undang² Persekutuan itu dan Bab ini mengkhaskan kepada orang Melayu bahagian yang di-fikirkan-nya patut daripada permit atau lesen itu."

Ini, Tuan Pengerusi, kalau perkara yang terang dan jelas saperti ini tidak dapat di-jalankan dengan chepat dan terbiar begitu, saya perchaya Menteri Pengangkutan ini tidak membiarkan, tetapi ada orang yang telah—kalau saya chakap khianat, barangkali terok sangat—telah memainkan peranan di-dalam itu. Jadi, sekarang ini perkara ini sudah menjadi beku begitu. Jadi, saya harap-lah, Tuan Pengerusi, khusus-nya kepada permohonan yang saya telah bacha ini, yang saya sebut-kan reference nombor-nya, saya sebut-kan nama lori-nya sa-kali dapat di-pertimbangkan dengan sa-berapa chepat yang boleh.

Tuan Pengerusi, saya sukachita menyentoh dalam soal Jabatan Laut, sebab pernah orang memberi tahu ka-pada saya bahawa ada kapal dari Singapura konon-nya yang telah masok

ka-Malaysia Barat ini, khusus-nya masuk ka-pulau di-Besut sana di-buang bomb ikan, banyak ikan yang telah didapati di-situ dan ikan² itu telah lari. Saya ingin mengetahui sama ada pehak Jabatan Laut ini sedar atau pun tidak. Kalau mereka sedar apa-kah perjalanan atau pun tindakan yang telah di-ambil?

Sa-lain daripada itu, sunggoh pun perkara itu telah di-sungutkan di-dalam Dewan yang mulia ini ia-lah berhubung dengan perkara Pejabat Pendaftar dan Pemereksa Kereta di-negeri Selangor ini di-Pusat Persekutuan Malaysia ini ia-itu di-Kuala Lumpur maseh ada sungutan lagi yang termasuk dalam telinga saya kata-nya, pejabat itu amat-lah mendukachitakan, sa-buah pejabat yang lama, bangunan-nya itu kayu, dan kalau terbakar, mithal-nya, boleh jadi segala rekod² yang tersimpan di-pejabat itu akan hilang dan sukar-lah untuk mendapat salinan-nya itu. Dan saya perchaya-lah Pehak Menteri Pengangkutan ini akan mempertimbangkan soal ini dengan sa-lekas mungkin sa-kira-nya ada wang.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, apa yang baik kami terpaksa ucapkan terima kaseh. Saya ucapkan terima kaseh yang banyak kapada Malaysian Airways dan kapada Menteri Pengangkutan juga yang telah memberi kemudahan kapada orang² haji, yang waktu banjir dahulu tidak dapat hendak lalu dari Pantai Timor ka-Port Swettenham, ka-Pulau Pinang dan ka-Singapura, dan mereka telah pun memberi peluang yang mudah mengangkut bakal² haji itu ka-Pulau Pinang.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun mengalu²kan peruntukan Perbekalan bagi Kementerian Pengangkutan ini, dan oleh kerana hendak merengskakan masa saya suka menyen-toh pada beberapa perkara bagi Kementerian ini ia-itu pada muka 531, Butiran 1. Perkhidmatan Menteri Pengangkutan, Butiran 7. Setia-usaha Majlis Keselamatan Jalan Raya dan di-muka 543, Pengarah Jabatan Laut. Tuan Pengerusi, kalau kita perhatikan kemajuan di-dalam negara kita pada

hari ini Malaysia ada-lah merupakan sa-bagai sa-buah negara motokar daripada sa-kecil²-nya hingga sa-besar²-nya dan begitu juga, Tuan Pengerusi, mengikut perhitongan angka ekonomi barangkali motokar ini telah membakarkan sa-jumlah besar daripada kekayaan atau *per capita* penduduk² negeri ini, dan begitu juga, Tuan Pengerusi, dengan motokar juga telah membawa pemuda² kita ahli² cherdek pandai yang belum berkahwin terkorban kerana motokar. Jadi, dengan sebab itu saya memikirkan, Tuan Pengerusi, ada-lah bijaksana bagi Kementerian Pengangkutan membuat survey bahawa apa-kah jenis motokar yang membunuh pemuda² kita yang banyak membunuh pemuda² dan cherdek pandai kita di-atas jalan raya. Mengikut apa yang saya chatet bahawa kebanyakan daripada pemuda², ahli terpelajar saperti loyar, doktor, guru dan lain² lagi banyak yang terkorban ia-lah motokar jenis sport atau sports car. Jadi, kita tahu juga, Tuan Pengerusi, banyak kompeni² yang di-luar negara kita ini saperti Honda telah membuat propaganda yang besar-nya untuk menjual motokar sport-nya ka-dalam negara kita. Jadi, saya perchaya kalau banyak lagi motokar² sport ini masuk ka-dalam negara kita, maka banyak-lah pemuda² kita yang terpelajar akan terkorban kerana jenis motokar itu. Jadi, oleh kerana itu saya mengshorkan kapada Menteri yang berkenaan supaya jenis² motokar yang laju ini di-kenakan chukai 100%, sa-bagaimana dalam negara Thailand. Jadi dengan jalan ini dapat-lah kita mengurangkan kematian jalan raya, terutama sa-kali bagi ahli² cherdek pandai kita.

Sa-lain daripada itu, kita tengok juga banyak pengorbanan² di-jalan raya sa-lain daripada motokar sport ia-lah lori. Perkara ini sudah pun berkali² berbangkit di-dalam Dewan ini bagaimana supaya dapat kita mengurangkan bilangan kematian jalan raya ini dari chuai-nya driver atau pemandu² lori tadi. Jadi, pada tiap² tahun kita mendapat jaminan jawapan daripada Menteri Pengangkutan bahawa yang ia akan berikhtiar dengan sa-daya upaya-nya untuk mengurangkan bilangan

kematian jalan raya ini dengan mengadakan berbagai chara di-antara-nya mengeluarkan risalah² dan begitu juga mengadakan saperti dalam talivishen dan radio dan saya memikirkan adalah satu chara yang lebeh berkesan lagi supaya Menteri Pengangkutan menimbangkan ada-kah tidak kemungkinan bagi kita mengadakan plate had laju macham 50 batu sa-jam, tuliskan satu plate bulat 20 atau 35-kah. Umpama-nya kalau sa-sabuah lori dia hendak lari lebeh daripada 50 kita mesti kenakan pembayaran lesen pemandu-nya \$100 sa-tahun. Jadi dengan chara ini, Tuan Pengerusi, maka pemandu² itu tidak-lah berebut hendak menjadi pemandu lori dan sa-bagai-nya kerana banyak kita letakkan pembayaran berkenaan dengan lesen pemandu itu. Dan sa-lain daripada tersebut, pada tahun yang lalu Menteri Pengangkutan telah membuat pengumuman dalam Dewan ini bahawa satu chara yang akan mengurangkan kemalangan jalan raya dengan memakai tali pinggang keledar. Jadi ada-lah sangat di-harapkan bahawa pemakaian itu akan dapat di-selenggarakan supaya kemalangan² atau kematian berkenaan dengan jalan raya ini dapat kita membaiki dari masa ka-satu masa.

Satu perkara lagi, saya tidak tahu ada-kah perkara ini di-dalam pemerhatian Menteri yang berkenaan, umpama-nya, satu kemalangan berlaku, maka orang itu belum lagi mati, saya pernah juga berjumpa kemalangan orang itu maseh hidup lagi, manakala saya tanya kenapa-kah tidak di-bawa ka-hospital, dia kata tidak boleh sa-lagi polis belum datang, maka orang ini tidak dapat di-bawa ka-hospital, kemudian yang lebeh mena'jubkan pula manakala kita chuba beri tahu kepada polis mengatakan ada kemalangan jalan raya pada batu sa-kian, kemudian dia hendak kad pengenalan orang yang merepotkan itu dan dia minta pula orang itu tolong bawa pergi beritahu tempat itu. Jadi, dengan chara ini kalau satu² kemalangan² berlaku sa-belum daripada dapat pengetahuan polis, maka orang² yang chuba hendak memberikan pertolongan itu masing² membenihkan diri, mereka kata mereka tidak tahu, kerana perkara ini akan

melibatkan mereka sendiri. Jadi, oleh kerana itu, saya sangat-lah berharap kepada Menteri Pengangkutan supaya dapat memberi penjelasan terutama sa-kali di-dalam risalah² yang kita hemborkan macham mana yang dapat kita memberi pertolongan chemas kepada mereka² yang hendak mendapat kemalangan di-jalan² raya.

Dan menyentoh saya kepada muka 543, S. 63 Jabatan Laut. Tuan Pengerusi, di-negeri saya—Perlis, ada-lah sangat berhampiran dengan Pulau Langkawi yang lebeh kurang jauh-nya sa-banyak 25 batu itu dan di-sana ada tiga moto bot yang mengambil sewa daripada Kuala Perlis pergi ka-Pulau Langkawi ia-itu tiga moto bot; satu di-namakan Pulau Emas, satu Pulau Pandan dan yang satu lagi Kuala Perlis, dan apa yang lebeh menakutkan passengers yang menumpang moto bot itu tadi, kerana di-dalam di-belakang teket tadi, dia tidak di-beri ingat, Tuan Pengerusi, di-sini saya bacha sadikit; semua penumpang² ada-lah bertanggung-jawab di-atas diri-nya sendiri. Company tidak bertanggung-jawab di-atas tahanan, kehilangan, kerosakan terhadap penumpang² atau barang². Jadi, kalau mati pun mati sahaja, pada hal 25 batu, chuba, Tuan Pengerusi, fikir laut bukan tenang tiap² hari dan kadang² datang ombak dan baharu² ini ada orang beritahu saya mereka hampir tenggelam, kerana di-tekan oleh angin terlampau kuat. Mereka bawa teket tunjukkan: Kami kalau mati pun mati macham mati katak sahaja. Jadi, oleh kerana moto bot ini mengambil penumpang² yang mana saya tahu, Tuan Pengerusi, macham bas dia ada insurance, kalau sa-orang itu dia mati dalam bas umpama-nya, insurance dia bayar, tetapi ini moto bot tidak ada. Jadi, saya lagi pula moto bot ini kalau kena masa berchuti, dia muatkan terlampau banyak, lebeh daripada yang di-hadkan. Jadi, oleh kerana itu saya minta-lah kepada Menteri yang berkenaan supaya memikirkan perkara ini supaya dapat di-sesuaikan bagaimana penumpang² bas juga ada insurance dan supaya Menteri ini dapat-lah mengusahakan supaya orang² ini tidak mati begitu sahaja. Kita hendak jaga, Tuan Pengerusi, sa-belum berlaku, bila sudah

berlaku susah, Tuan Pengerusi. Jadi, oleh kerana itu saya merayu-lah kepada Menteri Pengangkutan supaya dapat menyesuaikan dan yang akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, Penerbangan Awam bagaimana yang telah di-terangkan oleh sa-orang wakil tadi, saya tidak setuju-lah sungguh pun lapangan terbang kita Subang lapangan antara bangsa, tetapi kita tahu-lah kita mula dan Menteri yang berkenaan sedang berikhtiar untuk hendak membanyakkan lagi kapal² terbang datang singgah di-Pengkalan Udara Subang itu dan satu sahaja saya hendak minta di-sini berkenaan dengan tambang kapal terbang internal service umpama-nya daripada sini hendak pergi ka-Sabah atau Sarawak, kalau boleh biar-lah lebih murah lagi supaya penduduk² di-Malaysia Barat ini dapat mengunjongi Malaysia Timor itu, kalau tambang itu murah, atau pun ada masa² tambang murah, atau season ticket boleh dapat tambang yang murah. Jadi, itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, dan akhir-nya saya menyokong-lah perbekalan ini.

The Minister of Transport (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Pengerusi, saya hanya menjawab dengan ringkas sahaja. Saya mulakan dengan Yang Berhormat wakil Perlis Selatan, banyak terima kaseh-lah atas chadangan² berkenaan dengan sports car ini kalau boleh di-ban sama sa-kali atau di-kenakan 100% chukai-nya atau insurance tetapi saya akan berhubung dengan insurance company. Biasa-nya dalam negeri² yang lain, sports cars ini selalu merbahaya, dia selalu naikkan tinggi primium-nya. Saya ta' tahu-lah di-sini. Saya akan siasat dalam perkara ini.

Kedua-nya berkenaan dengan lori² ini, dia pula hendak taroh had 50 batu, bayar \$100 dia boleh lari 50 batu. Ini ta' boleh kita menggalakkan orang berlanggar kalau jalan deras, tetapi walau macam mana pun pehak polis menggunakan radar sudah di-siasat, Mahkamah pun boleh terima keterangan² itu, kita akan jalankan bila² waktu ada tempat² yang selalu lori² dan kenderaan² jalan laju², tetapi yang saya sedang uji sekarang ini meter ma'ana-nya satu meter yang di-pasang pada bas

atau lori, dia ta' boleh lebih daripada sekian² batu itu, dia tertulis dengan kertas di-dalam-nya. Jadi, ini belum lagi putus, kerana mengikut keterangan daripada pehak Peguam² Negara sama ada keterangan² itu boleh di-pakai atau tidak dalam Mahkamah.

Berkenaan dengan orang² yang sudah hidup lagi sudah terkebil² hendak mati ini, ta' bawa ka-rumah sakit dahulu, saya fikir ini perkara keamanan polis, saya sendiri kalau berjumpa macham itu, saya perlu bawa orang itu pergi ka-rumah sakit dan dapat di-selamatkan daripada tunggu begitu, tetapi itu saya akan berhubung dengan pehak yang berkenaan nanti.

Berkenaan dengan moto bot tadi ada teket, lepas ini serahkan dengan saya, saya akan serahkan dengan Shah Bandar, kalau perahu² yang bawa orang ini selalu ada sharat dia, dia punya pelampong, dia punya alat² yang lain, kalau ta' ada dia ta' di-benarkan bawa orang, dan berkenaan dengan itu, nanti apabila saya ketatkan undang² ini, saya harap Yang Berhormat tidak akan marah saya, kerana orang² di-Perlis ini, Yang Berhormat ini wakil Perlis Selatan nanti mengadu dengan Yang Berhormat sendiri. Jadi, saya harap Yang Berhormat beri nasihat lebih dahulu sharat² yang ketat akan sampai kepada mereka itu.

Berkenaan dengan Yang Berhormat dari Besut, saya ucapkan banyak terima kaseh atas terima kaseh kenang²an kerana jasa baik Malaysia-Singapore Airways—Airlines yang telah membawa orang² haji itu. Berkenaan dengan T.A. 1172 kalau Yang Berhormat itu boleh berhubung dengan Pesuruhjaya ada di-sini lepas ini, kita akan siasat atas perkara ini dan kalau betul pegawai itu melambat²kan, kita akan ambil tindakan kapada-nya, tetapi pada masa hadapan jangan-lah tunggu sidang Parlimen; berhubung dengan saya, atau pun dengan Pesuruhjaya, senang kita akan uruskan perkara² yang kecil sa-macham ini.

Berkenaan dengan bom ikan di-pulau², ini bukan-lah dalam jagaan Kementerian, atau Pejabat Laut, tetapi

ini berkenaan dengan pejabat Kementerian Pertanian dan Co-operatives yang jaga pehak perikanan; rojok kepada Kementerian yang berkenaan itu. Kapada Yang Berhormat dari Johor Barat berkenaan dengan chadangan² itu, saya menjawab ia-itu, kita yang sa-benar-nya hendak memeriksa kereta² ini ada di-buat di-daerah², tetapi tentang pembayaran ini hendak-lah disatukan, kerana ini barangkali daripada segi kewangan, walau macham mana pun kami lebih suka lagi kalau boleh di-adakan di-tiap² daerah, tetapi ini memakan belanja yang banyak, pejabat dan kaki-tangan walau macham mana pun, saya akan siasat-lah perkara ini. Berkenaan dengan pemeriksaan bas², lori² ini kalau boleh di-serahkan kepada workshop², tetapi kalau workshop itu tidak bertanggung-jawab, lagi Kerajaan bertanggung-jawab, tentu-lah susah. Tetapi walau macham mana pun pehak Kerajaan akan menyegerakan berkenaan pemeriksaan ini.

Yang ketiga berkenaan dengan teksi yang ada di-atas di-taroh "Teksi", itu memang di-galakkan, tetapi ada kalanya teksi itu ta' boleh di-pakai, kerana teksi yang pakai meter di-panggil teksi, jadi kita akan chari satu tanda yang elok boleh di-kenali oleh orang ramai.

Berkenaan dengan Yang Berhormat yang di-tahan kereta-nya, konon-nya bedge Parlimen ini di-sangka bedge teksi—saya fikir itu boleh jadi dua tiga tahun dahulu—sekarang ini di-tulis di-pintu—ta' ada lagi bedge bulat². Saya harap pehak polis tentu-lah hendak awas membezakan tentang bedge Parlimen ini dengan bedge² yang lain. Saya duka-chita-lah atas kejadian itu, tetapi kita berhubung-lah dengan pehak Kementerian yang berkenaan supaya tidak berlaku dua kali lagi—boleh jadi kereta saya pun, ada bendera pun dia tahan—fasal ia bukan tidak tahu kereta saya bukan teksi, dia hendak tompang lekas hendak sampai di-tempat ia hendak pergi. Kadang² saya pun bagi penumpang, tetapi ini merbahaya, ta' ada Insurance Third Party, bawa orang luar. Berkenaan dengan chadangan² yang lain, saya ambil ingatan-lah, sa-berapa boleh kita akan siasat dan kalau

baik tentu-lah kita akan adakan macham pakai uniform.

Lori² yang lari laju—ini perkara telah di-bawa oleh wakil dari Krian Darat. Saya sedang menyelideki berkenaan dengan macham mana hendak mengambil tindakan² yang keras kerana selalu, Yang Berhormat sendiri kalau bawa kereta dia tahu apabila ada polis ada rada perangkap polis dia nampak sekali ia petek dua kali lampu-nya isharat jaga sedikit, jaga sedikit,—Yang Berhormat sendiri barangkali faham itu. Kita hendak menangkap orang ini tentu-lah dengan surprise check pereksa dengan serta-merta, kita akan minta-lah berhubung dengan pehak polis. Tetapi pehak² bas, lori dan teksi ini, kalau Yang Berhormat² berhubung terus bagi nombor-nya, waktu-nya, di-mana batu-nya, dan haribulan-nya, pendaftar² kereta² pandu² itu boleh panggil dan boleh di-siasat jika betul di-tahan lesen² mengikut berapa kali ia buat lari kuat. Saya harap-lah kerjasama kapada orang ramai sangat² di-kehendaki.

Berkenaan dengan bas membawa orang yang berdiri, yang sa-benar-nya bas² express atau bas² yang pergi jauh tidak di-benarkan orang² berdiri, tetapi ma'alum-lah, kalau hari raya, hari raya China walau bas express, bas yang pergi jauh pun, orang penoh dalam itu, ta' boleh di-larang. Yang sa-benar-nya tidak di-benarkan orang berdiri pada bas² yang berjalan express jauh atau pun yang luar bandar.

Berkenaan dengan lapangan terbang—sa-belum saya balek kapada lapangan terbang, untok kapal terbang ini tadi wakil Perlis Selatan ada hendak meminta murahkan lagi tambang² kapal terbang ka-Sarawak dan Sabah. Saya harap ada peluang, kerana di-Kuching dan di-Jesselton sudah ada lampu—kira-nya chukup kapal terbang-nya dan chukup penumpang²-nya kita boleh jalan sa-belah malam barangkali, dengan yang kita ada chubaan terbang malam antara Singapura dengan Kuala Lumpur dengan harga yang istemewa. Itu saya akan berhubung-lah dengan pehak Pengerusi MSA bagi menimbangkan perkara itu.

Berkenaan dengan lapangan terbang antara bangsa di-Subang, yang sebenarnya bagaimana wakil Krian Darat tadi berchakap, dukachita bahawa orang² ramai ta' ada nampak lain daripada kapal terbang MSA—salah hari bulan—lain kali kalau na' bawa mereka itu, chuba-lah berhubong dengan Kementerian saya atau pun dengan manager Airpot pukul berapa ada kapal terbang international datang. Elok-lah kita bawa orang itu ramai². Kerana, mengikut jadual pada saya tiap² minggu kapal² terbang itu pergi dan datang di-Subang, weekly aircraft movement at Subang—satu minggu ada 182 buah kapal terbang turun-naik—itu yang MSA punya. Yang International punya ada 88 buah tiap² satu minggu, atau pun 13 buah tiap² hari. Yang MSA ada 26 buah—dua kali ganda.

Dan juga mengatakan, kalau na' pergi keluar negeri, mesti pergi ka-Bangkok atau ka-Singapura—barangkali kalau hendak pergi makan angin ka-Bangkok, ka-Singapura, ta' ada orang melarang-lah. Tetapi saya dapat tahu BOAC empat kali sa-minggu, QUANTAS tiga kali sa-minggu, dan KLM sa-minggu sa-kali dan CPA, banyak lagi kapal² terbang dan GARUDA, yang mana kita boleh masok terus pergi mana² negeri dalam dunia—pergi ka-Mexico City boleh naik QUANTAS, na' pergi London naik BOAC. Ta' payah-lah hendak pergi ka-Singapura dan ka-Bangkok, tetapi kalau na' makan angin, pergi-lah, saya ta' larang.

Alham dulillah dengan ada-nya GARUDA sudah mula sampai ka-mari, dan saya terangkan dalam ucapan saya tadi, Japan Airlines ta' berapa lama lagi, saya agak dalam bulan May akan sampai ka-mari, insha'allah akan bertambah banyak lagi kapal terbang yang lain² daripada dunia lain akan datang ka-mari, kerana perjanjian telah pun di-tanda tangani dengan ta' kurang daripada 12 atau 13 negara di-Eropah, di-Asia, dan di-Tenggara Asia dan Timor Jauh.

With regard to the queries raised by the Honourable Enche' Chia Chin Shin, as far as the survey on the Kuala Baram is concerned, I have not received the

report. What they have done now. I think, is a small model, but they are still investigating and as soon as I get a full report I will certainly communicate to him as I have promised every now and then. However, unfortunately the report has not yet been completed and handed to me.

As far as the rural air services, I think the Honourable Member is aware that I am giving top priority to this in spite of the heavy subsidies from the Central Government and we are trying to improve, wherever possible, all these small airstrips. As the Honourable Member is aware, Bario has been used by military planes off and on and during rainy seasons the air field becomes so bad that we have to close it, but unfortunately sometimes it is not announced earlier for the information of the public. But as soon as it is repaired we will announce when the air services will resume again.

As Honourable Members are aware that since we took over the Borneo Airways, together with the M.S.A. now, I think the frequencies, the type of planes and even the fares have been improved tremendously when we look back to a few years ago and I think the Honourable Member will bear me out. He just mentioned to me a few days ago about not enough frequencies of flights by M.S.A. to Lutong. I think the twin pioneers have been repaired and I think they are giving as much service as possible, but twin pioneers are not economical and they are doing their very best to find a solution, a new plane, that will serve the purpose more economically and the M.S.A., is still looking into all these matters and as soon as we get a more suitable aircraft which is more economical, then we can have more frequencies and more services in these areas.

About publicity on road safety, I have already asked Sarawak and Sabah Governments—because I have no control; they are on their own as far as the matter of transport is concerned for ten years according to the Malaysia Agreement—but I have already advised them to set up their own Road Safety Councils both in Sabah and

Sarawak and the Malayan Road Safety Council would be able to send materials for campaigns, by these two Road Safety Councils. We can also send them handbooks and other leaflets that we print here and that is what the \$21,000 is meant for—for printing materials for campaigning purposes. We will distribute these if requested, to the Road Safety Councils in Sabah and Sarawak. I hope the Honourable Member when he goes back to Miri in Sarawak will take the initiative to form a Road Safety Council there if it has not already been formed. I think that is all I have to say, Mr Chairman, Sir.

Saya ucapkan banyak terima kasihlah kepada Ahli² yang lain yang memberi pandangan—saya ambil ingatan dan akan di-jalankan sa-kira-nya boleh, perkara yang membaiki lagi perhubungan sama ada udara dan jalan raya. Terima kasih.

Question put, and agreed to.

The sum of \$422,219 for Head S. 63; the sum of \$2,755,185 for Head S. 64; the sum of \$3,339,584 for Head S. 65; the sum of \$1,641,037 for Head S. 66; the sum of \$2,831,481 for Head S. 67; the sum of \$3,331,403 for Head S. 68; and the sum of \$3,218,982 for Head S. 69, ordered to stand part of the Schedule.

Head S. 70—

The Minister for Social Welfare (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Tuan Pengerusi, dengan hormat-nya saya menhadangkan supaya perbelanjaan sa-banyak \$5,477,706.00 di-bawah kepala S. 70—Kebajikan Masyarakat di-luluskan. Tuan Pengerusi, perbelanjaan tahunan yang saya menhadangkan pada hari ini ada-lah merupakan hanya sa-bahagian kecil daripada jumlah Perkhidmatan² Kebajikan Masyarakat yang di-adakan di-Tanah Melayu. Kebajikan Masyarakat adalah perkara yang terkandung dalam Senarai Bersama dan oleh demikian lain² negeri pun masing² ada mengadakan peruntukan² bagi menolong kumpulan² masyarakat yang menanggung kesusahan dan penderitaan. Chadangan² belanjawan yang di-kemukakan ada-lah bagi perkhidmatan² yang di-jalankan

oleh Kerajaan Pusat bagi orang² chachat chedera, orang² tua, pengemis² kanak², perempuan² dan gadis² yang perlukan kapada pemeliharaan dan perlindungan dan belia² yang bersalah, termasuk-lah latehan kaki-tangan² kebajikan masha-rakat dan bantuan kewangan kapada badan² kebajikan masyarakat sukarela.

Tuan Pengerusi, Kementerian ini telah mengambil langkah² yang positif untuk menjamin penyatuan dan penyelenggaraan perkhidmatan²-nya dengan perkhidmatan² lain² Kementerian dalam bidang² yang berkaitan dan juga untuk menggalakkan semangat bekerjasama antara kumpulan² pakar² supaya tujuan akhir-nya tiap² ra'ayat akan mendapat perkhidmatan yang terbaik sekali.

Satu lagi lambaran sejarah telah terchatet dengan terbuka-nya dengan rasmi Pusat Pemulehan Orang² Chachat Anggota, Cheras dalam bulan June tahun lalu. Pusat ini membukakan perkhidmatan-nya kapada satu jenis lagi orang² yang chachat ia-itu mereka yang mengalami kechachatan tulang-daging. Pelateh² sa-ramai 76 orang yang ada sekarang telah pun memasuki tahun kedua ranchangan pemulehan aneka jurusan.

Sa-bagai menolong orang² chachat yang telah di-pulehkan dan akan masuk ka-dalam lapangan pekerjaan yang menguntungkan, dan Kementerian ini telah pun menubuhkan sa-buah badan pemasaran untuk menolong pekerja² di-rumah dan mereka yang bekerja di-bengkil² lindongan bagi menjual barang² perbuatan mereka.

Dengan pembenaan sa-buah Rumah Orang² Tua yang baharu di-Johor yang di-jadualkan bermula dalam sedikit masa lagi, chuma dua sahaja lagi daripada lapang buah Rumah² Orang² Tua yang di-tadbirkan oleh Kementerian saya yang maseh menggunakan bangunan² ala kadar atau lama. Dalam tempoh kurang sa-tahun semenjak Undang² Kuturayau yang di-luluskan oleh Dewan ini dalam tahun 1965 di-laksanakan, kita telah mengadakan 11 buah pusat di-seluruh negeri bagi menahan dan memulehkan pengemis², orang² yang terlantar, orang² tua dan kutu²rayau. Sa-ramai 450 orang sedang

di-pelihara dan di-lateh untuk memulehkan sa-mula maruah, kebebasan dan kesihatan mereka.

Bagi melaksanakan tanggung-jawab Kementerian ini di-bawah Perlembagaan bagi mengadakan Perkhidmatan² Akhlak dan rawatan bagi belia² yang bersalah, Kementerian ini telah bertindak menyatukan kerja² 5 buah sekolah² akhlak yang ada sekarang di-Malaysia dan menubuhkan satu perkhidmatan akhlak yang chergas bagi belia² yang bersalah di-Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, tahun 1966 telah menyaksikan tamat-nya segala perundingan yang di-mulakan oleh Kementerian ini dengan Kerajaan² Negeri Sabah dan Sarawak beberapa lama dahulu, dan sa-bagai hasil-nya Ordinance Lembaga Loteri Tahun 1950 telah di-pinda untuk membolehkan penjualan Tiket² Loteri Kebajikan di-luaskan ka-Sabah dan Sarawak. Wang² yang diperolehi daripada loteri ini akan menjadi puncha kewangan untuk mengadakan perkhidmatan² kebajikan masha-rakat juga bagi Malaysia Timor.

Kementerian saya ada-lah mengalu²-kan dan memberi penghargaan-nya kapada daya usaha ra'ayat Malaysia yang telah dapat mengadakan 29 buah Rumah kanak² untuk sa-ramai 2,100 orang kanak² 109 buah Rumah Orang Tua bagi sa-ramai 2,700 orang dan beberapa banyak lagi yayasan² dan Pertubohan² yang memberi perlindungan dan rawatan kapada orang² chachat, buta, pekak, spastik, otak lemah dan yang berpenyakit terok.

Tuan Pengerusi, Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian saya berjumlah sa-banyak \$5,477,706.

Di-bawah Kapala-kechil Gaji, peruntukan-nya telah bertambah sa-banyak \$355,370 oleh kerana ada-nya 33 jawatan baharu saperti yang di-tunjokkan di-bawah Butir² 3, 21, 23, 33, 37, 40, 41, 51, 62 (ii), 70, 71, 85 dan 93. Jawatan Penolong Setia-usaha ada-lah di-perlukan untuk menguatkan Kementerian ini, Jawatan Pegawai Kebajikan Masyarakat, Tingkatan Biasa, untuk

menjadi Timbalan kapada Pengetua Pusat Pemulehan Orang² Chachat, Cheras; Jawatan Penguasa yang di-kehendaki itu ia-lah untuk sa-buah Rumah Pengemis² yang baharu di-Mersing.

Di-bawah O.C.A.R., kita dapati perbelanjaan berkurangan sa-banyak \$77,236 akibat Anggaran yang lebeh rialistik yang di-buat tentang bantuan wang ka-Sabah dan Sarawak di-bawah Article 161 (c) Perlembagaan Malaysia. Mula² dahulu, kita anggarkan peruntokan bantuan di-bawah Kepala-kechil 19 dan 20 akan berjumlah sa-banyak \$240,000 bagi Negeri Sabah dan \$250,000 bagi Negeri Sarawak. Peruntokan² ini ada-lah bersyarat kapada perubahan oleh kerana bantuan² kewangan ini ada-lah bergantung kapada hasil yang di-terima oleh Kerajaan Pusat daripada Negeri² dalam tiap² tahun—negeri² di-Sarawak dan Sabah itu.

Perbelanjaan O.C.A.R. juga menggambarkan satu peruntokan baharu untuk Pusat Latehan Berasrama di-Selangor yang akan di-bena di-bawah Ranchangan Pembangunan Malaysia Pertama untuk memberi latehan dan perkhidmatan kapada kakitangan² professional Kementerian ini dan juga untuk pentadbiran perkhidmatan akhlak di-Sarawak akibat pemindahan perkhidmatan itu daripada Jabatan Ke'adilan ka-Kementerian Kebajikan 'Am.

Di-bawah Perbelanjaan Khas, Peruntokan tahun ini telah berkurangan sa-banyak \$4,619,554 oleh kerana, saperti yang telah saya terangkan dahulu, potongan Perbelanjaan Khas sa-banyak \$4,683,078 yang di-pinta dalam tahun 1966 dahulu untuk menolong mangsa² ayer bah di-Trengganu dan Kelantan yang tidak di-ulangi dalam Anggaran Perbelanjaan Tahun 1967.

Tuan Pengerusi, dengan hormat-nya saya menchadangkan supaya ini di-luluskan.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi,

dalam menyokong peruntukan dari Kementerian Kebajikan Masharakat ini, saya sekali lagi pada tahun ini bangun untuk menyampaikan ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas usaha Kementerian ini yang sunggoh² sangat besar bagi mengatasi benchana banjir yang menempoh negara kita pada tahun ini terutama sekali di-sabelah Pantai Timor.

Pihak Kementerian telah bergerak dengan chekap menghadapi benchana itu dan dengan serta merta telah menubuhkan gerakan benchana banjir dan mengarahkan segala kerja bagi menolong mangsa² banjir itu sa-berapa chepat yang boleh. Sa-sunggoh-nya dengan tidak ada usaha² yang bersunggoh² daripada pegawai² Kementerian ini, barangkali kesukaran yang di-hadapi oleh mangsa² banjir tentulah bertambah berat. Kesempatan ini patut juga saya gunakan untuk mengusahakan penghargaan kepada pihak² yang lain daripada pejabat² lain dan gulongan² lain yang bersama² bertungkus-lumus bagi menolong benchana banjir itu. Oleh kerana banjir pada tahun ini merupakan satu benchana yang sangat besar, maka satu pelancharan derma benchana negara telah di-lancharkan bagi mengutip sumbangan² orang ramai untuk menolong mangsa² banjir itu dan perlu-nya derma ini tidak dapat lagi hendak di-napikan, kerana kalau Perdana Menteri sendiri terpaksa mengarahkan sendiri satu pertunjokkan Pusparama untuk mengutip derma benchana negara ini ada-lah menjadi gambaran bagaimana mustahak-nya dan besar-nya dan perlu-nya derma ini di-dapati sa-berapa banyak yang boleh.

Sa-panjang ini sambutan kepada derma ini boleh di-katakan boleh tahan dan menggalakkan, tetapi sa-patut-nya sambutan yang di-berikan oleh orang ramai terutama daripada kalangan² perniagaan dan perdagangan yang telah banjir dengan kekayaan² yang dapat keuntongan dari negeri ini sendiri, mereka ini patut-nya memberi sambutan yang lebeh besar dan lebeh chepat dan lebeh bersunggoh² kepada derma banjir ini. Biar-lah sa-padan budi yang telah di-churahkan oleh negeri ini

kapada mereka dengan derma sumbangan yang mereka berikan kepada negara ini dalam masa benchana yang besar sa-bagai ini dengan bukti yang nyata daripada jumlah sumbangan yang di-berikan itu. Saya rasa pada masa yang akhir² ini, sambutan itu telah agak sejok sedikit dan saya rasa keperetan yang di-rasai oleh mangsa² banjir tidak boleh sejok, maseh keperetan itu belum dapat di-atasi dengan sapenoh-nya dan maseh derma ini sangat perlu dan saya berharap bahawa segala kalangan yang dapat memberi dan sumbangan kepada derma ini akan turut mengambil kesempatan ini bagi menunjukkan bagaimana besar-nya simpati mereka itu kepada negeri ini, kapada tanah bertuah yang telah memberi budi kepada mereka itu.

Tuan Pengerusi, menyentoh soal Kementerian ini, saya merasa bahawa sudah banyak juga-lah usaha² di-jalankan oleh Kementerian ini dalam soal membaiki akhlak orang² yang telak rosak akhlak di-dalam negeri ini. Chuma saya merasa Tuan Pengerusi, menurut keadaan masharakat kita di-Malaysia ini, saya rasa pihak Kementerian ini patut mengambil initiative atau meng-initiate satu undang² yang boleh mengurangkan keadaan² akhlak yang menjolok mata dalam negeri ini; satu undang² yang berupa satu undang² anti-luchah, atau pun yang menyekat keadaan² yang tidak menyenangkan mata. Kalau negeri sa-bagai England boleh mengadakan undang² yang melarang perempuan² yang luchah dan lachor daripada merayau² di-jalan, kalau negeri sa-bagai Italy boleh mengharamkan dan melarang pelachoran, maka kita sa-buah negeri yang terutama sekarang ini kalau berjalan di-waktu malam di-Jalan Tuanku Abdul Rahman, kita boleh nampak terutama sa-lepas banyak askar² Amerika datang berihat di-Kuala Lumpur ini bagaimana keadaan sa-lepas pukul 10 malam ka-atas. Jadi, keadaan² ini tidak menyenangkan kita dan saya rasa pihak Kementerian ini patut-lah memikirkan bagi mengambil initiative membuat satu undang² yang boleh mengurangkan keadaan sa-bagai ini dan mengurangkan bebanan

yang di-pikul oleh Kementerian ini dan membaiki akhlak orang yang telah rosak yang tidak dapat hendak di-baiki lagi kadang². Perkara ini, saya rasa sangat penting dan tidak boleh di-pandang ringan kerana keadaan ini makin lama makin menolar, akan makin besar, akan makin meluas, jika-kalau tidak dari sekarang di-sekat, maka tentu-lah ketolaran-nya itu atau keluasan-nya itu akan bertambah² lagi daripada satu tempat ka-satu tempat, dari satu bandar ka-satu bandar, dan saya juga merasa perkara ini kalau di-jalankan undang² itu, bukan sahaja untuk Kuala Lumpur, tetapi biar-lah sampai Kota Bharu sama, kerana Kota Bharu pun kalau kita tengok dekat² dengan Kuala Lumpur ini. Biar-lah kita tolong champor sedikit keadaan negeri yang di-katakan negara kebajikan yang di-redhai oleh Tuhan itu.

Tuan Ong Kee Hui (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I just want to touch on one or two points. First of all, I am very glad to see that provision is now made for the extension of Probation Services to Sarawak. I think this is a very important move, because more and more, I think, the need for probation is being felt even in Sarawak and the extension of the service, I think will be very welcome by the people in the State.

In his introduction of his Ministry's Budget, the Honourable Minister mentioned the extension of the Social Welfare Lottery into the State of Sarawak. Now, this point was made by my colleague, the Honourable Mr Stephen Yong I think, at the beginning of the debate on the Supply Bill: the point he raised, I do not think has been answered, and there is still an air of uncertainty as to what the position is now with regard to the lotteries that used to be run jointly by the Social Welfare Council in Sarawak through the Sarawak Turf Club.

Since the introduction of the Malaysian Social Welfare Lottery into Sarawak, the sale of that lottery—I am referring to the Malaysian Social Welfare Lottery—has become very popular, and has affected the sales of the lottery run by the Sarawak Turf Club. Under

the old arrangement, the profits of that lottery were shared equally between the Turf Club and the Social Welfare Council. But since the introduction of the lottery, naturally, the Sarawak Turf Club could not afford to pay the 50% of their share to the Social Welfare Council, and, I think, at one stage the Social Welfare Council was in the plight of having no money to finance some of their projects. I think, perhaps, the position has now been remedied, because they were frantically appealing to the Sarawak Turf Club to pay over their share of the Social Welfare Lottery. Naturally, the Turf Club was not in a position to do so because, since the introduction of the lottery, the sales of the Sarawak Turf Club tickets have gone down by more than 50% and it is expected that it will go down even further.

Sir, I think that it would be only fair to all concerned that the Ministry should now clarify the position, so that the Turf Club is able to seek its own future and run its own sweepstake. I mention this, Sir, because this is a fairly important matter, as the livelihood of some 300 to 400 families, who depend on their living on the function of the Club, is affected. As the Honourable the Minister is interested in social welfare and the well being of the citizens in Sarawak, I am sure that the last thing he wants to do is to put them on the charity list of the Social Welfare Council. These are the two points I wish to make.

Thank you very much.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Perbekalan bagi Kementerian Kebajikan Masyarakat ini. Ini ada-lah satu Kementerian yang banyak membuat kebajikan kepada ra'ayat dan saya berharap Yang Berhormat Menteri kita akan berumur panjang dan bertambah rezeki kerana dia banyak membuat kebajikan kepada ra'ayat.

Saya hendak berchakap atas dua perkara. Yang pertama, Tuan Pengerusi, mengenai satu dasar, saya harap dapat pertimbangan daripada Yang

Berhormat Menteri, bagaimana yang kita dapati di-negara² yang maju di-England, mithal-nya, di-adakan satu ranchangan, ranchangan memberi sara hidup kepada orang tua. Ranchangan insuran bagi orang² yang tidak ada kerja. Pada masa sekarang ini dasar yang di-jalankan oleh Kementerian ini ia-lah menempatkan orang² tua di-tempat² yang khas dan di-beri makan dan jagaan kepada orang tua² ini.

Apa yang menjadi satu kesulitan besar ia-lah mengenai orang² kampung ia-itu orang² Melayu kita khas-nya. Walau macham mana kita merayu kepada mereka, kita hendak bawa pergi ka-tempat yang khas bagi mereka itu, mereka tak mahu pergi, kerana mereka tidak mahu berpisah daripada masharakat kampung.

Untuk mengatasi kesulitan ini saya mengshorkan kepada Kementerian ini supaya di-adakan satu ranchangan bagi bantuan sara hidup yang tetap, kata-lah, sa-orang kita bagi kalau sa-kurang²-nya \$15 sa-bulan atau satinggi²-nya \$30 sa-bulan. Kita hantarkan kepada orang tua yang dudok di-kampung atau yang dudok di-pondok-nya sendiri. Maka dapat dia sendiri menggunakan wang itu membeli barang² makanan atau pun boleh-lah jiran yang berdekatan dengan rumah-nya tolong masak, tolong jaga, tolong kawal. Jadi, dengan sa-chara yang samacham ini dapat-lah mengatasi masalah menjaga orang² tua yang sabaaimana Undang² sekarang ini orang yang berumur 60 tahun ka-atas, di-anggap sa-bagai orang tua, orang yang macham ini-lah patut di-buat satu banchian dan di-untokkan wang sara hidup kepada mereka itu.

Dan juga saya berharap orang buta dan orang chachat pun akan masuk dalam gulungan ini, kerana saya sabaagai Pengerusi Jawatan-kuasa Kebajikan Masharakat, manakala kita bersidang tiap² bulan selalu kita membincangkan masalaah² yang ada ini, bagaimana kita hendak bagi bantuan. Jadi, kadang²-nya wang bantuan itu datang daripada Kementerian, kita kena timbangkan di-atas orang² yang patut

dapat, kadang²-nya mereka dapat chuma tiga bulan sahaja, duit tak dapat, tak datang kita tak bagi. Jadi, putus-lah harapan orang² tua, khas-nya orang² yang buta dan orang² yang chachat. Jadi, saya harap-lah kepada Yang Berhormat Menteri menimbangkan shor saya ini oleh kerana sa-bagai permulaan negara kita ini menuju kaarah sa-buah negara kebajikan, maka dengan ada-nya Wang Kumpulan Tabong Derma Kebajikan daripada Loteri Kebajikan yang berjuta² itu, saya fikir tak ada menjadi satu kebe-ratan untok mengadakan ranchangan yang sa-macham ini, ranchangan yang sangat sesuai, ranchangan yang sangat patut bagi siapa juga yang ada dalam negara kita ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, satu perkara yang menjadi kerumitan manakala jadi satu mala petaka alam, sama ada banjir, sama ada ribut atau pun kebakaran yang besar². Jadi, di-tempat saya tahun 1965 jadi banjir di- Pinang Tunggal, dan Bumbong Lima dan tahun 1966 pun jadi juga banjir. Apa yang jadi satu kesusahan kepada Jawatan-kuasa Kebajikan Masharakat di-sana, manakala orang itu kita pindah terpaksa di-beri makan, terpaksa di-beri apa juga kemudahan, kain selimut, mithal-nya, dan juga lain². Jadi, Jawatan-kuasa tidak ada wang. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan menimbangkan supaya menguntokkan peruntokan yang patut kepada Jawatan-kuasa Kebajikan negeri untok di-gunakan pada masa terjadi banjir, atau pada masa dharurat.

Manakala jadi-nya perkara itu sabaaimana yang lalu kita minta Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri tidak ada wang, dia kata nanti dahulu hendak berhubung dengan Ibu Pejabat di-Kuala Lumpur sa-hingga lambat saminggu, sa-bulan baru dapat. Jadi, saya harap dengan perkara yang sa-macham ini tiap² Jawatan-kuasa Kebajikan Masharakat negeri ini boleh di-berikan satu peruntokan supaya di-simpan di-sana dengan syarat tak boleh di-belanjakan sa-lain daripada pada masa dharurat yang menjadi mala petaka negara. Dengan ini boleh-lah di-gunakan wang itu pada masa yang

di-kehendaki untuk memberi kemudahan² kepada orang yang di-pindahkan dengan memberi makanan dan juga lain² perkara yang perlu. Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor):

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan untuk mengalu²kan wang peruntukan bagi Kementerian yang berkenaan di-Dewan ini. Di-samping itu saya ingin juga berchakap dalam S. 70 mengenai Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Mesharakat yang mana ada-lah satu² Kementerian yang sentiasa mengambil berat kepada ra'ayat yang menderita, yang melarat dan menerima tekanan.

Maka dengan ini saya suka menchadangkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat menambah pegawai² yang terdiri daripada kaum wanita di-tempatkan di-Pejabat Kebajikan atau pun di-Pejabat Kadhi untuk di-beri tugas menerima dan melayan laporan² yang di-kemukakan oleh kaum² ibu yang datang menemui pegawai² tersebut atas tujuan² yang tertentu—saperti menuntut nafkah, cherai, rojo' dan sa-bagai-nya yang mana pada masa sekarang hanya di-uruskan oleh orang laki² sahaja, pada hal banyak sebab² yang memerlukan sa-orang kakitangan wanita di-pejabat tersebut.

Kerana yang biasa-nya yang datang mengadukan hal ka-pejabat ini ia-lah orang² perempuan atau kaum isteri yang teraniaya. Kalau di-sini ada pegawai² wanita yang akan mendengar pengaduan² mereka serta juga membuat laporan yang berhubung dengan aduan mereka itu tentu-lah lebih mudah bagi wanita yang mengadu itu melahirkan apa yang terpendam di-dalam hati-nya dan pegawai wanita itu juga akan mempunyai perasaan timbang rasa dan tanggung-jawab yang sa-rupa dengan yang mengadu itu, serta dapat merasakan betapa besar dan tinggi harapan sa-orang ibu yang memerlukan bantuan saperti nafkah atau lain²-nya dan dengan chara ini juga tentu-lah tiap² aduan yang di-buat akan mendapat layanan yang segera lagi memuaskan.

Tidak saperti yang ada berlaku sahingga hari ini yang mana nasib ibu² yang mengadu atau menuntut nafkah daripada suami yang mencheraikan-nya dan meninggalkan bagitu sahaja, tidak mendapat pembelaan yang sewajar-nya malah di-biarkan berlarut berbulan² hingga ada sampai berganti tahun.

Saya sendiri pernah terjumpa sa-orang wanita yang menuntut nafkah daripada suami-nya yang di-dalam masa 8 bulan lagi kita semua umat Islam menyambut bulan puasa sahingga lepas hari raya belum lagi khusus perkara itu kerana belum sampai ka-mana² maseh tinggal dalam fail juga. Pada hal si-ibu itu perlu berkehendakkan nafkah diri-nya dan anak²-nya juga untuk menghadapi bulan puasa dan hari raya. Alang-kah sedeh-nya layanan yang sa-demikian rupa! Kalau-lah urusan ini di-jalankan segera tentu-lah segera pula si-ibu² yang janda tadi mendapat hak yang di-tuntut-nya sama ada menerusi Mahkamah Syariah atau pun mahkamah biasa. Jadi sebab² yang terjadi demikian ia-lah oleh kerana orang laki² yang menguruskan aduan kaum ibu tadi tidak merasakan bagaimana perasaan yang di-deritai oleh orang yang meminta pertolongan kepada-nya yang membuat laporan² atas aduan²-nya itu.

Satu daripada-nya yang dapat saya bayangkan di-sini, Tuan Pengerusi, ia-itu sa-orang isteri yang telah di-halau oleh si-suami dan manakala mereka meminta cherai si-suami tidak mahu mencheraikan dan meminta supaya ditebus talak. Manakala perkara ini di-adukan kepada pehak pejabat yang berkenaan, mereka tidak dapat membuat apa? Dan kaum ibu itu telah digantong dengan tidak bertali tetapi si-suami telah berkahwin lain. Jadi apa-kah terjadi kepada kaum isteri yang tidak dapat nafkah dan tidak boleh kahwin, masakan beliau itu boleh tahan dan harus satu masa akan melakukan satu perkara yang tidak di-ingini dan siapa-kah yang akan bertanggung-jawab terhadap perkara ini?

Maka satu daripada perkara ini boleh di-katakan telah terjadi dan beribu² kejadian yang saperti itu yang

meminta perhatian dan yang telah berlaku di-negeri kita ini yang boleh dijadikan contoh bagi pihak Kementerian yang berkenaan untuk memberi timbang rasa di-atas rayuan² yang saya kemukakan ini mudah²an segala rayuan² isteri² yang malang itu dapat di-pertimbangkan dengan sa-adil²-nya tidak-lah dengan sewenang²-nya telah berlaku di-negeri kita ini yang mana kaum wanita telah sentiasa menerima tekanan di-sebabkan tidak ada pegawai² wanita untuk memberikan layanan dan memberikan kerjasama terhadap kaum wanita yang mengalami penderitaan yang sa-rupa itu kerana kita perchaya sa-bahagian daripada pegawai laki² tidak mahu menjalankan tugas di-pejabat² itu mereka tidak betul² memberikan perhatian terhadap penganiayaan yang berlaku kapada kaum² wanita.

Tuan Hussain bin Sulaiman (Ulu Kelantan): Tuan Pengerusi, saya juga suka mengambil peluang dalam perbahathan dalam Kementerian Kebajikan 'Am.

Saya menyentuh Kepala S. 70 muka 569 ia-itu berkenaan dengan bantuan kapada mangsa² banjir di-Kelantan dan Trengganu. Jadi sa-belum daripada itu saya bagi pihak mangsa² banjir di-Kelantan mengemukakan berbanyak² terima kaseh kapada Kementerian tersebut kerana sudi-nya menghulorkan bantuan pada masa kedudukan yang sa-macham itu pada tahun dahulu sa-banyak \$4.6 juta dan saya anggap pada tahun ini juga Kementerian ini akan tidak mengechewakan mangsa² banjir, yang kita semua faham bahawa dengan banyak-nya derma² yang sedang menchurah² di-terima daripada merata cherok rantau negeri kita sekarang ini. Buat pengalaman kita semua yang telah mengalami banjir di-pantai timor, maka suka-lah saya memberi pandangan kapada pihak yang berkenaan supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi dengan sa-bagitu tergesa² dalam hal memberi pertolongan kapada mangsa² banjir di-sana. Pengalaman banjir pada tahun lalu dan juga tahun ini telah menunjukkan bahawa kemalangan banjir telah menjadi bagitu besar hingga Kerajaan Negeri dan badan² sukarela sahaja tidak padan

untuk menyelenggarakan-nya. Sesuai dengan nama-nya Malapetaka Negara, langkah² melawan-nya wajib-lah diambil di-perengkat kebangsaan bukan lagi di-perengkat Negeri. Jadi berma'ana-lah di-sini patut-lah Jawatan-kuasa di-perengkat kebangsaan ini mengambil perhatian berat bila tiba-nya pada bulan 10 atau pun bulan 11 tiap² tahun maka badan ini patut-lah berhimpun atau berkumpul di-tiap² daerah menganjorkan atau pun meng-ator siap sedia segala ranchangan untuk melawan, menchegeh banjir ini.

Satu Lembaga atau Jawatan-kuasa Banjir Perengkat Kebangsaan hendak-lah di-tubuhkan dan pihak² yang melawan banjir hendak-lah banyak terdiri dari Pasokan² Bersenjata yang di-lateh dan di-beri kemudahan, persiapan melawan banjir ini mesti-lah siap sedia di-segenap daerah sa-belum banjir bermula ia-itu sa-bagai saya kata itu sa-belum tiba-nya bulan 11 atau pun bulan 10 tiap² tahun.

Bukan-lah seperti yang kita telah mengalami sa-lama ini ia-itu sa-lepas banjir baharu-lah kita bersiap sedia. Jabatan banjir ini akan di-bantu oleh Jawatan-kuasa Banjir Negeri, Daerah dan sa-terus-nya ka-mukim². Bantuan banjir sudah pun di-jalankan dengan pesat, oleh itu saya menguchapkan terima kaseh dan tahniah-lah kapada Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri dan saya juga sa-bagai mewakili kawasan yang telah terlibat dalam banjir, memohon agar ganti rugi hendak-lah di-jalankan dengan segera sa-belum ra'ayat lama menderita.

Jangan-lah seperti pada masa yang lepas berbulan² lama-nya hinggakan bukti dan kesan² kerosakan banjir telah hilang baharu-lah kita pergi menyiasat. Jadi perkara ini perkara yang patut boleh kita elakkan sa-belum kita dapat beberapa fitnah² yang tidak di-ingini. Yang terok, di-bantu dahulu dan yang tidak terok itu, kita kemudiakan sedikit kerana kita takut²-lah bila ra'ayat itu menderita, maka harus-lah berlaku perompakan atau pun bergaduh di-antara satu masyarakat dengan yang lain kerana desakan hidup.

Satu lagi saya suka juga memberi pandangan dan juga meminta rayuan

kapada pehak yang berkenaan supaya mengambil berat supaya semua bangunan² dapat di-baiki segera, janganlah tunggu penerimaan anggaran belanja baiki sa-kian banyak baharu-lah dapat di-baiki, patut-nya dapat bertindak serta-merta terutama sa-kali perkara ini walau pun tidak berkait ia-itu, berthabit dengan kelinik² yang telah tenggelan ayer sampai hari ini pun belum lagi di-lengkapkan dengan kelengkapan perubatan dan alat²an-nya, ini-lah satu perkara yang sangat mustahak di-perlengkapkan sa-mula kerana tiap² kali berlaku-nya banjir, maka ada-lah akibat² penyakit yang akan timbul dan bertanggung-jawab besar-lah bagi pehak Kerajaan menchegeh penyakit² ini daripada merebak.

Dan juga saya di-fahamkan bahawa banyak bungkusan² kain telah dihantar ka-Kelantan, tetapi di-dalam kawasan Ulu Kelantan pada hari ini pun belum lagi sampai kain² itu seperti di-Kuala Balah dan di-Manik Urai. Jadi, saya telah buat perundingan dengan Pegawai Kebajikan Masharakat Negeri, tetapi dia berkata bahawa keputusan telah di-ambil dalam jawatan-kuasa perengkat negeri bahawa kain² ini akan di-simpan sa-hingga ada permohonan daripada mangsa² banjir. Jadi, saya rasa perkara ini telah bertentangan dengan dasar atau pun tujuan asal kita hendak memberi kain² itu kapada pehak yang terlibat dalam banjir itu. Dan patut-lah pehak di-perengkat Malapetaka Negara ini mengambil tindakan supaya kain² itu di-bahagi²kan dan tidak guna di-simpan begitu dalam store walau pun ada sa-tengah² gulungan memberi alasan bahawa kain itu tidak sesuai dengan orang di-Pantai Timor, kerana sa-tengah² kain² itu ia-lah daripada seluar jean, baju² gown, bermacam² jenis pakaian yang tidak sesuai, katanya. Kalau kita beri kapada orang yang terlibat pun tidak ada guna. Jadi, jawatan-kuasa ini berfikir patut di-simpan begitu sahaja. Mengikut pengalaman dan kejadian dahulu banyak juga-lah kain² selimut yang tinggal baki itu hilang begitu sahaja, tidak tahu kesah-nya, barangkali boleh jadi sa-tengah² pehak mengambil kesempatan sama menganggapkan mereka

itu sendiri juga yang terlibat sama dalam banjir dan mengambil bahagian masing² sa-hinggakan bila di-pereksa baharu² ini hendak di-keluarkan untuk orang banjir, sa-helai pun tidak ada dalam simpanan. Jadi, saya takut perkara kain² itu juga akan berlaku begitu, bagaimana yang dapati ada di-Kelantan, jadi hilang dalam simpanan serupa itu.

Saya suka juga beri satu chadangan supaya kain² yang tidak di-gunakan sa-bagaimana yang di-katakan tidak sesuai kapada orang² di-Pantai Timor seperti baju gown yang besar itu dipotong kechil² jadikan baju budak² kechil, oleh Kaum Ibu atau Perkumpulan wanita. Ini pun boleh-lah mengurangkan belanja kaum ibu atau pun perkumpulan perempuan untuk memberi latehan dalam jahitan dengan kain² perchuma. Jadi lebeh baik-lah kita berikan kain² itu kapada perkumpulan kaum ibu supaya dapat di-gunakan daripada di-simpan begitu.

Yang kedua, suka juga saya menarek perhatian Kementerian yang berkenaan berkenaan dengan sa-buah Rumah Orang Tua yang ada di-kampung baharu, Gunchil, yang telah di-tubuhkan dalam masa dharurat dahulu pada tahun 1956 maseh ada lagi sekarang ini, yang di-bangunkan dengan peruntukan wang dharurat, tetapi rumah itu tinggal dengan terbiar begitu sahaja. Saya rasa kalau-lah sa-buah Kerajaan membangunkan satu² bangunan dengan tidak ada penyelenggaraan atau maintenance kapada-nya atau pun menjadi satu ranchangan yang berkekalan, maka tidak ada guna-lah rumah itu di-dirikan daripada asal-nya. Jadi, rumah itu lebeh kurang panjang-nya, saya rasa 60 kaki dan ada beberapa bilek, kalau tidak silap saya lebeh kurang dalam 10 bilek boleh menempatkan lebeh kurang 10 atau pun 12 orang tua yang sa-lama ini rumah itu di-penohkan oleh orang tua yang telah tidak di-akui kesehatannya oleh doktor dan di-hantar-lah ka-Rumah Orang Tua itu. Jadi, kebanyakan orang tua itu tinggal di-situ dengan keadaan bersendirinya sa-hingga baharu² ini pun masa kechemesan

banjir rumah itu tenggelam dan sa-orang tua penompang di-dalam itu pun tenggelam sama kerana tidak ada layanan atau pun tidak ada penjaga-nya di-situ kerana ma'alum-lah orang yang dudok di-situ orang yang uzor (chronic disease) yang tidak dapat berjalan, malang-nya dia tempang, maka dia terpaksa tenggelam sama dalam ayer.

Mr Chairman: Meshuarat ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 5.35 p.m.

Sitting resumed at 6 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman (Kota Bharu Hulu): Tuan Pengerusi, saya ucapkan tahniah kapada Menteri Kebajikan 'Am di-atas apa yang telah di-bagi kapada mangsa banjir di-Pantai Timor. Mudah²an kita berharap tidak ketinggalan banjir yang baru menimpa baru² ini akan di-lipat-gandakan lagi.

Tuan Pengerusi, saya akan berchakap satu dua perkara di-dalam S. 70. Yang pertama ia-itu-lah berkenaan dengan masaalah banjir di-negeri Kelantan, dan juga negeri² yang lain di-Pantai Timor.

Tuan Pengerusi, masaalah bantuan yang telah di-bagi kapada mangsa² banjir, saya rasa, patut-lah kita memikir lebeh jauh sadikit yang kita hendak bagi di-masa mereka itu telah terlibat di-dalam ayer yang begitu banyak, rasa saya tidak munasabah. Pada permulaan-nya itu kita bagi beras sa-bagaimana yang telah di-bagi baru² ini. Sebab, Tuan Pengerusi, bila ayer bah sudah begitu besar, rumah² telah tenggelam, dapur mereka pun tidak ada lagi, tempat tidak ada, kayu api pun tidak ada, manchis tak dapat hendak di-chari, tetapi kita bagi beras kapada mereka amat-lah susah untuk hendak memasak. Dengan sebab itu saya rasa mengikut fahman dan yang saya fikir munasabah kita bagi benda² yang masak saperti biskut, umpama-nya, pada permulaan. Kemudian daripada itu baru-lah meningat pada benda yang lain saperti

beras. Pada kali yang kedua itu bolehlah memikirkan hal mereka² yang dudok di-satu tempat itu dengan mencharikan semawar atau sa-bagai-nya untuk memasak. Ini-lah yang saya rasa patut pehak Menteri yang Berhormat itu memikirkan di-masa² yang akan datang.

Juga, Tuan Pengerusi, dalam masaalah yang telah lepas, rasa saya, saya suka-lah mengshorkan kapada Menteri Yang Berhormat pembahagian yang sudah itu mengikut pandangan saya, rasa saya, jikalau di-kajikan lain² orang pun mesti begitu juga. Saperti pada masaalah kita bagi bantuan kapada petani² maka mengikut yang telah sudah di-bagikan kapada orang yang bekerja sedangkan tuan tanah-nya itu tidak di-bagi maka ini ada-lah satu benda, satu perkara yang membangkitkan kerumitan di-dalam satu² tempat.

Tuan Pengerusi, telah pun saya beri tahu kapada Dewan ini di-masa² yang telah lepas ia-itu pehak tuan tanah kadang² ada-lah tuan tanah itu lebeh susah lagi daripada orang yang bekerja, ia-itu tuan tanah itu anak yatim yang tidak mempunyai bapa dan tuan tanah itu janda yang tua tetapi tanah-nya itu tidak begitu banyak maka tanah-nya itu di-beri pawah, di-bagi kerja kapada sa-orang yang bekerja sedangkan bantuan tidak di-bagi kapada mereka. Ini amat-lah sedih dan menyusahkan kapada kedudukan-nya. Dan perkara yang sa-macham ini saya minta-lah tidak berlaku lagi.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, dalam masaalah banjir yang baru² ini di-Pantai Timor, khusus-nya di-negeri Kelantan, ada-lah banjir yang amat berat. Di-kawasan saya sendiri, Tuan Pengerusi, lima orang manusia, yang mati. Apa fikir pehak Menteri? Menteri itu hendak bagi bantuan atau pun memikir untuk hendak beri sagu hati kapada kaum keluarga mereka yang ada. Lima orang, Tuan Pengerusi! Yang susah tidak-lah saya sebutkan di-sini pada hari ini. Dengan sebab itu saya suka-lah mengshorkan juga pada hari ini kapada Menteri Yang Berhormat kalau-lah musim dekat hendak sampai masa banjir, mengikut perhetongan yang tertentu, saperti bulan

11 atau pun bulan 10, katakan, kalau-lah pehak Kerajaan hendak menolong membantu ra'ayat, maka pada hari ini patut-lah kita memikirkan, kita menyediakan bantuan² yang hendak di-bagikan itu lebeh dahulu di-tarohkan kepada tempat² yang tertentu. Mithalnya, kalau-lah macham mana di-negeri Kelantan katakan, 8 District ada, kenalah kita letak, simpankan beras yang kita untokkan kepada banjir itu di-Kuala Krai satu tempat, Kota Bharu satu dua, kerana tempat-nya ramai manusia, tempat yang kita fikir munasabah di-taroh di-situ, di-Pasir Puteh, sa-terus-nya segala tempat² yang ada di-negeri itu. Bila berlaku banjir, maka waktu itu boleh-lah ambil gunakan beras itu berikan kepada orang² yang susah.

Baru² ini, Tuan Pengerusi, dalam masa banjir, saya pun bekerjasama-lah dengan orang² yang susah itu. Satu masa saya dengan sendiri naik motor boat, tak dapat hendak di-ambil beras pada hal beras ada tetapi di-Tumpat, ada 9,000 bag, umpama-nya di-situ tetapi tak dapat hendak di-gunakan, kerana nak pergi tak ada moto, tiada itu dan tak ada ini. Apa macham pun tak ada. Maka ini-lah yang saya shor pada hari ini. Kira-nya jika tidak berlaku banjir maka beras itu boleh di-tarek balek oleh Kerajaan, boleh jual sa-mula. Kalau-lah berlaku banjir maka di-teruskan bantuan. Ini satu daripada yang saya fikir munasabah. Sa-lain daripada itu, saperti motor boat² dan saya tidak-lah hendak sebutkan panjang dalam perkara yang sa-macham itu, banyak-lah perkara yang bersangkutan dalam masaalah banjir ini.

Sa-lain daripada itu saya suka beralah kepada satu perkara dalam S. 70 juga, Pechahan-kepala 17 muka 567, Persatuan Bagi Orang² Buta Malaysia \$25,080. Saya tak dapat tahu Persatuan ini ada-kah telah pun ada di-dalam negeri ini atau pun tidak ada. Tetapi yang saya tahu ada-lah orang² buta banyak yang tidak dapat. Rasa saya perkara yang sa-macham ini mengikut pandangan saya, orang buta ini tidak boleh di-buat², yang buta, buta-lah dia, yang chelek tak boleh di-katakan buta. Kita minta senarai. Ini chara hendak minta kepada siapa, Menteri Yang

Berhormat tentu-lah tahu maka di-waktu itu boleh-lah kita bantu. Ini mustahak orang ini di-bantu, orang yang tak nampak mata.

Sa-lain daripada itu satu lagi berkenaan dengan S. 70 juga Pechahan-kepala 40 muka 569, Bantuan kepada Tanggongan² Orang² Tahanan, \$160,000. Saya tak dapat tahu-lah perkara yang sa-macham ini kepada siapa orang tahanan yang dapat dan chara mana hendak mendapat-nya. Saya harap Menteri Yang Berhormat itu tolong-lah beri penerangan yang paling mudah kepada orang² ini supaya dapat bantuan. Di-dalam kawasan saya, banyak manusia² yang kena tahan. Yang tahan itu mereka buat kerja benda yang halal tetapi kena tahan tak dapat bantuan pun dan tidak-lah ingin saya sebutkan di-sini bilangan-nya. Tetapi di-satu masa yang lain kalau Menteri Yang Berhormat hendak tahu berapa banyak di-dalam kawasan saya yang kena tahan kerana politik, maka boleh-lah saya beri bilangan angka-nya yang tertentu. Ini, Tuan Pengerusi, saya fikir amat-lah mustahak kepada orang yang sa-macham ini dan chepatkan bantuan sedangkan anak² isteri mereka dudok dalam kesusahan.

Kalau-lah mereka itu membuat benda yang haram dari segi Kerajaan, kalau-lah kita tidak memperdulikan pun kita tidak-lah berasa sedih tetapi perkara ini tidak-lah benda haram, Tuan Pengerusi, ini-lah yang menyedehkan.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya champor-lah sedikit dalam masaalah menjolok mata yang telah disebutkan oleh wakil Kuala Trengganu Utara. Saya pun tidak ingin hendak menyebut perkara yang sa-macham ini. Tetapi perkara yang sa-macham ini, Tuan Pengerusi, sa-hingga telah disebut oleh Yang Berhormat wakil Trengganu Utara mengatakan sampai ka-Kota Bharu. Dan Kota Bharu itu ada-lah negeri yang begitu dan bagini. Saya tidak-lah hendak sebut bagaimana dia sebut, saya tidak ingin sangat hendak sebut. Tetapi, Tuan Pengerusi, rumah yang chantek, rumah yang begitu bagus kalau-lah kita selideki, kita chari benda yang tidak bagus, maka jumpa-lah kita. Kalau kita masuk

dalam rumah itu ikut depan kita tengok terus tentu-lah rumah itu bagus. Kalau pergi tengok di-bilek ayer, Tuan Pengerusi, walau pun macham mana rumah istana yang bagus, tentu rumah itu tidak begitu baik.

Saya tidak tahu-lah wakil Yang Berhormat itu dia chek sampai situ-kah? Itu terserah-lah kapada dia. Perkara yang sa-macham ini, Tuan Pengerusi, sedangkan negeri Kelantan ada-lah sa-buah negeri yang dudok-nya di-bawah Malaysia ini bergantung-lah dia kapada Malaysia; kapada undang² yang di-buat oleh Kerajaan, maka itu-lah undang² yang terkena kapada negeri Kelantan.

Tuan Pengerusi, sedangkan undang² saya tidak-lah hendak menyebut dengan sa-chara lanjut, saya tidak ingin hendak menyebut. Kalau-lah orang perempuan—orang perempuan Islam, yang dia itu kita kata buat jahat-lah dengan orang laki² yang tidak beragama Islam sahaja maka di-hukum pada orang perempuan yang dia sa-orang Islam. Tetapi pehak orang yang tidak Islam itu lepas sahaja. Ini undang² bukan negeri Kelantan buat, ini undang² Kerajaan Pusat buat. Jadi, ini-lah, Tuan Pengerusi, yang menyedehkan kapada kedudukan kita chubalah kita perhati kedudukan kita ini bagaimana kita ini

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan.

Tuan Haji Rahimi bin Haji Saman: Saya beri jalan.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Saya chakap soal Kota Bharu tadi, kalau orang² dudok di-Kota Bharu termasuk Ahli daripada Kota Bharu Hulu itu sendiri tidak nampak Prince Hotel, tidak nampakkan dua tiga tempat lagi tidak tahu-lah, kalau orang dudok di-Kota Bharu, ia tengok benda itu dia tahu-lah benda itu ada di-Kota Bharu. Jadi, kalau-lah sengaja memejamkan mata dan membenarkan itu berlaku, dan suka benda itu berlaku, itu terpulang-lah kapada orang yang memerehkan negeri Kelantan.

Tuan Haji Rahimi bin Haji Saman: Tuan Pengerusi, saya sudah beri tahu

itu tidak payah lagi dia beri penjelasan. Kalau pergi ka-bilek dapur tetap sa-bagai rumah tentu tidak ada tempat.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Pasir Puteh itu dapur-kah atau tidak dapur?

Tuan Haji Rahimi bin Haji Saman: Tuan Pengerusi, kalau kita chek lain negeri daripada negeri Kelantan bagaimana? Ini kita mesti fikir, kita mesti fikir! Kita sa-bagai manusia yang hendak berchakap yang kita tahu dalam segi ugama kita mesti fikir terlebih dahulu, Tuan Pengerusi. Inilah yang menyedehkan kedudukan wakil Kuala Trengganu Utara itu. Kalau-lah Kelantan selalu dia menyedehbut Kelantan. Pehak saya pun bingung-lah barangkali agak-nya dia hendak buat kerja di-Kelantan pula hari ini. Jadi dengan kerana barangkali tidak tahu-lah saya apa benda dia hendak jalankan di-Kelantan itu tidak tahu-lah. Kita tengok-lah apa yang dia hendak buat di-Kelantan.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuhan berkata

Tuan Haji Rahimi bin Haji Saman: Tuan Pengerusi, jadi dudok berbalek² dalam soal yang sa-macham itu, Tuan Pengerusi, nanti habis masa

Tuan Pengerusi: Dia minta penjelasan.

Tuan Haji Rahimi bin Haji Saman: Sudah berapa kali saya beri jalan. Dan ini-lah, Tuan Pengerusi, yang saya rasa menaruh bimbang di-antara kita sa-bagai kita orang yang beragama Islam. Kalau-lah pehak Parti sa-Tanah Melayu berchakap lebeh² lagi dalam segi ugama, beliau itu, Yang Berhormat itu, bergelisah apa tidak tahu-lah, bergelisah dia hendak hentam juga apa yang dia tidak tahu. Ini-lah yang mendukachitakan saya. Sedangkan saya bukan-lah macham itu. Saya, benda yang boleh kita ikuti dan boleh sokong, maka kita sokong, benda yang tidak boleh di-sokong walau pun siapa hari ini kita tidak boleh sokong, sebab kita sa-bagai sa-orang Islam dan kita belajar dalam segi Islam, maka mengikutilah kita dalam segi Islam. Macham mana-kah chara dalam segi

Islam? Ini yang kita mahu, lebeh² lagi beliau wakil yang Berhormat itu adalah pass Universiti Azhar. Ini-lah yang saya hendak sebutkan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu masalaah banjir di-Kelantan, rasa saya, kita berdo'a-lah kepada Tuhan mudah-an² tidak lagi berulang alek perkara yang sa-macham ini. Ini pun tidak-lah begitu banyak kali semenjak, 60 tahun dulu, barangkali ini-lah banjir besar ini berlaku tetapi ini juga selalu di-sebut² kerana negeri yang di-perintah oleh PAS. Maka ini tidak ingin saya hendak sebutkan dalam Dewan ini, Tuan Pengerusi. Dan kalau ada masa di-luar² daripada Dewan ini, di-tempat² rapat umum di-antara Perikatan atau di-antara siapa, insha'Allah saya akan bagi sharahan yang panjang, yang lanjut, walau pun hendak di-soal. Insha'Allah boleh di-bagi huraian. Sekian.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya sokong peruntukan Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am dan saya suka berchakap atas dua perkara pendek sahaja ia-itu berkenaan dengan Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am.

Di-kawasan saya, Tanjong Kupang, pada tahun lalu nelayan² yang tidak keluar pada masa konfrantasi menangkap ikan telah di-beri bantuan lebeh kurang \$70,000 lebeh. Tetapi ada banyak lagi nelayan² yang telah tertinggal dan mereka itu telah merayu kepada saya dan saya telah bawakan perkara kepada Pegawai Daerah di-Johor Bahru pada akhir tahun yang lalu. Satu jawatan-kuasa menyiasat, berkenaan dengan nelayan yang tertinggal telah di-adakan satu penyiasatan di-dapati lebeh kurang 100 orang yang belum mendapat lagi. Saya per-chaya rayuan itu telah di-hantar kepada Pejabat yang berkenaan. Sampai hari ini belum lagi ada cherita apa² berkenaan dengan sumbangan itu. Saya harap dapat-lah Kementerian ini memberi bantuan dengan sa-chepat mungkin sebab konfrantasi pun sudah habis.

Yang kedua, saya suka berchakap berkenaan dengan Penguasa Rumah²

(Perempuan), ia-itu muka 564 Butiran (23). Pada tahun lalu belanja-nya \$52,209 dan pada tahun ini \$55,820. Saya suka kaitkan perkara ini dan menyokong wakil dari Kuala Trengganu Utara berkenaan dengan pelachoran.

Dalam minggu lalu, saya telah di-bawa oleh sa-orang sahabat saya ber-jalan² di-Ibu Kota kita sini, kemudian dia bawa saya di-satu jalan yang sulit tetapi tengah² kota ia-itu di-Batu Lane. Saya sangat terperanjat apa bila saya dapati tempat keadaan itu, dan saya tidak sangka yang tempat itu ia-lah sarang pelachoran. Saya pergi dari satu bilek ka-satu bilek di-bawa oleh sahabat saya tadi (*Ketawa*). Dan tidak masok di-akal saya keadaan-nya sa-macham itu ada di-Ibu Kota ini. Dengan keadaan tempat tidor-nya yang di-alaskan dengan tikar burok, bantal kayu pun ada, bantal yang tak boleh di-fikirkan lagi keadaan-nya dan pemuda² kita berkumpul di-situ. Ini-lah pelachoran perengkat rendah. Bukan itu sahaja, ada sa-tengah daripada sa-tengah berkumpul², saya katakan perempuan, rupa-nya laki² pakai baju perempuan. Dan saya bertanya, ini perempuan mana nampak-nya lawa itu? Kata-nya bukan perempuan, itu laki². Habis apa dia buat di-sini? Dia menjual maruah. Ini sangat memalukan, kalau mengikut Undang² Islam Hukum Shara! sa-orang laki² berpakaian perempuan, haram, apa-lah lagi buat kerja yang kotor. Ini sangat² menjatuhkan maruah negara kita, yang terutama sa-kali di-Ibu Kota kita ini.

Saya shorkan supaya Pegawai² Akhlak mengambil tindakan, di-kumpulkan orang yang sa-macham ini, di-beri pelajaran dengan sa-wajar-nya supaya mereka itu boleh hidup sa-bagai manusia yang berguna kepada tanah ayer kita dan tempat² pelachoran yang sa-macham itu patut di-hapuskan sama sa-kali. Saya berharap Kementerian Kebajikan Masharakat, mesti mengambil tindakan dengan segera bukan sahaja di-Ibu Kota. saya per-chaya di-kawasan², bandar yang lain pun ada yang sa-macham ini tetapi tidak-lah sa-bagitu burok. Di-Johor pun ada, tetapi tidak sa-bagitu burok

macam ini. Ini sangat mendukachitakan hati saya melihat bermacam² bangsa yang ada di-situ, saya perchaya ini warganegara kita yang telah terlanter dan sudah hilang budi perkerti dan sopan santun-nya, patut-lah bagi pehak yang berkenaan mengambil tindakan dengan sa-chepat mungkin. Dan saya dengan ini menguchapkan terima kaseh dan menyokong sa-penoh-nya atas peruntokan Kementerian ini.

Minister for Welfare Services (Tuan Haji Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan): Tuan Pengerusi saya menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kapada tiap sa-orang Ahli Dewan ini yang telah memberi pandangan dan rayuan dan sa-bagai-nya untuk di-timbangan oleh Kementerian saya.

Saya akan chuba menjawab beberapa perkara yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat yang telah berchakap tadi. Ahli Yang Berhormat dari Johor Barat yang baru berchakap tadi telah membangkitkan berkenaan dengan perkara bantuan pada nelayan² yang, kata beliau itu, belum lagi ada sa-tengah²-nya di-beri bantuan bagaimana yang lain². Apa yang saya dapat tahu ada-lah semua nelayan² yang terlibat dengan curfew atau pun perintah berkurong, kerana mereka ini sahaja yang kita beri bantuan, telah pun di-beri bantuan, dan hendak-lah satu² orang itu juga bekerja, dengan sa-penoh masa sa-bagai sa-orang nelayan, bukan nelayan sambilan.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu, beliau ini telah membangkitkan berkenaan dengan orang² buta dan jikalau ada apa² kesatuan untuk menolong dan membantu orang² buta. Memang ada Persatuan Orang² Buta dan persatuan ini ada mengadakan rumah² kebajikan bagi melateh orang² buta supaya mereka itu dapat menggunakan tangan mereka, sunggoh pun buta, dapat menggunakan tangan mereka untuk membuat bakul, penyapu dan berbagai barang yang lain, benda² yang lain supaya mereka itu dapat hasil pendapatan jualan barang² ini untuk sara hidup mereka.

Dan ada beberapa tempat umpamanya di-Johor Bahru, di-Besut, di-Kuala Lumpur tempat² yang sa-umpama ini dan sa-kira-nya ada orang² buta yang hendakkan latehan yang sa-umpama itu boleh-lah membuat rayuan kapada Jabatan Kebajikan dalam satu² negeri mahu pun terus kapada Kementerian saya.

Berkenaan dengan tanggungan orang² tahanan, memang Kerajaan ada menimbangkan penderitaan sa-kira-nya ada satu² keluarga atau satu² orang yang di-tahan itu ada beberapa orang tanggungan-nya, dan jikalau orang² ini adalah daripada keluarga yang miskin, keluarga yang susah, keluarga yang tidak ada pendapatan atau tidak chukup pendapatan-nya untuk sara hidup, ada-lah mereka itu di-beri bantuan di-hitongkan daripada keadaan satu² keluarga itu dan beberapa banyak dalam family itu. Dan jikalau ada-lah keluarga yang sa-umpama ini yang belum lagi dapat bantuan boleh-lah Ahli Yang Berhormat itu berhubung dengan Kementerian saya dan perkara ini akan di-timbangan.

Ahli Yang Berhormat dari Besut itu juga ada menchadangkan supaya pada masa ayer bah, masa mula² berlaku-nya ayer bah ada tempat² dimana ayer bah berlaku, sunggoh pun ada beras tak dapat di-gunakan beras itu kerana tiada tempat hendak masak, semua basah, ayer keliling rumah dan kayu api pun tak ada, dalam keadaan yang sa-umpama ini terpulang-lah kapada Jawatan-kuasa Banjir Daerah itu, kerana Jawatan-kuasa Banjir Daerah itu boleh-lah menggunakan kebijaksanaan-nya untuk memikirkan sama ada tempat itu perlu di-beri biskut atau tidak. Ini satu pandangan yang baik dan saya shorkan kapada Jawatan-kuasa Daerah supaya memikirkan dimana yang perlu di-berikan biskut. Akan tetapi yang saya tahu kebanyakan-nya suka mendapat beras dimana jikalau ada satu tempat tidak boleh menggunakan beras untuk dimasak dan tidak ada kayu dan sa-bagai-nya sudah tentu-lah biskut lebih baik.

Dan saya shorkan-lah kapada Jawatan-kuasa Kebajikan Daerah dan

Negeri untuk menggunakan kebijaksanaan-nya pada masa perkara² sampama itu berlaku. Beliau ini juga ada menhadangkan supaya beras simpanan di-adakan. Ini memang dalam rancangan Kerajaan dan sungguh pun pada masa ayer bah itu ada "stock pile" atau beras simpanan besar disimpan yang tidak dapat di-ambil oleh kerana ayer sudah keliling di-situ dan oleh kerana itu Kerajaan telah memikirkan supaya di-adakan stockpile, tempat² simpanan beras di-daerah², ibu² daerah, district headquarters dan sa-bagai-nya. Sa-lain daripada itu juga kedai² di-nasihatkan supaya menyimpan stock atau barang² terlebih dahulu kerana kita tahu ayer bah ini selalu berlaku pada hujung tahun.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Kelantan telah membangkitkan berkenaan dengan rumah orang² tua di-Guchil. Sa-benar-nya rumah orang² tua ini ada-lah di-dirikan dan di-uruskan oleh Jawatan-kuasa Kebajikan Daerah Ulu Kelantan dan bukan-lah di-dirikan oleh Kementerian ini. Oleh itu penyelenggaraan-nya ada-lah tanggung-jawab Jawatan-kuasa Kebajikan Daerah itu ia-itu Ulu Kelantan.

Tentang layanan penghuni² di-yayasan itu patut-lah saya terangkan di-sini ia-lah tanggung-jawab badan yang tersebut juga.

Jadi berkenaan dengan ayer bah, ada beberapa Ahli Yang Berhormat telah berchakap berkenaan dengan ayer bah ini dan chara² memberi bantuan dan sa-bagai-nya. Saya suka-lah menyatakan di-sini ia-itu pada ayer bah tahun dahulu sa-belum tahun ini, kita telah membelanjakan lebih daripada \$4 juta untuk memberi bantuan kepada mangsa ayer bah, telah di-berikan, bukan sahaja barang² akan tetapi wang sa-banyak lebih daripada \$4 juta. Akan tetapi oleh kerana kedudukan kewangan negara yang ada pada hari ini Kerajaan tidak-lah dapat memberi bantuan kewangan lagi hanya Kerajaan akan memberi pertolongan untuk memuleh sa-mula keadaan mereka itu dengan memberi barang² perkakas², papan dan sa-bagai-nya, atap dan sa-bagai-nya untuk mendirikan rumah² bagi

mangsa² ayer bah ini dan juga pakai²an dan sa-bagai-nya. Bagitu juga Jabatan Pertanian ada membuat perhetongan di-atas kerugian, kerusakan padi dan sa-bagai-nya supaya dapat memberi beneh² dan sa-bagai-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara telah menhadangkan supaya di-adakan satu peruntukan tetap bagi satu² Jawatan-kuasa Kebajikan Negeri atau Daerah dan sa-bagai-nya. Memang ada, Tuan Pengerusi, sa-benar-nya tiap² Jawatan-kuasa Kebajikan Negeri ada di-beri peruntukan yang tetap untuk menolong mangsa² mala petaka yang memerlukan bantuan. Jawatan-kuasa Kebajikan Negeri pula memberi peruntukan kepada Daerah². Ini terpulang kepada Jawatan-kuasa Negeri² untuk memberikan kepada Daerah. Jawatan-kuasa Daerah boleh memberi bantuan daripada peruntukan-nya masing² kepada mereka yang memerlukan.

Ahli Yang Berhormat daripada Johor Bahru Timor telah membangkitkan berkenaan dengan kaum² ibu yang di-aniayai oleh suami-nya dan tidak bagitu senang hati atau pun segan sedikit untuk membuka apa yang terpendam di-dalam hati mereka itu kepada pegawai² laki². Jadi, jikalau-lah kaum ibu itu datang ka-Pejabat Kebajikan 'Am di-satu² negeri atau di-daerah boleh di-katakan tiap² negeri kita ada beberapa orang pegawai² daripada kaum wanita dan sa-kiranya mereka itu hendak datang mengadukan hal berkenaan dengan apa² satu perkara yang mereka segan sedikit untuk membukakan cerita-nya kepada pegawai² laki², memang-lah pegawai² perempuan yang ada disana boleh kita mengarahkan, mendengarkan

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Tidak berkata kaum² wanita itu segan untuk hendak mencheritakan hal-nya kepada kaum laki². Pendapat saya ia-itu saya menhadangkan supaya pehak Kementerian ini menambah pegawai wanita untuk menerima laporan daripada kaum wanita

mengenai nafkah, cherai, rojo' dan sa-bagai-nya. Kerana Pejabat Kadhi terdiri pegawai²-nya daripada kaum laki² yang tidak mengindahkan dan mengambil berat sangat atas pengaduan dan penderitaan yang di-tempoh oleh kaum ibu hingga melarut masa dan memakan masa berbulan² dan bertahun² dan perkara itu tidak dapat diselesaikan hanya tinggal di-dalam fail sahaja. Ini maksud saya supaya dapat penjelasan.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Ini, Tuan Pengerusi, saya hendak datang kasitu-lah ini. Jadi ini perengkat yang pertama, perengkat yang kedua ada-lah saya hendak sebutkan, ini nikah cherai orang² Islam ada-lah di-bawah Mahkamah Shariah bukan di-kelolakan oleh Jabatan Kebajikan dan saya tahu Kadhi itu laki², tidak pernah saya dengar ada Kadhi perempuan (*Ketawa*). Akan tetapi jikalau Pejabat Shariah, Pejabat Kadhi, berkehendakkan sa-orang pegawai daripada Pejabat Kebajikan, ada kala-nya jikalau dia berkehendakkan saya suka menyatakan di-sini kita sedia memberi kerjasama untuk mendengar case² yang sa-umpama itu.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara telah membangkitkan berkenaan dengan perkara Old Age Pension atau pun Old Age Insurance Scheme, ia-itu perkara ini sedang di-kaji oleh Kementerian Buruh, Tuan Pengerusi. Pada masa sekarang ini bagi orang² tua yang melarat tidak ada keluarga dan sa-bagai-nya, kita ada beberapa rumah orang² tua di-mana mereka itu boleh masuk untuk berlindung dan sa-bagai-nya sama ada rumah² orang² tua yang di-jalankan oleh Kementerian ini sendiri atau pun oleh badan² sukarela yang di-beri bantuan oleh Kerajaan dan saya berharap-lah kepada orang tua juga daripada keluarga² kita orang Melayu supaya menggunakan peluang ini kerana mereka itu lebih senang dan lebih baik lagi duduk di-dalam rumah² sa-umpama ini di-mana di-beri layanan yang baik, makanan yang baik yang berseih dan sa-bagai-nya daripada mereka itu terbiar duduk di-pondok

menompang di-tepi² rumah kawan² di-kampung².

The Member from Sarawak raised the question in regard to the sale of lottery tickets in Sarawak and also on the question as to whether or not the Turf Club could continue with the sale of its lottery tickets. Now, our understanding with the Sarawak State Government was that on the introduction of the sale of Social and Welfare lottery tickets to Sarawak, the sale of the Sarawak Turf Club lottery tickets will cease; but the Sarawak Turf Club would be allowed to have the cash sweeps—cash sweeps, not lottery tickets—in compensation for that. Now, the Sarawak Turf Club used to give a certain amount from the proceeds of the sale of the lottery tickets to the Sarawak Social Welfare Council, but now, for the rights to sell the Social and Welfare lottery tickets to Sarawak, the Central Government underwrites the Sarawak Social Welfare Council with the amount of \$100,000 per annum based on the average of the preceding three years, i.e. the amounts that they received during the previous three years.

Tuan Ong Kee Hui (Sarawak): Mr Chairman, Sir, may I seek clarification on a further point? I understand that the sale would continue in the same way as the ordinary Turf Club tickets here in Malaya and that the only difference would be that the Social Welfare Council would no longer take a share of the proceeds of the sale. The Turf Club would be treated like any Turf Club in West Malaysia. In fact, they will be permitted to sell the tickets, but the Social Welfare Council will no longer take a share of it, nor participate in the sales of the tickets. Is that correct, Sir,

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: As I said earlier, the Turf Club will not be allowed to have their own lottery tickets, but they are allowed to have cash sweeps as in the case of the Turf Clubs in Malaya.

Sekarang ini saya sampai-lah kepada perkara yang di-bangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat

tadi ia-itu perkara Tuanku Abdul Rahman Lane, Batu Lane, dan sebagainya-nya. Memang ada undang² di-tiap² negeri untuk menchegehah pelachoran dan untuk menchegehah menjual diri oleh orang² perempuan dan juga menjalankan rumah² di-mana kerja samumpama ini di-jalankan. Dalam perkara ini bukan Pejabat Kebajikan mengambil tindakan, akan tetapi polis.

A number of members raised the question of prostitution. There is legal provision under the existing various State Enactments outlawing traffic in persons, exploitation of the prostitution of others, brothels, soliciting in public for immoral purposes and the punishment of persons engaged in procuration. Itu jadi kesalahan juga menjadi ibu ayam. Di-harap Ahli² Yang Berhormat faham-lah apa yang saya maksudkan menjadi ibu ayam—itu pun salah, bukan sahaja menjual maruah. These Enactments were promulgated before the War under the then existing constitutional set up and until a new legislation, which is now being drafted, is promulgated action will be taken to control prostitution under the existing legislation. Sekarang ini di-bawah undang² yang ada dalam tiap² negeri boleh menchegehah pelachoran, tetapi sekarang ini Kerajaan sedang menggubal satu undang² yang akan meliputi keseluruhan Tanah Melayu dan kita berharap undang² ini akan dapat di-jalankan dan di-sediakan tidak berapa lama lagi. Tuan Pengerusi, saya rasa ini-lah sahaja jawapan saya.

Question put, and agreed to.

The sum of \$5,477,706 for Head S. 70 ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 71-S. 75—

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Tan Sri V. T. Sambanthan): Mr Chairman, Sir, with your permission I beg to move that expenditure shown under Heads S. 71, S. 72, S. 73, S. 74 and S. 75 under Ministry of Works, Posts and Telecommunications totalling \$112,170,194 be approved.

Taking Head S. 71 first, a sum of \$8,492,449 is asked for to meet the Personal Emoluments of the Headquarters of the Ministry as well as the Public Works Division. This amount indicates an increase of \$875,528 over the provision approved for the year 1966. This is mainly due to the establishment of the Highway Planning Unit and the increase of the Staff of the Toll House at Slim River. Another factor necessitating the increase on the provision sought is the granting of special allowances to Division IV Officers.

It may be of interest to Honourable Members to note that the Highway Planning Unit will play an important role in the planning and improvement of highways throughout the country. The main function of this Unit is to collect statistics and data of traffic density throughout the country, thus enabling the Government to decide on priorities for road constructions and improvements.

In regard to toll collection at Toll House, Slim River the Government is collecting an average sum of \$480,000 a year as compared to an annual recurrent expenditure of \$82,850 representing the salaries of the Toll Staff and other annual recurrent expenditure.

Taking Head S. 72 next, a total sum of \$29,996,554 is requested for the year 1967 for West and East Malaysia. This represents an increase of \$647,126 over the 1966 provision. The increase is indicative of the various additional amenities such as roads, water supplies which serve certain institutions; buildings, air-fields, etc. provided by the Government during the First and Second Five-Year Plan periods. The provision asked is for the maintenance of these amenities.

Coming to Head S. 73, the total provision sought for 1967 is \$23,660,016 showing an increase of \$1,683,947 over that of 1966. The increase is shown under Personal Emoluments and Other Charges Annually Recurrent Expenditure.

Under Other Charges Annually Recurrent, the bulk of the expenditure is

for the conveyance of Mails and the printing of Stamps and Postal Orders. The increase of provision for the conveyance of Mails reflects the additional volume of postal work handled by the Postal Staff. The increase of provision in respect of printing of Stamps and Postal Orders is to replenish definitive postage stamps, stamped stationery, Malaysian Postal Orders and Reply Coupons in order to maintain the stock. The policy of issuing commemorative postage stamps to mark important national and international events will continue in 1967 and provision has been made for three issues.

Touching on Head S. 74—Posts and Telecommunications, East Malaysia the total provision requested for both the states of Sabah and Sarawak is \$9,760,481 which shows an increase of \$1,321,477 over the provision approved for 1966. This reflects the necessity to generally improve both the Postal and Telecommunications Services in East Malaysia and to endeavour to bring them up gradually to standards comparable with West Malaysia.

The provision for Personal Emoluments for both States shows an overall increase of \$620,765 for 1967 over that of 1966. With this increase it will be possible for the department to recruit more staff in order to cope up with the increased tempo of development in both of these States.

I now come to the last Head, i.e. Head S. 75. The total provision of \$36,962,518 is asked for showing a decrease of \$1,282,566 as compared to last year's provision. This is in keeping with the austerity drive launched by the Government. The amount requested for will provide funds for the Personal Emoluments, Other Charges Annually Recurrent and Other Charges Special Expenditure for the Telecommunications Department, West Malaysia. The activities of the department are expanding rapidly and additional commitments include the maintenance of the services as a result of the following:

- (a) Establishment of External Service in Kuala Lumpur with Inter-

national Telephone Exchange and Telegraphic Office;

- (b) Introduction of Message Rate and "metered calls";
- (c) Taking over of Cable and Wireless, Jesselton; and
- (d) Opening of the new Telecommunications Training Centre, Jalan Gurney, Kuala Lumpur.

During the year 1966 efforts were devoted to the relief of waiting applicants for telephone service and for the same year up to 31st October, 1966, the Department has attained a record number of gross connections totalling 6,398. However, special emphasis has been placed on the relief of applicants in Kuala Lumpur, in view of the large number of waiters for telephones. It is expected that further clearance of waiters will be effected in 1967 when the installation of the new crossbar equipment at Petaling Jaya, Batu, Salak South and Setapak is completed.

Significant development has also taken place in the trunk and junction line field during the year 1966 and 46 new circuits have been added to the network which now spans the country. Overseas circuits both telephone and telegraph have now been established to London, Oakland, Tokyo, Manila, Hong Kong and Jesselton.

With the establishment of the additional services and the progress made as explained earlier, it is necessary to increase the establishment and also provision under Other Charges Annually Recurrent and Other Charges Special Expenditure for the Telecommunications Department.

Under Other Charges Annually Recurrent, the provision asked for 1967 is \$14,163,780 which shows a decrease of \$64,040 from that of 1966. In regard to Other Charges Special Expenditure, there is also a decrease of \$76,590 compared to 1966 provision. This is because of the fact that the External Service at Singapore is no more the responsibility of our Government.

Mr Chairman, Sir, as I have not been unduly long in presenting my Ministry's Estimates, I am sure you will permit me to take this opportunity of extending my sincere thanks to all Officers and men of the Public Works Department, Postal and Telecommunications Departments, East and West Malaysia and lastly to those of the Secretariat of my own Ministry who have all along given their dedicated and devoted service to the country. I have no hesitation in saying that they will continue discharging their duties with even more vigour in the many years to come. Thank you, Sir.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang bagi pehak pengundi² daerah Triang, Kemayan, Lebak kerana terdiri-nya benaan² dua jambatan yang sangat di-harga² oleh orang² di-daerah itu. Dalam pada itu, saya merayu dan saya juga bagi pehak orang bagi daerah ini merayu sa-telah kita bena jambatan² yang baik ini dapat jalan² yang sangat burok di-perbaiki. Keadaan jalan boleh di-katakan daripada Temerloh sampai ka-Kemayan boleh di-katakan sangat² burok. Jadi, kita ada jambatan yang baik, tetapi ta' dapat di-gunakan, jadi ini saya merayu bagi pehak orang² daripada daerah itu supaya pehak Kementerian ini dapat memereksa dan membaiki.

Saya chuba berusaha dengan engineer-nya yang menjaga daerah ini, kata-nya yang pertama sa-kali keadaan jalan itu ia-lah rosak kerana di-gunakan oleh lori² balak. Jadi, pertelingkahan² faham di-antara Kementerian Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, ia-itu Kementerian Persekutuan menyatakan sa-patut-nya Kerajaan Negeri membaiki jalan² itu kerana Kerajaan Negeri mendapat faedah yang besar, kerana mengeluarkan kayu² ini, tetapi bila perkara ini telah di-binchangkan dengan Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri kata ini jalan² Kerajaan Persekutuan—Federal road. Jadi, kerana pertelingkahan dua Negeri ini—Persekutuan dan Negeri, maka ini-lah keadaan jalan² itu sangat burok. Jadi,

saya harap dapat di-perbaiki keadaan ini.

Satu lagi di-Triang patut ranchangan Kementerian meluruskan jalan itu melalui kawasan² polis yang ada di-Triang sekarang, tetapi tidak dapat di-buat. Saya mendapat tahu kerana clearance atau pun kebenaran benaan jalan² dalam kawasan polis itu tidak mendapat kebenaran daripada pehak polis. Ini yang saya mendapat tahu daripada pegawai² J.K.R. di-daerah ini. Jadi, rasa saya ini mustahak jambatan telah ada, ranchangan kita meluruskan telah ada, tetapi kerana sedikit lebeh kurang, rasa saya ta' sampai sa-tengah batu-kah, kerana tidak ada mendapat kebenaran, tidak ada berfahaman antara polis dengan J.K.R.—terbengkalai kerja di-situ. Jadi, ini rasa saya patut juga dapat kita baiki, itu-lah rasa saya sedikit yang saya hendak membuat permintaan saya daripada Kementerian ini dalam perkara ini. Terima kaseh.

Tuan Mohamed Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap sedikit dalam Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom ini. Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak sebutkan ia-lah dua perkara. Yang pertama-nya ia-lah berhubung dengan perkara jambatan Jerteh. Jambatan Jerteh ini, Tuan Pengerusi, kalau saya mahu cherita jadi panjang, tetapi saya chuba ringkaskan-lah sebab masa kita sudah pendek, ia-itu jambatan ini di-bangunkan pada tahun 1959, ia-itu pada masa itu Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sekarang ini menjadi Menteri Kerja Raya. Pos dan Talikom. Malang-nya, Tuan Pengerusi, oleh kerana dekat dengan pilehan raya maka di-buat penyiasatan dengan sa-chara bergopoh-gapah dan di-dirikan jambatan itu dengan sa-chara gopoh-gapah juga, maka berlaku-lah satu kejadian yang berlarut² sampai sekarang ini, ia-itu mengikut penyiasatan asal-nya kata-nya kalau jambatan itu tenggelam, maka jalan dari Jerteh ka-Kota Bharu juga ada tempat yang tenggelam dan kalau jambatan itu tenggelam jalan daripada Jerteh ka-Kuala Trengganu atau pun sa-terus-nya ka-Kuala Lumpur ini juga tenggelam, tetapi apa

yang berlaku sekarang ini, Tuan Pengerusi, berlainan sa-kali ia-itu di-jalan di-antara Jerteh ka-Kota Bharu dari Jerteh ka-Kuala Trengganu dan ka-Kuala Lumpur ini tidak tenggelam, tetapi jambatan itu tenggelam. Jadi, saya harap-lah supaya pehak penyiasatan kejuruteraan ini membuat penyiasatan sa-mula dan kalau boleh supaya di-tinggikan balek jambatan itu, sebab kenyataan dapat menjunjukkan, Tuan Pengerusi, pada hari Ithnin sa-malam jambatan itu tenggelam, jalan² lain tidak tenggelam dan waktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Besut menaiki helikopter dahulu waktu dua buah helikopter hendak turun di-bandar Jerteh itu terpaksa orang yang berhimpun ramai² itu angkat motokar yang di-tinggalkan oleh orang² yang ada sa-tengah-nya balek bekerja di-Kuala Lumpur ini dan ada sa-tengah-nya pulang ka-Kota Bharu. Itu-lah menjunjukkan bahawa jambatan itu lebeh rendah daripada tempat² yang lain. Saya perchaya perkara ini sudah ada dalam pengetahuan Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom dan bukan sahaja orang ramai di-Pantai Timor bahkan orang di-Pantai Barat ini juga berharap supaya jambatan itu di-tinggikan, atau pun di-buat sa-mula supaya tidak-lah berlaku saperti yang ada sekarang ini.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu sukachita juga saya menarek perhatian ia-lah sekarang ini ada banyak jambatan² baharu yang telah di-buat dari Besut ka-Trengganu mithal-nya, atau pun ka-Kuala Lumpur ini, tetapi apa yang saya pandang di-Besut kawasan saya nampak-nya pehak kejuruteraan tidak membuat satu penyiasatan yang halus. Apa-kah sebab-nya saya mengatakan demikian ia-itu mithal-nya jambatan itu dahulu ada 5 spen sekarang ini chuba hendak di-pendekkan atau pun hendak di-kurangkan, di-pendekkan tinggal 3 spen, erti-nya di-potong dua spen itu, tetapi apakala datang ayer banjir di-buboh jadi boleh jadi Menteri boleh jawab mengatakan ini banjir besar, apa boleh buat. Banjir ta' besar pun oleh kerana di-sempitkan jalan ayer itu, maka jambatan itu roboh. Jadi, saya harap-lah supaya penyiasatan ini halus tidak-lah pehak

Kerajaan dalam zaman hendak jimat-chermat ini membuat jambatan ini dengan sa-chara gopoh-gapah dan membelanjakan wang itu dengan banyak, tetapi apakala telah siap, maka dia balek sa-mula kapada kedudukan yang asal-nya bagaimana yang saya katakan tadi, kalau dahulu 5 spen di-pendekkan jadi 3 spen. Kemudian di-buboh oleh ayer, maka kadang² lebeh luas daripada itu pula.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya pandang mithal-nya berdekatan jambatan itu ada tiga buah jambatan yang kecil². Sekarang ini chuba di-tutupkan satu di-antara tiga itu, dan kerja yang macham itu pun berlaku juga. Tidak chukup jalan ayer itu menyebabkan ayer itu menempoh dan dia runtuhkan tempat yang di-buat jambatan itu. Saya rasa kalau penyiasatan yang sa-macham ini tidak di-haluskan lagi, maka kajian yang sa-macham ini akan merugikan pehak Kerajaan sendiri.

Satu perkara yang akhir-nya, Tuan Pengerusi, ia-lah berhubong dengan perkara memasang tanah merah—ini perkara kecil, Tuan Pengerusi. Sungoh pun kecil, ia-itu gravel dalam bahasa Inggeris-nya itu—memasang gravel itu waktu hujan. Patut-nya pehak Kerja-Raya tentu tahu bahawa, mithal-nya kalau di-Pantai Timor daripada bulan tiga sa-hingga bulan sembilan itu ada-lah biasa-nya waktu kemarau, maka itu-lah masa-nya patut di-pasang gravel itu, di-pasang tanah merah itu, tidak-lah di-waktu hujan. Sekarang ini nampak-nya ada sa-tengah² tempat mithal-nya di-Pahang ini pun jalan sudah-lah sempit, di-pasang tanah merah itu di-waktu hujan ini, bila mari lori balek, motokar hendak lari pun susah, tergelincher masok di-dalam tanah merah itu, Tuan Pengerusi. Jadi, bukan sahaja soal wang itu rugi, tetapi kedudukan pemandu² juga dalam keadaan yang merbahaya oleh kerana tanah merah atau pun gravel yang telah kena hujan dan chair sa-mula itu. Sekian, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tuan Ong Kee Hui (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I have only two very brief observations to make on the

Supply Heads for the Ministry of Works, Posts and Telecommunications. The first point I wish to make is that last year, at the Budget Session of this House, I drew the attention of the Honourable Minister to the very unsatisfactory postal service to Sarawak. I had hoped that there would have been improvement, but I regret to say that since then there has been no improvement. A recent letter I received, in fact, from the Honourable Member for Batu who forgot to put a stamp on it—he just put the official stamp on it and it therefore went by surface mail—took a month to reach me, which I think set an all time record. I will have the pleasure of presenting that to the Honourable Minister some time in the lobby. I wonder whether some means could not be found for expediting surface mail. Even air mail takes five or six days and that is too long, I think, for communication by air between West Malaysia and East Malaysia. I wonder whether something could not be done to expedite it.

The other point I wish to make is that compared with the rest of Malaysia, the telephone communication between West Malaysia and Sarawak is not very satisfactory. I have tried from Kuala Lumpur speaking by telephone to Hong Kong and I was amazed at the clarity of reception; whereas when I tried to speak to Kuching from Kuala Lumpur it was very much of a strain. One, in fact, ends up by quarrelling with the other side as one has to shout and that does not seem to improve matters. I know it may have something to do with the cable link, which exists between here and Hong Kong and not between here and Kuching. But surely in these days of technical advance something could be done to improve the position.

I hope the Honourable Minister will look into these two points, because I think it is very important for Malaysia that communications between East and West should be good, and anything that could be done to improve matters, I am sure, would be for the good of Malaysia as a whole. These are the two points I wish to make, Sir,

Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah dan penghargaan saya kepada pekerja² J.K.R. di-seluruh Malaysia Barat ini. Pertama sa-kali, ia-lah pekerja yang ta'tahu bantah, yang menjalankan kerja dengan baik dalam masa pembangunan negeri ini. Jadi, saya patut-lah memberi penghargaan ini melalui Dewan ini, kepada pekerja² J.K.R. yang ta'at setia sa-kali pun menempoh berbagai kekurangan—kekurangan gaji, kekechilan tempat dudok, kekurangan ayer yang berseih, umpama-nya, tetapi mereka menjalankan kerja dengan baik. Jadi, saya berharap dapat di-sampaikan kepada seluruh pekerja J.K.R. ini melalui Menteri Yang Berhormat.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh sadikit S. 72, Pechahan-kepala 13, muka 588—Penyelenggaraan Jalan² Raya dan Jambatan. Di-dalam Malaysia Barat ini, tidak banyak jalan yang burok. Chuma jalan daripada Kuala Lumpur ka-Pantai Timor melalui Bukit Bentong, dan daripada Bentong-Raub. Jalan ini pun sudah di-aku² sa-bagai Jalan Federal. Jadi, saya berharap dalam penyelenggaraan jalan² raya ini, dapat di-tumpukan kepada jalan yang menyambungkan Pantai Timor dengan Pantai Barat ini, melalui negeri Pahang dan tempat yang saya katakan tadi. Saya ta' payah banyak hujjah, Tuan Pengerusi, wakil daripada Besut sudah menyatakan jalan yang paling burok ia-lah jalan di-tempat yang saya chakapkan tadi. Jadi, dalam masaalah ini, Tuan Pengerusi, kalau dapat culvert di-buat, tanah itu di-runtuhkan, ta' payah di-tar, supaya boleh kita mencheptakan—pengalaman ini telah di-buat di-beberapa tempat di-perjalanan itu, dan pada masa yang akhir ini sudah dapat kita gunakan jalan itu bagi meluruskan jalan² yang bengkok itu.

Tuan Pengerusi, jalan sudah-lah bukit, lurah pula. Jadi, ini mungkin banyak kemalangan jalan raya yang berlaku. Bila saya berchakap dengan Menteri Yang Berhormat ini, dia minta saya mengalehkan bukit itu. Saya jawab, Tuan Pengerusi, saya bukan

Sang Hanuman yang boleh mengalahkan bukit ini,—walau pun perchakapan itu chara bergurau, tetapi saya berharap perhatian berat oleh Menteri Yang Berhormat ini dapat di-tumpukan kepada jalan ini.

Saya tak lupa mengucapkan tahniah kepada Jurutera Jabatan Kerja Raya Daerah Raub dan Bentong yang dapat membuat sa-banyak sedikit untuk melurus dan membaiki jalan di-antara kedua daerah itu kita rasa berpuas hati dengan apa yang telah di-buat oleh mereka itu sedangkan peruntokan yang tertentu tak dapat kita bagi dari Kerajaan Pusat. Apa salah-nya, Tuan Pengerusi pada tahu ini, dengan duit penyenggaraan 14.5 million ini dapat di-peruntokkan khusus bagi meluruskan jalan yang saya katakan daripada Raub ka-Bentong ini dan pembedulan kedua² jalan melalui bukit Benting. Jadi saya rasa, Tuan Pengerusi, saya terpaksa berchakap, di-Dewan ini beberapa kali dengan tujuan yang ikhlas dan kaseh kepada Menteri Yang Berhormat ini memandangkan kepada jalan bagi keselamatan pemandu² di-daerah Pantai Timor yang pada masa ini melalui jalan itu ka-Ulu Langat, bukan sedikit bilangan-nya tetapi besar. Kalau² kita silap, Tuan Pengerusi, kita dapat nahas. Jadi perkara yang sa-umpama ini tidak berlaku di-Pantai Barat kechuali kalau mereka berjalan chepat. Jadi saya berharap dalam pemberian dan penyelenggaraan jalan raya ini dapat bantuan dan pandangan istimewa pada jalan yang saya sebutkan. Saya mengucapkan terima kaseh.

Tuan Chin Foon (Ulu Kinta): Mr Chairman, Sir, I rise to participate in the debate on Head S. 71, Ministry of Works, Posts and Telecommunications. Sir, now I wish to touch on Item (33) Senior Executive Engineers, and I wish to draw the attention of the Minister of Works, Posts and Telecommunications to this; that in regard to the areas in my constituency under Local Councils or Town Boards applications submitted to the Land Office for approval of stalls on T.O.L.s have to be referred to the Senior Executive Engineers of the Public Works Department.

Now, every such case which has been referred to them has been refused. Most of these stalls are to be situated on road reserves and they will not obstruct traffic on the roads; some are even situated on the grass verges. 100 per cent of the applications have been turned down and that is why I wish to draw the attention of the Minister concerned to this, and appeal to him to try to repeal this restriction, because the Municipality of Ipoh has set an example. You see, Sir, in most of the roads in the Ipoh Town area, they issue stall licences. They did not have to refer to the Public Works Departments. That is why the Opposition Party of Ipoh, could gain so much publicity and these are their supporters. If we in the Alliance continue to impose such restrictions, we will be distressing the people in the Alliance controlled areas. So, I wish to draw the attention of the Minister to this and appeal to him to try to revoke this restriction on stalls in relation to T.O.L.s.

Sir, now I wish to draw the attention of the Minister to a road. The Minister might think I am being repetitious, but as a representative of the people I have to do it, and that is why I take this opportunity to remind our good Minister about the road from Tanjong Rambutan to Cameron Highlands. I think I have spoken about this road on several occasions in this House, but nothing has been done so far—no survey and no man on the spot. So I hope our good Minister will look into this matter.

Thank you, Sir.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, di-sini saya bersama² menyokong peruntokan Kementerian Kerja Raya yang di-bentangkan pada petang ini dan saya mengambil peluang mengucapkan satinggi² tahniah di-atas kerja² dan kechergasan bagi menyelesaikan segala tugas² Kementerian ini di-dalam rancangan pembangunan negara kita.

Hanya ada sedikit pandangan yang patut saya sampaikan pada Kementerian ini ia-itu berhubung dengan

satu perkara yang saya fikir sangat mustahak bagi menghubungkan utara dan selatan yang mana pada masa itu satu jalan baru telah di-buat ia-itu daripada Hutan Melintang di-hujung negeri Perak dan boleh terus sampai ka-Kuala Selangor. Jalan ini merupakan satu jalan yang sangat² mustahak kerana kalau orang² yang datang daripada sa-belah utara, dia lebeh dekat lagi melalui jalan Telok Anson, Hutan Melintang, Sabak Bernam dan Kuala Selangor hendak pergi ka-Ibu Kota kita, ka-Kuala Lumpur, jika kita bandingkan dengan jalan yang lama pada masa ini ia-itu melalui Bidor, Slim River dan Tanjong Malim, ada lebeh jauh lagi tetapi keadaan jalan ini, oleh kerana agak saya baru sangat di-bena, tidak begitu sempurna dan keadaan-nya sangat burok. Saya harap sangat-lah dapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ini supaya dapat di-perbaiki.

Dan yang kedua, Tuan Pengerusi, berhubung dengan dua buah ferry. Saya berasa iri hati sedikit kerana semua ferry² yang ada di-Pantai Timor telah selesai di-buat oleh Kementerian ini. Ini saya sangat²lah menguchapkan tahniah. Tetapi apa-lah nasib-nya di-sabelah Pantai Barat ini, ferry hanya tinggal dua sahaja, ia-itu ferry yang mencheraikan negeri Perak dan Negeri Selangor, ia-itu di-Sungai Bernam, di-Sabak Bernam, dan satu lagi di-Kuala Selangor. Dua buah ferry ini saya rasa sangat mustahak. Kalau wakil Lipis mengatakan jalan dari sa-belah Pantai Barat baik tetapi ini dalam soal ferry pula Pantai Barat agak ketinggalan. Saya perchaya-lah kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ini akan mengambil perhatian berat berhubung dengan menggantikan ferry yang ada itu kepada membuat jambatan sa-bagaimana yang telah di-buat di-Pantai Timor.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu—ini sudah selalu-lah saya katakan—perhubungan talipon daripada Sabak Bernam dia terpaksa pergi ka-Telok Anson, pergi ka-Ipoh baru-lah sampai ka-Kuala Lumpur. Pada hal Kuala Lumpur itu ada-lah boleh dikatakan kepala negeri Selangor dan Sabak Bernam itu juga letak-nya di-

dalam negeri Selangor. Saya rasa Yang Berhormat Menteri ini tentu-lah ber-simpati dengan saya untuk membuat perhubungan yang lebeh dekat lagi supaya segala perhubungan dengan Ibu Kota ini boleh di-buat dengan sa-berapa jelas. Dengan chara yang ber-pusing² dari Telok Anson ka-Ipoh dan baru sampai ka-Kuala Lumpur ini ada-lah sangat² menyulitkan dan kadang² pendengaran tidak begitu jelas kepada orang² Sabak Bernam apabila hendak berchakap ka-Ibu Kota Kuala Lumpur ini.

Itu-lah dua perkara sahaja saya hendak berchakap dan sa-kali lagi saya uchapkan terima kaseh dan tahniah kerana segala kerja yang telah mendapat kejayaan bagi Kementerian Kerja Raya ini.

Tuan Hussein bin Sulaiman (Ulu Kelantan): Tuan Pengerusi, saya suka berchakap di-atas Kepala S. 71 dan sa-belum itu saya suka-lah menguchapkan tahniah dan terima kaseh kepada Kementerian Kerja Raya kerana telah mengambil berat dan telah bertahun² lama-nya membena sa-batang jalan dari Debong ka-Jeli sa-hingga hari ini pun belum siap lagi. Jadi kerana kesabaran orang² di-sana dan juga kerana keberatan perhatian di-ambil oleh Kementerian ini, maka jalan itu tertinggal-lah begitu. Jadi suka-lah saya menarek pandangan Menteri yang berkenaan sa-batang jalan yang saya katakan tadi telah mula² di-bena pada tahun 1962 lagi sa-hingga sekarang belum siap lagi dan nampak-nya daripada pengalaman begitu bahawa jalan yang di-buat oleh J.K.R. selalu-nya mengambil masa yang panjang walau pun pembenaan itu memakan beribu² ringgit dalam masa yang panjang. Jadi, saya juga berasa dukachita jangan-lah jalan ini tertinggal begitu membazirkan. Sebab rasa saya di-Kelantan itu-lah sahaja jalan yang boleh memberi satu kemudahan kepada orang² kampong di-ulu² dapat berhubung dengan bandar, barangkali pehak Kementerian ma'alum sendiri bahawa di-Ulu Kelantan jalan yang ada ia-lah mengikuti jalan kereta api sahaja dan boleh juga pakai jalan sungai. Tetapi jika sa-kira-nya jalan Dabong-Jeli ini dapat di-siapkan dengan

jangka masa yang pendek, barangkali kema'amoran atau pun kemajuan di kedua belah jalan lembah Pergau itu dapat memberi nikmat kepada penduduk² dalam kawasan itu.

Saya berasa dukachita tentang satu lagi jalan ia-itu sambungan jalan yang kita katakan East-West Highways yang di-mulakan daripada Kuala Berang hingga ka-Sungai Siput dan juga satu jalan daripada Kuala Krai ka-Bukit Hantu. Tetapi saya faham bahawa jalan itu dengan ada beberapa alasan tidak dapat di-jalankan tetapi dengan rayuan saya, saya harap Kementerian ini dapat membenakan juga jalan itu daripada Kuala Krai kepada kampung yang jauh-nya lebeh kurang 15 batu sahaja daripada Kuala Krai ka-Kampung Laloh supaya orang kampung di-situ (kampung penempatan sa-mula yang di-hujung sa-kali) yang akan dapat sa-kurang²-nya di-beri kemudahan kepada orang kampung penempatan di-sepanjang jalan itu dapat datang ka-pekan², dapat membeli belah di-pekan Kuala Krai. Jadi, buat hari ini chuma jalan itu sampai kepada enam batu sahaja daripada Kuala Krai ka-Kampung Pahi dan patut-lah Kementerian ini memberi kesempatan supaya jalan ini di-siapkan hingga kepada Kampung Laloh.

Dan juga perkara yang kedua patut juga-lah Kementerian ini mengambil berat di-atas jalan² yang telah terkena banjir baru² ini patut di-baiki segera kerana saya dapati kalau di-biarkan begitu akan dapat kemalangan jalan raya oleh penunggang sekuter², motor-sikal di-sana, kerana banyak lubang² di-jalan itu dan juga jalan Kuala Krai ka-Machang, Machang ka-Tanah Merah jalan itu selalu-nya di-banjiri ayer walau pun hujan dua tiga hari maka jalan itu tidak dapat di-lalui. Jadi, patut-lah jalan itu di-tinggikan supaya dapat kita gunakan dalam masa banjir yang kechi².

Yang kedua, saya juga suka menyen-toh S. 75 berthabit dengan Talipon. Jadi saya rasa patut-lah saya mencha-dangkan operator² talipon ini patut-lah di-adakan angka-nya sendiri bila kita panggil Talipon Operator ini dia selalu-nya suka melambat²kan atau pun ada

alasan lain, tetapi kadang²-nya terkasar sedikit bila kita tanya achapkali barangkali dia banyak kerja, saya pun tak tahu, tetapi patut-lah ada angka² yang di-beri supaya kita tahu siapa orang yang telah melakukan kasar begitu supaya perkhidmatan talipon ini lebeh lagi memberi kesan yang baik kepada panggilan² talipon.

Akhir-nya saya mengucapkan terima kaseh kepada Kementerian ini kerana telah memberi pondok² talipon di-dalam kawasan Machang dan Ulu Kelantan yang mana kita menguchapkan shukur-lah kepada Kementerian ini yang mana kita boleh mengechap nikmat sama talipon² di-luar bandar itu dapat di-gunakan oleh kawasan² yang jauh daripada bandar dan akan dapat memberi faedah yang besar jika ada kemalangan atau pun kechemeasan di-dalam kampung itu supaya dapat berhubung terus dengan pehak yang di-minta pertolongan.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Berapa minit hendak berchakap?

Tuan Karim bin Abu: Dua minit sahaja.

Tuan Pengerusi: Dua minit boleh. Saya rasa masa sudah suntok, Menteri hendak menjawab.

Tuan Karim bin Abu: Saya juga mengambil kesempatan memberikan terima kaseh kepada Kementerian yang berkenan berhubung dengan tugas² daripada ada sa-rendah² dan sa-tinggi pegawai-nya.

Tuan Pengerusi, saya berchakap S. 75 muka 609 Jabatan Talikom. Apa yang saya berhajat kepada Menteri yang berkenaan ia-itu Ibu Pesawat Talipon yang ada di-Jasin patut-lah digantikan dengan Ibu Sawat yang baharu. Kerana yang ada sekarang sudah terlalu lama, sa-tengah abad sudah, lama-nya. Dengan sebab lama itu sudah lapok selalu rosak, dan chuma ada 100 line sahaja kalau tidak salah. Harapan penduduk daerah Jasin supaya di-tambah, di-tukar kepada pesawat yang baharu dan di-tambah

line tidak kurang daripada 200 line. Ini juga bukan sahaja di-daerah Jasin tetapi Ibu Sawat yang ada di-Merlimau juga minta di-gantikan.

Tuan Pengerusi, yang kedua muka surat 588, Pechahan-kepala 13, Penyelenggaraan Jalan Raya dan Jambatan. Apa yang saya maksudkan jambatan ia-itu jambatan Muar dan Batu Pahat sudah siap, sudah hendak siap. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan apabila jambatan ini siap, ferry yang ada pekerja² penambang di-kedua² tempat itu putus pencharian dia. Beratus² jiwa tidak ada mata pencharian, tidak dapat makan. Jadi, ini saya berharap kepada Menteri yang berkenaan dapat merundingkan dengan Kabinet supaya pekerja² penambang Muar dan Batu Pahat itu dapat diselamatkan sama ada di-beri tanah atau di-beri kerja yang lain bagi sara hidup dia, keluarganya.

Terlanjor saya berchakap berkenaan dengan jambatan Muar ini, barangkali jambatan ini juga akan di-kenakan chukai. Jadi apa saya mahu, saya minta, saya merayu, jangan-lah jadi Slim River sana, chuba-lah kechualikan orang yang meluluskan estimate membuat jambatan itu. Itu terpulang-lah kepada Menteri tentu-lah tahu Parli-men ini-lah yang meluluskan.

Selain daripada itu, yang ketiga . . . Ada sedikit lagi.

Tuan Pengerusi: Ya, jalan-lah.

Tuan Karim bin Abu: S. 73 muka surat 592, Butiran (59), Posman. Saya merayu kepada Menteri, Posman ini patut di-naikkan gaji kerana surat² register selalu hilang. Perkara yang samacham ini bukan sahaja barangkali berlaku di-daerah saya, orang yang menghantar register kepada anak isterinya, masuk dalam register \$25 tinggal \$10 sampai, dan kadang² kosong. Jadi, saya berharap gaji posman ini di-naikkan. Terima kaseh.

Tan Sri V. T. Sambanthan: Mr Chairman, Sir, I would like to thank Honourable Members for the tribute they have paid to the members of the staff of the various Departments in my Ministry. I deeply appreciate their

sentiments. I am sure that the workers in all these Departments will be spurred on to greater efforts.

With regard to the points raised by Honourable Members the Member for Temerloh suggested that we should improve the roads within Kemayan and Temerloh in view of their being used by the logging lorries and so on and so forth. The question with regard to logging lorries is now being looked into by the Government. In fact, it was discussed at a meeting of the Ministry of National and Rural Development, and we are trying to move on to control these logging lorries from breaking up our roads. With regard to the improvement of roads, we are trying to improve these continuously and Pahang must be happy that they have had more than the usual share.

With regard to the point raised by the Member for Besut, Jambatan Jerteh, which is a submersible bridge, I am afraid that we cannot do much. The Honourable Member should be happy that he has a bridge there and that has not been washed away and the bridge is still there. If we have money, we could do anything that is necessary, but unfortunately, that is in short supply at the moment.

With regard to the Member for Sarawak in regard to postal services, the Member for Batu had no business to send a letter with Parliament chop and expected it to be sent by airmail. He should have affixed the proper airmail stamp. If he had not affixed it, it was not the fault of the postal department. However, I would certainly look into the delays that he suggests exist in the case of airmail letters between here and Kuching. In the normal course of events, a letter should not take more than 2 days from Kuala Lumpur to Kuching, taking the time of posting and all that. With regard to kampongs and others, the delay would depend upon the distance between Kuching and the particular kampong. In any case, I will have this matter looked into.

With regard to the telephone service between West Malaysia and Sarawak and Sabah, I wish the Member had

waited till the Development Budget were introduced, for I could have given him more information. But I am sure he and other Members from Sarawak would be happy to know that we have planned and we should be embarking upon a programme for the providing of tropospheric scatter between here and Sarawak which should give as good a line as between here and Sarawak as, possibly, between here and Johore Bahru, or between here and Penang, and then Kuching should be on the main line with clear lines right round the world almost as it were. The unfortunate thing is that the telephone set-up in Sarawak as well as Sabah has been very backward and this is an example of what British imperialism and colonialism left behind for the people. May be it was symbolical of their attitude of mind—they did not want people to get together too often, maybe. But, in any case, the stage at which we took over was such that the country was extremely backward and we have got to pour in a lot of money to correct that imbalance, which we are trying to do at present.

I would like to thank the Member for Lipis for his congratulations. With regard to his request for the improvement of the Raub/Bentong road, this is, as he knows, being undertaken in small stages. But this, again, depends upon money.

As for the Member for Ulu Kinta, he wants the P.W.D. road reserves to be given as a matter of right for use as stalls. I only wish that he could, refer to me any particular area where there is no danger to road users and to the stalls, and maybe we can do something for him. As for the road from Tanjong Rambutan to Cameron Highlands, I have asked him many times to come to my Ministry to have a look at the plans we have drawn up, and I look forward to his coming one day to my Ministry to have a look at these plans. We have been meeting for about a month now. He can call in it any day he likes. There is still a week more, and I welcome him to come to my Ministry any time to have a look at these plans.

With regard to the point raised by the Member for Sabak Bernam, that the ferry be replaced, I very much feel that we ought to replace these ferries, but this again is a matter of money and the density of traffic. We have currently increased the number of ferries at this particular station.

As for the Member for Ulu Kelantan, I agree with the Honourable Member, because I am also a victim of the same circumstances. The East Coast road which goes from Sungei Siput to Gua Musang through other places is all being shelved. However, I have good news in so far as the north route to connect Kelantan to Penang or to Kedah; and other routes will shortly be undertaken as an exercise by a United Nations team which is expected to reach here in a few months time. How soon they will reach however, I am not in a position to predict.

With regard to Jasin Exchange to be improved, I will look into this matter and I promise the Honourable Member that we shall try to improve it as fast as we can. This is in fact, in the First Malaysia Plan and we shall try and give him this equipment as soon as possible.

As for the workers in the ferry, I must report that as long as a year ago I had a meeting with the then Menteri Besar of Johore at which Tuan Haji Hassan agreed that he would look into the possibility of settling these people on the land and I offered on behalf of this Ministry to take in some of the workers on to the toll station at Muar and Batu Pahat, but they were not very keen to be employed at our toll station. In any case the State Government undertook to do certain things, but form what the Honourable Member says it appears that there is a deadlock. I shall, of course, refer this to the Cabinet and see what they can do about this. As for the exemption for Parliamentary Members, I shall certainly bear it in mind.

As for the loss of the registered letters, we have got to tackle this seriously, I agree, but I would like

specific cases of such losses. The best answer really is for people to send money orders instead of putting money inside letter covers. As you know, the Postal Department does not advise people to put in \$10 or \$20 into the envelopes even if they are registered. We do not have any insurance scheme. So the best thing is for them not to put the money inside letter covers but send it as money order, which is the right thing to do. Thank you very much.

Question put, and agreed to.

The sum of \$11,790,625 for Head S. 71, the sum of \$29,996,554 for Head S. 72, the sum of \$23,660,016 for

Head S. 73, the sum of \$9,760,481 for Head S. 74 and the sum of \$36,962,518 for Head S. 75 ordered to stand part of the Schedule.

Clauses 1 and 2 ordered to stand part of the Bill.

House resumed.

Bill reported without amendment: read the third time and passed (*Applause*).

Mr (Deputy) Speaker: Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi besok.

House adjourned at 7.40 p.m.